

# **IRSYAD HUKUM**

**5**

# ISI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>HALAMAN</b>
AKIDAH .....	1
IBADAT.....	6
MUAMALAT .....	55
MUNAKAHAT .....	74
JINAYAT .....	82
FARAID DAN WAKAF.....	87
ZAKAT .....	102
SAMBUTAN DAN PERAYAAN.....	108
MASJID DAN KUBUR .....	111
KEMASYARAKATAN.....	135

# **AKIDAH**

SOALAN 1 :

*Jabatan ini meminta penjelasan mengenai isi kandungan ajaran-ajaran dari buku "Hakikat Insan" oleh Haji Ahmad Laksamana bin Omar, keluaran Kota Baharu Kelantan yang pihak kami perolehi dari seorang awam untuk diberikan kepada banduan Islam di Penjara Taiping.*

**JAWAPAN :** Buku *Hakikat Insan* tersebut telah diharamkan kerana mengandungi ajaran yang mengelirukan dan tidak berasas serta boleh menyesatkan pengamalnya. Dalam ajarannya menafikan sifat Qidam (sedia Allah) serta pula menyatakan bahawa Allah bersatu dengan manusia. Ini bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah.

SOALAN 2 :

*a) Setelah kiamat dunia ini, di mana letaknya Mahsyar dan di mana letaknya Syurga dan Neraka, adakah di langit. Mengikut ahli sains di langit hanya penuh dengan udara-udara tebal, tidak ada zat yang berupa benda hanya angkasa lepas semata-mata.*

*b) Apakah hukumnya seorang berlakon dalam drama, menyebut kalimah Demi Allah dan Wallahi, Watallahi dan apa hukumnya orang yang berlakon dalam drama itu juga berlakon sembahyang dan membaca al-Quran, tetapi ianya tidak pernah sembahyang dan membaca al-Quran sebagai amalannya.*

**JAWAPAN :**

a) Syurga dan Neraka adalah perkara ghaib yang wajib diimani akan wujud setelah kiamat. Di mana tempatnya, tentu sekali bukan di dunia ini kerana langit dan bumi yang ada ini telah hancur binasa. Yang pentingnya bukanlah soal di mana, tetapi apakah persediaan kita untuknya.

b) Orang yang bersumpah dengan lafaz sumpah seperti disebut dalam lakonan itu, jika tidak melaksanakan sumpahnya atau berdusta,

wajib membayar kifarah sumpah dengan melakukan satu dari tiga perkara berikut:

- I. Memerdekakan hamba.
- II. Memberi makan sepuluh orang miskin pada kadar sehari secupak.
- III. Atau memberi pakaian sepuluh orang miskin

Berlakon sembahyang, dengan tujuan mengajar tidak salah tetapi kalau bukan tujuan itu, maka perbuatan itu satu penghinaan, maka hukumnya haram

SOALAN 3 :

*Oleh kerana perasaan marah dan terlalu cemburu kepada isteri, maka si suami telah melafazkan kata-kata yang dianggap menghina Tuhan dengan kata sial, celaka dan "lebih baik menjadi padri". Beberapa jam kemudian ia menyedari bahawa perbuatannya itu salah, lantas ia bertaubat dengan melafazkan Dua Kalimah Syahadah dan terus insaf. Persoalannya, apakah kedudukan dirinya dan bagaimana harus di buat olehnya?*

JAWAPAN :

- a) Sekiranya ia telah melafazkan sesuatu kalimah yang boleh menyebabkan terkeluar dari Agama Islam, maka ia hendaklah bertaubat dan mengucap syahadah dengan serta-merta.
- b) Apabila murtad salah seorang suami atau isteri, maka dilihat dari keadaan apakah berlaku murtad itu, sebelum atau selepas dukhul (bersetubuh). Sekiranya berlaku kejadian itu sebelum dukhul, maka berlakulah perpisahan dengan serta-merta.
- c) Jika sekiranya murtad itu berlaku selepas dukhul, maka ianya tergantung sehingga berakhir iddah perempuan. Jika sekiranya ia kembali semula kepada Islam dalam masa iddah itu, maka perkahwinan itu adalah berterusan dengan tidak perlu kepada rujuk.

SOALAN 4 :

*Seseorang yang memahami, menghafal dan mampu menghuraikan sifat-sifat Allah SWT secara terperinci, kemudian dia mengatakan bahawa dalam sesebuah negara yang bermasyarakat majmuk tidak dapat dilaksanakan perundangan Islam kerana terdapat orang-orang kafir dan kena jaga hati mereka. Bagaimana aqidah dan keimanan orang yang berfahaman demikian.*

**JAWAPAN :** Dalam masyarakat majmuk yang bercampur dengan orang kafir, hukum Islam hendaklah dijalankan ke atas orang-orang Islam. Bagi orang-orang kafir hendaklah dikenakan undang-undang yang sesuai dengan kepercayaan mereka. Contohnya orang-orang Islam dikenakan membayar zakat, bagi orang kafir dikenakan cukai demikian dengan hukum-hukum yang lain.

SOALAN 5 :

**Apa hukumnya menuntut tariqat *Naqshabandiah*?**

**JAWAPAN :** Harus menuntut tariqat *Naqshabandiah* jika seseorang itu telah cukup matang dalam masalah akidah dan syarat.

SOALAN 6 :

*Mohon pencerahan mengenai pegangan saya iaitu "orang yang meninggalkan solat(walaupun dia tidak pernah solat seumur hidupnya) tidak menjadi kafir selagi dia tidak menolak kewajipan solat". Adakah pegangan saya salah dan apakah pegangan saya ini berdasarkan mazhab dan adakah itu pandangan yang majoriti?*

**JAWAPAN :** Jabatan Mufti Negeri Perak berpandangan bahawa orang yang meninggalkan solat tanpa mengingkari akan kewajibannya maka ia adalah fasik serta tidak terkeluar daripada agama Islam(kafir).

Hal ini adalah berasakan pandangan yang dikemukakan oleh Imam Nawawi di dalam kitabnya yang bertajuk *Sahih Muslim bi Syarhi al-Nawawiyy*, jilid 2 pada halaman 93 sepertimana yang berikut:

وأما تارك الصلاة فإن كان منكرا لوجوبها فهو كافر بإجماع المسلمين خارج من ملة الإسلام .... ، وإن كان تركه تكاسلا مع اعتقاده وجوبها كما هو حال كثير من الناس، فقد اختلف العلماء فيه. فذهب مالك والشافعي رحمهما الله والجماهير من السلف والخلف إلى أنه لا يكفر، بل يفسق ويستتاب.

*“Adapun orang yang meninggalkan solat, jika sekiranya ia mengingkari akan kewajibannya maka ia dianggap kafir secara ijma' serta terkeluar dari agama Islam, Jika sekiranya ia meninggalkan solat kerana malas sedangkan ia mengakui akan kewajibannya sepertimana yang difahami oleh kebanyakan orang maka ulama telah berselisih pandangan mengenainya . Al - Imam Malik dan al - Imam al - Syafie rahimahumallah serta jumah di kalangan ulama Salaf dan Khalaf berpandangan bahawa ia tidak dianggap sebagai kafir bahkan seorang yang fasik yang perlu bertaubat (dari meninggalkan solat) , ”*

# **IBADAT**



SOALAN 1 :

*Saya bekerja sebagai seorang kerani di sebuah bank. Kakitangan di dalamnya lebih kurang seramai 26 orang, terdiri dari berbagai bangsa. Oleh kerana kakitangan Muslim lebih ramai, maka timbul masalah pada hari Jumaat, di mana pihak majikan membuat jadual supaya seorang kerani dari kalangan kakitangan Muslim terus bertugas sehingga tidak dapat mengerjakan fardhu Jumaat, termasuklah saya. Saya ingin penjelasan daripada pihak majlis samada pihak majikan berhak menetapkan giliran tersebut?*

**JAWAPAN :** Tidak ada peruntukan yang memestikan mana-mana Jabatan Bank dan kilang membenarkan pekerja-pekerjanya menunaikan fardhu Jumaat. Perkara ini terpulang kepada budi bicara pihak pengurusan. Pihak jabatan ini dari masa ke semasa menghubungi pihak pengurusan supaya memberi kebenaran dan pertimbangan kepada pekerja-pekerjanya untuk menunaikan sembahyang Jumaat dan fardhu yang lain.

SOALAN 2 :

- a) Bagaimanakah hukumnya darah orang kafir dimasukkan dengan jalan suntikan kepada orang Islam?*
- b) Membeli dan menjual barang najis adalah haram, tetapi apa hukumnya membeli darah di hospital kerana orang itu kekurangan darah, dan apakah hukumnya kalau darah yang dibeli itu dari darah orang kafir dimasukkan ke dalam badan orang Islam kerana kesihatan?*

**JAWAPAN :**

Asal hukum darah itu najis, dilarang menggunakannya tetapi:

- a) Apabila terpaksa maka hukumnya harus apatah lagi dalam menyelamatkan nyawa. Ini termasuklah darah orang Islam atau orang Kafir. Lihat surah al-Baqarah ayat 173 dan surah al-Maidah ayat 3:

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِزْيِرِ وَمَا أُهْلَ بِهِ لِغَيْرِ  
 اللَّهُ فَمَنْ أَضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ  
 رَّحِيمٌ

“Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan bagi mu bangkai, darah, daging babi, dan binatang yang (ketika disembelih) disebut (nama) selain Allah. Tetapi barang siapa dalam keadaan terpaksa (memakannya) sedang dia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka tidak ada dosa baginya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالدَّمُ وَلَحْمُ الْخِزْيِرِ وَمَا أُهْلَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ وَالْمُنْخَبَقَةُ  
 وَالْمَوْقُودَةُ وَالْمُتَرَدِّيَةُ وَالنَّطِيحَةُ وَمَا أَكَلَ السَّبُعُ إِلَّا مَا ذَكَّيْتُمْ وَمَا  
 ذُبِحَ عَلَى النُّصَبِ وَأَنْ تَسْتَقْسِمُوا بِالْأَزْلَمِ ذَلِكُمْ فِسْقٌ الْيَوْمَ يَبِيسُ الَّذِينَ  
 كَفَرُوا مِنْ دِينِكُمْ فَلَا تَحْشَوْهُمْ وَاخْشَوْنَ الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ  
 وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيْتُ لَكُمْ الْإِسْلَامَ دِينًا فَمَنْ أَضْطُرَّ فِي  
 مَخْمَصَةٍ غَيْرِ مُتَجَانِفٍ لِإِثْمٍ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

“Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian. Dihalalkan bagi kamu (memakan) binatang-binatang ternak (dan sebagainya), kecuali apa yang akan dibacakan (tentang haramnya) kepada kamu. (Halalnya binatang-binatang ternak dan sebagainya itu) tidak pula berarti kamu boleh menghalalkan perburuan ketika kamu dalam keadaan berihram. Sesungguhnya Allah menetapkan hukum apa yang Ia kehendaki.”

- b) Harus membeli darah yang diperlukan untuk kegunaan orang yang memerlukannya.

SOALAN 3 :

*Apakah pandangan Dato' mengenai solat Jumaat di kariah kami yang kadang-kala tidak dapat berjumaat kerana tidak cukup bilangan ahli. Adakah boleh diteruskan sahaja solat Jumaat itu, kemudiannya diiringi pula dengan solat Zohor? Atau bagaimana?*

**JAWAPAN :** Pendapat yang muktamad dalam Mazhab Shafie yang menjadi amalan umat Islam di negeri ini, solat Jumaat itu tidak boleh didirikan jika tidak cukup bilangan 40 orang yang mastautin, lagi akil-baligh. Hendaklah didirikan solat Zohor berjemaah setelah menunggu kedatangan jemaah dan berputus-asa dari kehadiran bilangan yang tidak mencukupi itu.

SOALAN 4 :

*Saya ingin mendapatkan penjelasan tuan mengenai kemusykilan ini:*

- a) *Telah menjadi kebiasaan bila seorang telah meninggal dunia, maka warisnya akan meminta beberapa orang untuk membuat Sembahyang Hadiah untuk si mati. Adakah mengerjakan Sembahyang Hadiah itu dituntut dan anjuran syariat Islam?*
- b) *Siapakah yang wajib menanggung perbelanjaan seseorang isteri untuk menunaikan Fardhu Haji?*

**JAWAPAN :**

- a) Tidak terdapat dalam kitab-kitab yang muktabar satu sembahyang yang diberi nama khusus dengan Sembahyang Hadiah. Apa yang difahamkan daripada hadith, sembahyang yang dimaksudkan ialah sembahyang sunat mutlak, sebagaimana yang disebut dalam kitab *Nihayatul Zain*, halaman 107,

## ومنه : صلاة ركعتين لأنس في القبور

*“Setengah daripada sunat ialah sembahyang dua rakaat bagi mayat sesudah ditanam”*

Pendapat ini berdasarkan kepada sebuah hadith Rasulullah SAW yang tarafnya dhaif.

- b) Seseorang itu wajib mengerjakan Haji jika ia mempunyai kemampuan sendiri. Tidak wajib atas suami atau walinya menanggung kos baginya mengerjakan Haji. Namun begitu tidaklah pula salah bagi suami mengeluarkan belanja untuk isterinya mengerjakan Haji. Wajib nafkah isteri ke atas suami tidak termasuk mengerjakan Haji.

SOALAN 5 :

*Untuk makluman, di daerah ini telah dibina sebuah bangunan pasar baru. Di bangunan itu disediakan kemudahan ruang untuk sembahyang, tetapi kedudukannya adalah berhampiran dengan ruang peniaga-peniaga daging babi. Hal ini telah menimbulkan pertelingkahan di antara peniaga-peniaga bukan Islam dengan masyarakat Islam tempatan. Oleh itu, saya mengharapkan pandangan YBhg. Dato’ mengenai perkara berkaitan tersebut.*

JAWAPAN :

- a) Satu daripada syarat sah sembahyang/ibadah ialah tempat di mana ia dilakukan, mestilah diyakini bersih. Jika sesuatu tempat itu mendatangkan keraguan, maka tidak sah dibuat ibadah di tempat itu. Jika sesuatu tempat itu bersih, tetapi letaknya berhampiran tempat najis, maka hukumnya adalah makruh.
- b) Pada pandangan saya, bilik sembahyang di kawasan pasar baru tersebut yang berhampiran dengan tempat penjualan daging khinzir (babi), iaitu merupakan najis mughallazah, adalah tidak sesuai kerana ia bukan saja menimbulkan keraguan,

tetapi kelihatan sebagai satu penghinaan. Oleh kerana itu, tempat penjualan daging khinzir itu hendaklah dipindahkan ke tempat lain yang tidak mendatangkan keraguan.

SOALAN 6 :

Dipohonkan jawapan bagi masalah berikut, iaitu seorang menyembelih seekor ayam tetapi tidak mati sehinggalah hari kedua. Bolehkah disembelih sekali lagi dan dimakan?

JAWAPAN :

- a) Jika sekiranya ayam itu telah disembelih dengan memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki oleh syara' iaitu putus urat pernafasan (khalqum) dan kedua dua urat darah (*wadajain*), maka ayam itu adalah halal, walaupun ia mati lambat atau walaupun memakan masa beberapa hari.
- b) Sekiranya ia disembelih dengan tidak memenuhi syarat syara' dan ia masih hidup, maka boleh disembelih sekali lagi dan halal dimakan.

SOALAN 7 :

*Saya ingin mendapatkan fatwa bersabit dengan perkara-perkara berikut:*

- a) *Adakah benar pendapat yang mengatakan bahawa seseorang yang membuat pinjaman kepada mana-mana institusi, seperti pinjaman rumah/kenderaan melalui kerajaan dan swasta, maka ia tidak boleh menjadi imam. Sekiranya ia Kadhi atau Naib Kadhi, maka pernikahan yang dilakukannya tidak sah.*
- b) *Benarkah seorang penceramah wanita haram berceramah di majlis-majlis seperti Maulidur Rasul yang dihadiri oleh pendengar wanita dan lelaki, kerana suara wanita adalah aurat.*

**JAWAPAN :**

- a) Pinjaman perumahan yang disediakan oleh kerajaan kepada kakitangannya adalah untuk membantu mereka bukan untuk tujuan keuntungan, maka hukumnya harus. Adapun pinjaman melalui bank adalah berlainan kerana bank mencari keuntungan.
- b) Seorang yang meminjam "loan" atau hutang dari kerajaan atau mana-mana agensi adalah sah menjadi imam.
- c) Pernikahan yang dijalankan oleh jurunikah yang meminjam wang dari kerajaan adalah sah.
- d) Suara wanita bukannya aurat, maka harus seseorang wanita memberi ceramah.

**SOALAN 8 :**

*Saya berazam untuk menunaikan fardu Haji tahun ini. Persoalan saya di manakah Miqat sebenar jemaah haji dari Malaysia yang menaiki kapal terbang?*

**JAWAPAN :** Miqat orang Malaysia yang hendak mengerjakan *Haji Ifrad* atau *Qiran* atau untuk melakukan Umrah ialah *Qarnul Manazil* kerana kapal terbang melalui *Riyadh*. Harus juga Ihram di *Jedah* sebagaimana yang disebutkan dalam Kitab *Sabilul Muhtadin*, Juzu' 2, halaman 78 dari *Fatwa Ibnu Hajar*:

*"(Dan miqat) yang datang daripada Nadju Aiman dan Hijaz iaitu Qarnu."*

**SOALAN 9 :**

*Saya ingin mendapatkan penerangan YBhg. Dato' mengenai kaedah pembayaran fidyah yang sering dilakukan oleh masyarakat Melayu Islam dengan menggantikan beras atau barang kemas bagi fidyah tinggal sembahyang, puasa dan kifarah sumpah.*

**JAWAPAN :**

Fidyah wajib dikeluarkan bagi orang yang telah meninggal dunia kerana:

- a) Ketinggalan puasa wajib yang belum sempat di bayar atau kifarah sumpah yang belum dibayar.
- b) Sembahyang yang ditinggalkan tidak wajib fidyah mengikut pendapat yang diijmakkan oleh kebanyakan ulama' Mazhab Syafie. Namun begitu ada qaul dalam Mazhab Syafie yang mengharuskan fidyah atas sembahyang seperti juga puasa.
- c) Fidyah dibayar dengan makanan asasi seperti fitrah iaitu secupak beras bagi sehari puasa yang ditinggalkan atau satu sembahyang yang ditinggalkan dengan memberi makan seorang miskin.
- d) Adapun yang dilakukan oleh orang ramai dengan menolak seguni beras atau barang-barang kemas dari emas itu, tidak terdapat sebarang keterangan mengenainya.
- e) Adalah lebih utama jika keluarga terdekat si mati melakukan puasa qadha bagi si mati atau melakukan sembahyang qadha bagi si mati.

Sila rujuk Kitab “*al-Jamal ‘ala Syarhil Minhaj*”, Juzu' 2, muka surat 338.

**SOALAN 10 :**

*Dimaklumkan bahawa Diamond Processing Corporation Sdn. Bhd. adalah sebuah kilang antarabangsa bagi memproses berlian. Sejumlah besar pekerjaannya adalah orang Islam. Di dalam menjalankan kerja, pekerja-pekerja akan menggunakan sejenis cecair “Methanol” yang mengandungi bahan alkohol bagi proses menggilap berlian. Persoalannya apakah hukum bagi seseorang Islam menyentuhnya. Adakah boleh dibersihkan dengan menggunakan air dan sabun?*

**JAWAPAN :** “Methanol” yang mengandungi alkohol hukumnya adalah najis. Najis jika terkena pada badan atau pakaian wajib dibersihkan apabila hendak sembahyang. Mebersihkan najis bagi kategori ini memadai dengan menggunakan air bersih biasa.

SOALAN 11 :

*Saya memohon pandangan dari Dato' berkenaan Solat Jumaat yang tidak mencapai angka 40 orang jemaahnya. Jumlah rumah di kampung tersebut lebih kurang 25 buah dan ahli jemaahnya seramai 20 orang. Diserahkan tiada kemudahan asas menyebabkan ramai yang berpindah ke tempat lain yang tinggal kini hanyalah yang perempuan (janda) sahaja. Apakah pendapat Dato' berkenaan masalah ini?*

**JAWAPAN :** Tidak wajib bagi penduduk berpindah ke masjid lain, tetapi wajib penduduk kariah itu berjemaah Zohor di masjid itu.

SOALAN 12 :

*Saya pergi bermusafir dari Ulu Kinta ke Tanjung Karang dan Kuala Lumpur, lebih dua marhalah. Ketika di perjalanan saya lakukan solat Jama' Takdim atau Jama' Ta'khir. Bila sampai di rumah anak saya di Tanjung Karang dan Kuala Lumpur dan duduk di situ, berapa lamakah dibolehkan solat Jama'?*

**JAWAPAN :** Jika tuan berhenti di rumah anak tuan lebih daripada 3 hari, maka tuan tidak boleh melakukan solat Jama' tetapi hendaklah dilakukan secara Tamam. Jika tuan hanya berhenti selama tiga hari boleh dilakukan solat Jama'.

SOALAN 13 :

*Adakah dihukumkan bersih pada syarak, pakaian yang dibasuh dengan mesin pembasuh dengan cara:*

- a) Memasukkan 5 helai kain dan satu helai kain itu kena najis air kencing.*
- b) Mesin pembasuh ini membuang air Mutannajis tadi keluar dan menggantikan semula air yang baru, sebanyak 6 kali keluar dan masuk mengikut sistem automatiknya.*



*c) Adakah penukaran air sebanyak 6 kali dengan air yang baru dianggap air lalu dalam istilah penyucian najis?*

**JAWAPAN:**

- a) Kain yang bernajis hendaklah dihilangkan dahulu najis yang berkenaan dan dibilas dengan air sebelum dicampurkan dengan kain yang lain ke dalam mesin.
- b) Ulama' berpendapat walaupun mesin pembasuh itu menggantikan air beberapa kali; ia tidak dikira sebagai air lalu.

**SOALAN 14 :**

- a) Adakah sunat dijawab bang (azan) melalui siaran terus di televisyen dan radio (bukan rakaman)?*
- b) Adakah wajib dijawab salam melalui siaran terus di televisyen dan radio seperti dalam warta berita dan lain-lain?*

**JAWAPAN :**

- a) Sunat dijawab azan yang dilaungkan oleh *muazzin* melalui radio atau televisyen kerana azan itu dilaungkan oleh orang yang sedang melakukan ibadat.
- b) Salam yang diucapkan oleh pembaca berita ditujukan kepada umum. Jika diketahui ada yang telah menjawabnya tidaklah wajib lagi menjawabnya tetapi sunat sahaja.

**SOALAN 15 :**

- a) Apa hukumnya kanak-kanak lelaki yang belum berkhitan turut berjemaah solat dengan masuk di saf orang dewasa atau orang tua?*
- b) Apa hukumnya jikalau orang dewasa atau tua yang ada air sembahyang tersentuh kanak-kanak tersebut. Adakah batal air sembahyang kerana kanak-kanak itu menanggung najis kononnya.*

**JAWAPAN :**

- a) Kanak-kanak yang belum berkhitan masuk saf orang dewasa atau tua-tua menyalahi sunnah, yang dikehendaki kanak-kanak yang belum baligh sembahyang di belakang orang-orang yang telah baligh.
- b) Tidak batal wudhu' seseorang yang menyentuh kanak-kanak yang belum berkhitan bahkan jika dalam sembahyang sekalipun kerana kanak-kanak itu tidak najis.

**SOALAN 16 :**

*Bagaimana pendapat YBhg. Dato' mengenai hukum terhadap kaum wanita yang datang berjemaah sembahyang di masjid dan surau. Ada beberapa orang ustaz menyatakan mereka tidak dituntut berjemaah, kerana takut timbul fitnah.*

**JAWAPAN :** Berjemaah menunaikan sembahyang adalah dituntut baik lelaki ataupun perempuan (wanita) dengan kelebihan 27 darjat. Bagi lelaki dituntut berjemaah di masjid-masjid atau di surau-surau, sedang bagi orang-orang perempuan di rumah atau di tempat-tempat yang tertentu.

Walau bagaimanapun tidak boleh dilarang bagi orang-orang perempuan yang datang ke masjid dan surau untuk berjemaah.

**SOALAN 17 :**

- a) *Bersihkan mengikut hukum syarak kain yang dibasuh menggunakan mesin pencuci kain tanpa dibilas lagi dengan air lalu setelah habis basuhannya yang terakhir. (Kain-kain tersebut tidak bercampur dengan kain yang bernajis).*
- b) *Jika kain yang bercampur dengan najis pula, misalnya air kencing kanak-kanak, wajibkah dibilas dengan air lalu apabila telah selesai dicuci dengan mesin pencuci itu. (Mesin pencuci ini adalah cara automatik dari mula dibasuh hinggalah peringkat pengeringan)*

**JAWAPAN :**

- a) Kain yang dibasuh itu bersih kerana tidak bercampur dengan kain yang terkena najis.
- b) Wajib dibasuh dahulu kain yang terkena najis dengan air lalu sebelum dimasukkan ke dalam mesin pencuci.  
Jika dimasukkan dahulu ke dalam mesin itu, maka kain yang bersamanya akan terserap najis. Ketika itu wajiblah dicuci dengan air lalu selepas dikeluarkan dari mesin pencuci

**SOALAN 18 :**

*Apakah hukum bagi masalah-masalah berikut:*

- a) *Mengqadha puasa pada bulan Sya'ban selepas 15/16 Sya'ban.*
- b) *Berpuasa sunat Syawal dahulu sebelum mengqadha puasa.*
- c) *Berpuasa qadha dan sunat disatukan dengan niat "sahaja aku berpuasa qadha dan sunat Syawal kerana Allah SWT".*

**JAWAPAN :**

- a) Boleh mengqadha puasa selepas 15 Sya'ban.
- b) Qadha puasa hendaklah didahulukan daripada melakukan sunat.
- c) Memadai berniat qadha sahaja. Jika disekalikan, tidak sah niat itu.

**SOALAN 19 :**

*Biasanya sejak lama dulu solat Tarawih dilakukan 20 rakaat (campur 3 Witir), tetapi di akhir-akhir ini selalu di buat 8 rakaat sahaja.*

*Persoalannya:*

- a) *Apakah nasnya bagi yang 8 rakaat itu?*
- b) *Adakah ayat-ayat khusus yang ditentukan untuk dibaca dalam solat Tarawih?*
- c) *Mana lebih baik antara Tarawih 8 rakaat dengan 20 rakaat.*

**JAWAPAN :**

- a) Telah ijma' ulama' keempat-empat mazhab bahawa solat Tarawih itu sunat hukumnya sebanyak 20 rakaat, bahkan harus bagi penduduk Madinah melebihi hingga 36 rakaat berdasarkan kepada amalan yang berterusan oleh sahabat dan umat Islam.

Dari hadis yang diriwayatkan oleh *Yazid bin Ruman RA* katanya:

عَنْ يَزِيدِ بْنِ رُومَانَ قَالَ: كَانَ النَّاسُ يُقُومُونَ فِي زَمَنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ فِي رَمَضَانَ بِثَلَاثٍ وَعِشْرِينَ رَكْعَةً

*"Dari Yazid bin Ruman telah berkata, 'Manusia senantiasa melaksanakan shalat pada masa Umar radliyallahu 'anh di bulan Ramadhan sebanyak 23 rakaat (20 rakaat tarawih, disambung 3 rakaat witir),"*

Hadis riwayat Imam Malik (233)

Bagi orang yang melakukan solat Tarawih 8 rakaat adalah berdasarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh *Salamata bin Abdurrahman RA*:

مَا كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَزِيدُ فِي رَمَضَانَ وَلَا فِي غَيْرِهِ عَلَى إِحْدَى عَشْرَةَ رَكْعَةً يُصَلِّي أَرْبَعًا، فَلَا تَسْلُ عَنْ حُسْنِهِنَّ وَطُولِهِنَّ، ثُمَّ يُصَلِّي أَرْبَعًا، فَلَا تَسْلُ عَنْ حُسْنِهِنَّ وَطُولِهِنَّ، ثُمَّ يُصَلِّي ثَلَاثًا

*"Rasulullah SAW tidak solat melebihi 11 rakaat sama ada pada Ramadhan atau selain daripadanya (Ramadhan). Nabi SAW bersolat 4 rakaat dan janganlah kamu bertanya akan kesempurnaan dan panjang solat Nabi SAW. Kemudian, Nabi SAW solat lagi 4 rakaat dan janganlah kamu bertanya akan kesempurnaan dan panjang solat Nabi SAW Setelah itu, Nabi SAW solat 3 rakaat".*

Sahih Ibnu Khuzaimah (1164)

- b) Tidak ada ayat yang dikhususkan untuk dibaca pada solat Tarawih, bahkan yang paling afdhal ialah membaca sejujuk ayat semalam.
- c) Yang lebih baik solat Tarawih di buat 20 rakaat kerana itu yang di ijma'kan oleh ulama' dahulu dan kemudian (ulama' salaf dan khalaf).

SOALAN 20 :

*YBhg. Dato', lazimnya bila mentalqinkan orang mati, mayat lelaki dibinkan kepada bapanya atau ibunya. Begitu jugalah terhadap mayat perempuan. Atau bagaimana yang sebenarnya?*

**JAWAPAN :** Lazimnya ketika mentalqinkan *mayyit* baik lelaki atau perempuan apabila diseru nama si mati dibin atau dibintikan kepada ibunya, ini ialah kerana yang pasti bahawa ia dilahirkan oleh ibunya.

SOALAN 21 :

*Setengah Imam Solat Jumaat memakai pakaian solat Jumaat seperti pakaian seharian tanpa memakai serban sebagaimana dilakukan oleh Imam-Imam yang dahulu. Bagaimana pandangan Dato'?*

**JAWAPAN :** Imam atau khatib tidak diwajibkan memakai serban atau jubah. Ianya hanya sunat sahaja mengikut perbuatan Nabi SAW.

SOALAN 22 :

*Adakah benar bahawa babi hutan atau khinzir hutan itu tidak termasuk dalam bahagian najis berat sebab binatang itu tidak dipelihara oleh manusia dan mempunyai taring? Haramnya untuk dimakan kerana ia termasuk dalam kategori binatang buas.*

**JAWAPAN :** Babi atau khinzir terbahagi kepada beberapa jenis. Walau apa pun jelasnya, ia tetap babi atau khinzir, samada dipelihara atau tidak,

hukumnya tetap babi, iaitu najis *Mughallazah* (najis berat). Ini seperti juga lembu, kambing dan lain-lain binatang yang terbahagi kepada beberapa jenis tetapi tetap tertakluk kepada hukum asalnya samada ia dipelihara oleh manusia atau tidak.

SOALAN 23 :

*Saya mengidap penyakit kencing tak tus, iaitu apabila saya selesai kencing dan membasuh kemaluan, air kencing masih tidak mahu kering selama setengah jam. Keadaan ini menyukarkan saya untuk berwudhu' dan menunaikan sembahyang. Bagaimanakah cara untuk mengatasi masalah berkenaan?*

**JAWAPAN :** Saudara hendaklah mengambil wudhu' setelah air kencing berhenti keluar dan barulah boleh menunaikan solat. Sekiranya air kencing berterusan keluar sehingga waktu solat itu tamat, wajib untuk menyucikan kemaluan dan membalutnya. Kemudian barulah mengambil wudhu' niat mengangkat hadas untuk mengharuskan sembahyang dan seterusnya menunaikan solat seperti biasa. Keadaannya ini hanya boleh dilakukan untuk satu solat fardhu sahaja dan tiada halangan untuk melakukan seberapa banyak solat sunat.

SOALAN 24 :

*Di sebuah masjid dalam daerah ini, Imamnya di waktu solat subuh menambahkan doa qunutnya dengan doa tolak bala seperti Qunut Nazilah. Adakah ia menjadi kesalahan kerana Imam berkenaan hampir bertahun membacanya dalam setiap kali solat subuh.*

**JAWAPAN :** Qunut Nazilah dibaca apabila ada berlaku sesuatu petaka yang menimpa sesebuah negeri atau kariah. Hendaklah diberhentikan membaca qunut Nazilah apabila petaka itu telah hilang atau berakhir.

SOALAN 25 :

*Saya berusia lebih 50 tahun dan mengidap penyakit lelah atau asma. Saya terpaksa memakan ubat setiap hari, siang dan malam. Baru-baru ini doktor telah memberi sejenis alat dan ubat yang dinamakan “mishthaler” atau “inhaler”. Ia mengeluarkan wap dan disemburkan ke dalam mulut terus masuk ke kerongkong dan paru-paru. Selepas menyemburnya, beberapa minit kemudian terasa asma itu hilang dan nafas pulih seperti biasa.*

- a) Dalam bulan puasa ini, saya terus berpuasa, tetapi terpaksa dua tiga kali menggunakan alat dan ubat tersebut. Adakah puasa saya itu sah?*
- b) Sekiranya saya terus-menerus tidak boleh berpuasa sepanjang hayat ini, bolehkah saya menggantikannya dengan fidyah sahaja?*
- c) Adakah boleh saya membayar fidyah dengan wang sahaja kepada Pejabat Agama yang kemudiannya diagihkan kepada yang berhak menerimanya? Berapakah kadar bayaran bagi sehari puasa yang ditinggalkan itu?*

JAWAPAN :

- a) Puasa tuan adalah batal kerana “inhaler” itu seperti juga dengan orang yang menghisap rokok.
- b) Sekiranya penyakit tuan berpanjangan, maka tuan boleh menggantikannya dengan membayar fidyah.
- c) Tuan hendaklah memberi makanan kepada fakir atau miskin atas kadar secupak sehari.

SOALAN 26 :

*Bagaimanakah caranya untuk melakukan sembahyang Sunat Hajat yang paling mustajab dan bilakah waktunya yang paling baik?*

**JAWAPAN :** Waktu yang paling utama untuk mengerjakan sembahyang Sunat Hajat ialah ketika seseorang itu menghadapi kesusahan, yakni waktu ia sedang berhadapan dengan masalah itu. Ini berdasarkan kepada hadis Rasulullah SAW:

مَنْ كَانَتْ لَهُ حَاجَةٌ إِلَى اللَّهِ أَوْ إِلَى أَحَدٍ مِنْ خَلْقِهِ فَلْيَتَوَضَّأْ وَلْيُصَلِّ رَكَعَتَيْنِ

*"Barangsiapa memiliki hajat kepada Allah SWT, atau kepada salah seorang dari makhlukNya, maka hendaklah ia berwuduk dan solat dua raka'at"*

*Sunan Ibnu Majah (1374)*

SOALAN 27 :

*Mengapa Tuhan mengambil berat sangat tentang sembahyang Fardu lima waktu sehari semalam, sehingga kalau tidak boleh berdiri, duduk; tidak boleh duduk, baring. Pada hal ibadat yang lain ada tolak ansurnya.*

**JAWAPAN :** Sembahyang adalah Rukun Islam kedua selepas bersyahadah dan kefardhuan sembahyang ini diterima sendiri oleh Nabi Muhammad SAW secara terus daripada Allah SWT, tidak seperti rukun-rukun lain melalui perantaraan wahyu (Malaikat Jibril) dan sembahyang itu adalah tiang agama yang mesti ditunaikan oleh setiap muslim.

SOALAN 28 :

*Adakah menyalahi hukum Syarak mengadakan majlis membaca Yasin bagi mendoakan bakal-bakal Haji yang hendak ke Tanah Suci*



**JAWAPAN :** Untuk makluman tuan, membaca Yaasin untuk tujuan keberkatan dan keselamatan juga untuk mendapatkan sesuatu hajat tidaklah menjadi salah kerana banyak hadith yang mengeluarkan fadhilat membaca Yaasin itu. Dalam sebuah hadith ada menyebutkan bahawa Yaasin itu sebagai hati al-Qur'an dan ia boleh dibaca untuk tujuan apa juga.

SOALAN 29 :

*Saya ingin penjelasan, YBhg. Dato' mengenai beberapa kemusykilan berikut:*

- a) Adakah sampai sedekah pahala bacaan ayat suci al-Quran kepada arwah ibu-bapa, jika kita memberi upah kepada orang lain untuk membacakan ayat-ayat suci al-Quran itu?*
- b) Apakah hukumnya kepada orang yang memberi upah itu?*
- c) Apakah hukumnya kepada orang yang menerima upah itu?*

**JAWAPAN :**

- a) Sebahagian ulama besar Islam berpendapat bahawa pembacaan al-Quran memberi manfaat kepada orang yang telah mati atau dengan kata lain sampai pahalanya kepada si mati.
- b) Hukumnya adalah harus dan selagi mana perbuatan itu tidak menyalahi syarak serta wajib membayar upah tersebut.
- c) Jika orang ramai berkumpul berzikir, membaca al-Quran dan bertahlil dan memohon keampunan bagi orang Islam yang telah meninggal dunia adalah lebih bermanfaat atau masing-masing meniatkan pahala untuk kedua ibu-bapanya akan sampai pahalanya, In Shaa Allah.

SOALAN 30

Soalan saya adalah seperti berikut:

- a) Apakah hukumnya air peluh yang keluar dicelah dubur najiskah atau tidak?*

*b) Sah atau tidak sembahyang seseorang yang kainnya atau seluar dalamnya basah kerananya?*

*c) Bolehkah ia menjadi imam?*

**JAWAPAN**

- a) Air yang keluar bukan dari dalam dubur tidak najis.
- b) Hukum sembahyang sah, tidak batal.
- c) Boleh menjadi imam

**SOALAN 31 :**

- 1. *Apakah hukum ibu-bapa yang membawa anak-anak solat berjemaah di masjid?.*
- 2. *Apakah hukum kanak-kanak yang belum berkhatan solat berselang seli dalam saf orang dewasa ketika solat berjemaah.?*
- 3. *Dimanakah saf kanak-kanak yang sepatutnya?*

**JAWAPAN :**

- 1. Harus hukumnya bagi ibu bapa membawa kanak-kanak ke masjid.
- 2. sebaik-baiknya kanak-kanak hendaklah diletakkan di saf belakang orang-orang yang baligh bagi kanak-kanak lelaki. Namun begitu sah sembahyang jika mereka bersama dalam saf sekalipun mereka belum berkhatan kerana najis yang ada pada kulup zakarnya samalah juga dengan najis yang ada dalam perut.
- 3. Saf kanak-kanak lelaki adalah dibelakang saf lelaki dewasa manakala saf kanak-kanak perempuan dihadapan perempuan dewasa

**SOALAN 32 :**

*Adakah benar kata setengah orang yang Rasulullah SAW tidak membaca doa Iftitah dan surah-surah selepas Fatihah ketika menunaikan sembahyang?*

**JAWAPAN :** Orang yang mengatakan bahawa Rasulullah SAW tidak membaca doa iftitah dan surah-surah selepas Fatihah adalah tidak benar kerana banyak hadis yang menyatakan bahawa Rasulullah SAW ada membacanya samada dalam sembahyang fardhu atau sunat.

SOALAN 33 :

*Saya dapati di hari ini, ada orang yang menggunakan ayat-ayat al-Quran untuk kepentingan diri dan ada pula yang membacanya tidak mengira tempat. Bagaimana pandangan tuan?*

**JAWAPAN :** Al-Quran itu tetap al-Quran, tidak boleh diingkari walau apa jua keadaan. Masalahnya ialah apakah ianya digunakan secara betul atau disalahgunakan? Menggunakan ayat al-Quran demi kepentingan tertentu yang selain syarak akan mendapat kutukan dari Allah.

SOALAN 34 :

*Di zaman moden ini, saya perhatikan ramai di kalangan ustaz memakai pakaian cara Barat seperti bertali leher dan kot. Bukankah ianya meniru cara orang kafir?*

**JAWAPAN :** Pakaian yang dikehendaki oleh Islam ialah pakaian yang menutup aurat. Bentuk apa pun pakaian itu, samada pakaian Melayu atau Barat tidak menjadi soal.

SOALAN 35 :

*Boleh atau tidak, saya menunaikan fardu Haji dalam keadaan hutang rumah yang masih belum selesai?*

**JAWAPAN :** Tuan boleh menunaikan fardu Haji, kerana hutang tuan telah di buat perjanjian cara pembayarannya.

SOALAN 36 :

*Apakah boleh dilakukan Azan dua kali (sebelum terbit fajar dan selepas terbit fajar) pada bulan Ramadhan?*

**JAWAPAN :** Azan dua kali diamalkan di zaman Rasulullah SAW di mana Saidina Bilal azan pada kali pertama pada dua pertiga malam kemudian sahabat Ibni Umri Maktum azan apabila terbit fajar dan ini diakui oleh Rasulullah SAW.

SOALAN 37 :

*Bagaimanakah sembahyang seseorang itu di belakang Imam yang hanya mengambil wudhu dengan menyapu stokin nipisnya. Yang saya tahu, penggunaan Khuf (stokin kulit) atau stokin agak tebal yang dibenarkan. Bagaimana hukum sebenarnya?*

**JAWAPAN :** Menyapu di atas kulit (khuf) tidak sah dilakukan atas stokin atau kasut yang boleh ditembusi air jika dituang air atasnya. Demikian pendapat kebanyakan mazhab, kecuali mazhab Ahmad Ibnu Hambal yang mengharuskan disapu atas sarung kaki yang tebal yang kira boleh dianggap seperti kasut.

SOALAN 38 :

*Mengikut hukum, kesemua mazhab kecuali mazhab Syafie memberi pandangan bahawa orang lelaki Islam adalah wajib menyimpan janggut. Apakah pandangan YBhg. Dato' dalam hal berkenaan?*

**JAWAPAN :** Dalam mazhab Syafie sebenarnya adalah khilaf mengenai hal berkenaan. Imam Syafie sendiri mengatakan wajib, tetapi Syafi'iyah mengatakan sunat.

SOALAN 39 :

Masjid-masjid dalam daerah saya ada menjalankan kutipan wang dari orang ramai yang *ingin* menyertai untuk tujuan membaca tahlil dan doa bagi waris-waris yang mati dengan kadar bayaran RM2.00 seorang waris yang mati.

- a) Adakah sampai pahala tahlil tersebut pada si mati yang ditujukan?
- b) Apakah hukumnya amalan seperti ini?

**JAWAPAN**

- a) Pahala akan sampai atau tidak itu bukan urusan manusia. Secara umumnya, orang-orang Islam disuruh mendoakan ke atas roh orang-orang yang pergi dahulu dari mereka.
- b) Kami menyarankan dan amat menggalakkan ahli waris sendiri yang membaca al-Quran ataupun tahlil dan mendedekahkan pahala bacaan tersebut kepada arwah. Perkara ini adalah lebih baik daripada mengupah orang lain.

SOALAN 40 :

*Saya memohon fatwa dari YBhg. Dato' bersabit dengan mendirikan solat Jumaat yang mana jumlah jemaah yang ada di qariah saya ini seramai 34 orang.*

**JAWAPAN:** Syarat sah sembahyang Jumaat ialah adanya 40 orang lelaki yang akil baligh dalam sesuatu qariah. Oleh kerana tidak terdapat bilangan tersebut sedangkan kampung tersebut sebuah qariah yang berasingan dari qariah lain maka tidak boleh didirikan sembahyang Jumaat bahkan sebaliknya hendaklah dilakukan sembahyang Zohor berjemaah.

SOALAN 41 :

*Apakah hukumnya batal atau tidak puasa seseorang yang mencabut gigi di bulan puasa?*

**JAWAPAN :** Mencabut gigi dengan tidak menelan darah atau ubat kebas (penghilang sakit) tidak membatalkan puasa. Tetapi jika tertelan darah atau air liur yang bercampur darah maka batal puasanya. Demikian juga jika tertelan ubat bius.

SOALAN 42 :

Saya memohon penjelasan daripada YBhg. Dato' tentang masalah ini: Sebuah masjid tidak dapat menunaikan fardu Jumaat disebabkan tidak mencukupi jemaah seramai 40 orang. Mereka melaksanakan fardu Zohor tersebut diadakan khutbah sama seperti lakunya pada khutbah hari Jumaat yang lain, bermula dengan penyerahan tongkat daripada bilal kepada Imam, sehinggalah berakhirnya khutbah kedua, Cuma perbezaannya sembahyang sahaja yang 4 rakaat.

**JAWAPAN :** Dimaklumkan bahawa jemaah yang tidak mencukupi 40 orang pada hari Jumaat hendaklah melakukan sembahyang Zohor secara berjemaah. Tidak disunatkan bagi mereka membaca khutbah sebelum atau sesudah sembahyang. Melakukannya adalah merupakan satu tambahan kepada fardu Zohor. Perbuatan itu adalah dilarang dan hendaklah diberhentikan.

SOALAN 43 :

*Ahli Jawatankuasa Masjid saya telah mengadakan aktiviti Ibadat Qurban setiap tahun. Untuk pengetahuan Dato', AJK masjid menetapkan cara pembayaran yang dilakukan melalui dua cara, pertama secara ansur iaitu setiap seorang perlu membayar pada setiap bulan dengan kadar tertentu dan keduanya dibayar sekali gus.*

*Di sini saya ingin memohon pendapat daripada Dato' tentang aktiviti kami yang dijalankan selama ini kerana ada yang berpendapat bahawa aktiviti yang kami jalankan ini dinamakan Qurban Nazar.*

**JAWAPAN :** Amalan Qurban yang dilakukan dengan bayaran ansuran atau dengan tunai, jika tidak diniatkan nazar maka tiak ia jadi nazar. Seorang yang bercadang untuk melakukan Qurban pada tahun yang akan datang tidaklah dengan cita-cita itu menjadi nazar.

SOALAN 44 :

*Mohon pencerahan mengenai apakah bacaan tarhim yang menepati syarak dan sunnah?*

**JAWAPAN :** Tiada bentuk bacaan tarhim yang khusus yang dibenarkan oleh syarak. Pengamalan tarhim ini adalah berdasarkan sejarah pembawaan oleh sebahagian ulama terutama dari timur tengah. Kebiasaannya, bacaan tarhim ini dilakukan 30 minit sebelum masuk waktu subuh.

SOALAN 45 :

*Adakah sah solat sekiranya para petugas (frontliners) memakai pampers kerana terdapat kesulitan untuk keluar dari premis?*

**JAWAPAN :** Solat tersebut sah sekiranya pampers yang dipakai dalam keadaan yang bersih dan suci dari sebarang kesan najis. Walau bagaimanapun, jika terdapat kesulitan (*masyaqqah*) seperti waktu yang amat terhad untuk keluar dari premis dan sebagainya yang menyebabkan petugas terpaksa qada' hajat di dalam pampers dan tidak mampu membersihkannya maka diharuskan menunaikan solat dalam keadaan yang sedemikian sekadar menghormati waktu.

Namun, solat berkenaan hendaklah digantikan pada waktu yang lain. Ia adalah berdasarkan pandangan al-Imam al-Nawawi menerusi kitab *al-Majmu'* jilid tiga pada halaman 144 seperti yang berikut:

فإذا كان على بدنه نجاسة غير معفو عنها وعجز عن ازالتها وجب أن يصلي بحاله لحرمة الوقت لحديث أبي هريرة رضي الله عنه أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: "وإذا أمرتكم بشيء فأتوا منه ما استطعتم" رواه البخاري ومسلم. وتلزمه العودة لما ذكره المصنف،

*"Apabila tubuh badan mengandungi najis yang tidak boleh dimaafkan serta sukar untuk menghilangkannya maka hendaklah ia menunaikan solat dalam keadaan yang sedemikian sebagai menghormati waktu berdasarkan hadis dari Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: "Apabila aku memerintahkan kamu dengan sesuatu perintah maka hendaklah kamu melaksanakannya berdasarkan kemampuanmu." Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim. Dan wajib ke atasnya untuk mengulangi semula solat berkenaan berdasarkan pandangan penulis."*

Berdasarkan hadis di atas, kaedah istinbat hukum bagi solat hormat waktu adalah berdasarkan kondisi yang terdapat dalam persoalan di atas iaitu masyaqqah (kesulitan) atau kesuntukan waktu untuk keluar dari premis. Oleh yang demikian, ia dimaafkan namun wajib di qada solat berkenaan. Situasi darurat yang terdapat dalam kondisi ini ialah para petugas (*frontliners*) sedang berhadapan dengan situasi untuk menyelamatkan pesakit yang memungkinkan ancaman terhadap nyawa petugas (*frontliners*) itu sendiri. Hal ini berdasarkan kaedah fiqh al-wajiz usul al-fiqh al-Islamiah jilid 1 halaman 125:

الضرورات تبيح المحظورات

*"Darurat itu mengharuskan perkara yang merbahaya."*



SOALAN 46 :

*Adakah dimaafkan kepada petugas yang menunaikan solat dengan pakaian yang terkena percikan najis dan darah yang sedikit semasa mengendali pesakit di ICU? Adakah perlu untuk dibasuh terlebih dahulu atau menukarkannya dengan pakaian yang lain?*

**JAWAPAN :** Sebaik-baiknya bahagian yang terkena percikan darah atau najis itu hendaklah dibasuh terlebih dahulu sebelum menunaikan solat. Hal ini adalah bersandarkan hadis yang berikut:

فَإِذَا أَمَرْتُكُمْ بِشَيْءٍ فَأْتُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ

*“Apabila aku memerintahkan kamu dengan sesuatu perintah maka hendaklah kamu melaksanakannya berdasarkan kemampuanmu.”*

*Riwayat al-Bukhari dan Muslim (1337)*

Jika sekiranya percikan najis atau darah hanya sedikit dengan keadaan masa yang kesuntukan maka diharuskan menunaikan solat dalam keadaan yang sedemikian. Oleh itu, isu ini dikategorikan sebagai ‘*umum al-balwa*.’ Berdasarkan nas yang dinyatakan dalam kitab *Anwar al-Masalik Syarh ‘Umdah al-Salik wa ‘Iddah al-Nasik* halaman 56:

وأما الدم والقيح، فإن كان من أجنبي عفي عن يسيره، وإن كان من المصلي عفي عن قليله وكثيره

*“Dan adapun mengenai darah dan nanah, jika sekiranya ia dari seseorang maka dimaafkan dalam kadar yang sedikit. Jika orang yang menunaikan solat dimaafkan akan hal yang demikian sama ada pada kadar yang sedikit mahupun banyak”.*

SOALAN 47 :

*Adakah sah solat bagi pesakit yang memakai pampers?*

**JAWAPAN** : Solatnya sah jika tidak ada sebarang najis pada pampersnya.

SOALAN 48 :

*Bagaimanakah kaifiat solat sekiranya harus dengan bertayammum?  
Sedangkan dalam masa yang sama perlu memakai face shield?*

**JAWAPAN** : Bagi perawat yang menggunakan face shield serta hukum bertayammum ke atas mereka ada dua pandangan:

1. Pemakaian face shield bagi anggota perawat akan memberi suatu kesukaran bagi mereka apabila terpaksa menanggalkannya dalam situasi yang sulit terutama dalam tempoh waktu yang singkat.

Oleh itu, memadai dengan bertayammum di atas kawasan muka yang juga termasuk face shield yang dipakai oleh mereka serta pakaian yang membaluti tangan. Walaupun pemakaian face shield dan jabirah (pembalut) adalah berbeza namun kedua-duanya mempunyai persamaan dari sudut keperluan iaitu darurat. Hal ini bersandarkan hadis yang berikut:

فَإِذَا أَمَرْتُكُمْ بِشَيْءٍ فَأْتُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ

*“Apabila aku memerintahkan kamu dengan sesuatu perintah maka hendaklah kamu melaksanakannya berdasarkan kemampuanmu.”*

*Riwayat al-Bukhari dan Muslim (1337)*

Namun begitu, disyaratkan agar pakaian yang dipakai atau face shield hendaklah dalam keadaan bersih jika mampu. Sekiranya tidak mampu untuk berbuat demikian maka ia dimaafkan.

Manakala solat yang ditunaikan tidak perlu diqada'. Di dalam kitab *Mughni al-Muhtaj*, jilid pertama pada halaman 169 dinyatakan seperti yang berikut:

(وإن كان) بالعضء أو بعضها (ساتر) كجيرة (لم يقض في الأظهر إن وضع) الساتر (على طهر) لأنه أولى من المسح على الخف للضرورة هنا. والثاني: يقضي؛ لأنه عذر نادر غير دائم. هذا إذا لم تكن الجيرة على محل التيمم و إلا وجب القضاء؛ قال في الروضة: بلا خلاف لنقض البدل والمبدل جميعا، ونقله في المجموع كالرافعي عن جماعة؛ ثم قال: وإطلاق الجمهور يقتضي أنه لا فرق أهـ. وما في الروضة أوجه لما ذكر. (فإن وضع) الساتر (على حدث) سواء أكان في أعضاء التيمم أم في غيرها من أعضاء الطهارة؛ (وجب نزع) إن أمكن بلا ضرر يبيح التيمم؛ لأنه مسح على ساتر، فاشتراط فيه الوضع على طهر كالحف. وقيل: لا يجب للضرورة؛ والمراد طهارة ذلك المحل فقط، ولا ينافي ذلك قولهم كالحف، إذ المشبه قد لا يعطي حكم المشبه به من كل وجه، لأن الجيرة وضعت للضرورة، ويجب استيعابها بالمسح، وإذا نزع إحدى الجيرتين لا يجب عليه نزع الأخرى بخلاف الخف في ذلك. وقد يوهم تخصيص وجوب النزع بالوضع على حدث أنه يجب نزع إذا وضع على طهر ولا ضرر عليه في نزع، وليس مرادا بل يجب نزع أيضا. وإنما يفترق الحال عند تعذر النزع في القضاء وعدمه كما نبه على ذلك بقوله: (فإن تعذر) نزع مسح وصلى (قضى على المشهور) لفوات شرط الوضع على طهارة؛ فانتفى تشبيهه حينئذ بالحف؛ والثاني: لا يقضي للعذر. وهذا كله على الجديد، أما على القديم المختار عند المصنف فلا قضاء كما سبق. وكان ينبغي أن يقول: (على المذهب) فإن الصح القطع بالقضاء.

*“Jika sekiranya sesuatu anggota atau sebahagiannya (terdapat penghalang) seumpama pembalut (maka solat tersebut tidak diqada’ menurut pandangan yang azhar) penghalang (dalam keadaan yang bersih) kerana ia lebih utama dari menyapu di atas khuf (kasut) atas faktor darurat. Kedua: di qada solat berkenaan kerana keuzuran yang jarang berlaku serta tidak bersifat kekal. Pandangan ini dengan melihat bahawa pembalut tersebut bukanlah faktor untuk bertayammum jika tidak maka wajib diqadakan solat berkenaan. Telah berkata al-Imam al-Nawawi di dalam kitabnya al-Raudhah:*

*Tanpa terdapatnya khilaf atas sebab kurangnya gantian serta perubahan keseluruhan dan beliau (al-Imam al-Nawawi) telah menaqalkan pandangannya itu di dalam kitab al-Majmu’. Demikian juga hal yang sama dilakukan oleh al-Imam al-Rafi’i daripada riwayat jamaah. Kemudian al-Imam al-Nawawi telah berkata: Jumhur ulama berpandangan bahawa ia perlu diqada’ tanpa sebarang percanggahan. Pandangan yang terdapat dalam kitab al-Raudah adalah awjuh seperti mana yang telah dinyatakan. (Jika diletakkan) penghalang (dalam satu keadaan) sama ada pada anggota tayammum atau selainnya dari anggota toharah (wajib ditanggalkan penghalang itu) sekiranya mampu tanpa terdapatnya darurat yang mengharuskan bertayammum kerana menyapu di atas penghalang. Oleh itu, disyaratkan penghalang tersebut hendaklah dalam keadaan yang bersih sepertimana hal keadaannya menyapu khuf. Turut dikatakan: tidak wajib membersihkan penghalang itu atas faktor darurat. Dan yang dimaksudkan bersih di sini ialah pada tempat yang berkenaan sahaja. Ia tidak ternafi oleh pandangan jumhur mengenai isu khuf. Hal yang sama tidak diberi hukum yang serupa dari setiap sudut kerana pembalut digunakan atas tujuan darurat.*

*Maka, wajib diberi makna penggunaannya sepertimana hal keadaan menyapu. Apabila gugurnya salah satu dari dua pembalut tersebut maka tidak diwajibkan ke atas seseorang itu untuk menanggalkan pembalut yang lain yang berbeza hukumnya dalam masalah khuf.*

*Kadang kala, disangka secara halus bahawa wajib menanggalkan pembalut itu sedangkan dalam masa yang sama tidak wajib pula menanggalkannya apabila ia dalam keadaan yang bersih tanpa sebarang darurat apabila menanggalkan balutan tersebut. Dan ia bukanlah demikian bahkan wajib menanggalkannya juga. Apabila jelas perbezaan tersebut semasa terdapatnya keuzuran untuk mengqada'kan solat dan ketiadaan keuzuran sepertimana yang telah dinyatakan sebelum ini dengan perkataan (jika sekiranya uzur) ia ditanggalkan lalu disapu (tayammum) serta terus menunaikan solat (diqadakan menurut pandangan yang masyhur ) kerana tertinggal syarat iaitu hendaklah dalam keadaan yang bersih. Oleh itu, ternafilah perumpamaan tersebut ketika itu dengan hal menyapu khuf. Perkara yang kedua iaitu tidak diqada' akan solat kerana keuzuran.*

*Hal ini semuanya merupakan isu qaul jadid (baru). Adapun qaul qadim (lama) yang merupakan pilihan penulis ialah tidak diqada' sepertimana yang telah dibahaskan terdahulu. Maka, dituntut dalam ini iaitu: berdasarkan penelitian mazhab Syafie jika pandangan tersebut lebih kuat (asah) maka diputuskan bahawa solat tersebut perlulah diqada'."*

2. Pemakaian *face shield* adalah tidak sama jika dikaitkan dengan faktor kecederaan. Maka, *face shield* tersebut hendaklah ditanggalkan semasa hendak bertayammum supaya debu tanah tersebut mengenai keseluruhan bahagian muka serta kedua-dua anggota tangan. Jika sekiranya bertayammum di atas pakaian *face shield* semata-mata maka ia adalah tidak sah. Sekiranya tidak memenuhi syarat sah solat seperti tidak berwuduk atau bertayammum maka perawat hendaklah solat menghormati waktu berdasarkan hadis yang berikut:

فَإِذَا أَمَرْتُمْ بِشَيْءٍ فَأَتُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ

*“Apabila aku memerintahkan kamu dengan sesuatu perintah maka hendaklah kamu melaksanakannya berdasarkan kemampuanmu.”*

*Riwayat al-Bukhari dan Muslim (1337)*

Oleh itu, solat berkenaan wajib diqada' pada waktu yang lain. Manakala bagi isu sujud dengan berpakaian face shield, maka atas keperluan yang bersifat *dharuriyy* (darurat) sah hukumnya sujud dengan berpakaian yang sedemikian. Hal ini bersandarkan nas dari kitab *al-Majmu'* jilid tiga pada halaman 399:

وكذا لو سجد وعلى جبهته ثوب مخرق فمس من جهته الأرض أجزاء، نص عليه في الأم واتفقوا عليه، ويحى فيه الوجه الذي حكاه ابن كج

*“Dan demikian juga sekiranya sujud dalam keadaan dahi berlapik dengan pakaian yang longgar maka hal yang demikian (dahi yang berlapik dengan pakaian longgar tersebut) memadai (sah sujud tersebut), inilah yang telah dinaskan di dalam kitab al-Umm yang telah disepakati akan hukumnya, malah pandangan berkenaan telah dihidayatkan oleh Ibnu Kaji.”*

Sekiranya petugas mempunyai jangka waktu yang singkat untuk menunaikan solat maka diharuskan untuk ditunaikan solat secara jamak. Namun dalam hal ini, ia perlu ditinjau dalam pelbagai situasi:

- a) Jika dibebani oleh kekangan waktu dan hanya berkemampuan untuk melaksanakan solat pada pengakhiran waktu maka harus dilaksanakan solat dengan cara dilewatkan pelaksanaan solat Zohor atau Maghrib sehingga ke akhir waktu serta solat Asar dan Isyak di awal waktu.
- b) Ketika keadaan mendesak, sulit atau sukar (*masyaqqah*) untuk melaksanakan solat secara sempurna (*tamam*) atau di akhir waktu maka diberi keringanan kepada petugas dan orang yang sakit seperti berikut:

- i. Melaksanakan solat jamak tanpa qasar sama ada jama' taqdim sekiranya dijangka kesukarannya atau sakitnya akan menghalangnya atau menyukarkannya pada waktu Asar;
- ii. Melaksanakan jamak takhir sekiranya dijangka kesukaran atau sakitnya akan menghalangnya atau menyukarkannya pada waktu Zohor.
- iii. Namun, sekiranya tidak mampu juga untuk melaksanakan solat kerana darurat bagi menyelamatkan nyawa pesakit yang membawa kepada luputnya waktu solat atau kesukaran menanggalkan pakaian khas untuk berwuduk atau bertayammum maka hendaklah dilaksanakan solat hormat waktu secara jamak takhir dan hendaklah diulang secara sempurna pada masa yang lain.

SOALAN 49 :

***Apakah amalan yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat dalam bulan Syaaban?***

**JAWAPAN:** Bulan Syaaban merupakan antara bulan-bulan yang mempunyai kelebihan yang tersendiri. Antara amalan yang dilakukan oleh Rasulullah SAW apabila memasuki bulan ini ialah dengan melazimkan diri dengan berpuasa. Hal ini dijelaskan oleh Saidatina Aisyah RA menerusi hadis yang berikut:

فَمَا رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَكْمَلَ صِيَامَ شَهْرٍ إِلَّا رَمَضَانَ،  
وَمَا رَأَيْتُهُ أَكْثَرَ صِيَامًا مِنْهُ فِي شَعْبَانَ

*“Saya tidak pernah melihat Rasulullah SAW menyempurnakan puasa sebulan kecuali dalam bulan Ramadan. Dan tidak pernah juga saya melihat Baginda memperbanyakkan amalan puasa seumpama itu melainkan dalam bulan Syaaban.”*

*Riwayat al-Bukhari dan Muslim (1156)*

Seorang sahabat yang bernama Usamah bin Zaid RA telah menceritakan berkenaan kelaziman Rasulullah berpuasa dalam bulan Syaaban:

قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، لَمْ أَرَكَ تَصُومُ شَهْرًا مِنَ الشُّهُورِ مَا تَصُومُ مِنْ شَعْبَانَ، قَالَ: ذَلِكَ شَهْرٌ يَغْفُلُ النَّاسُ عَنْهُ بَيْنَ رَجَبٍ وَرَمَضَانَ، وَهُوَ شَهْرٌ تُرْفَعُ فِيهِ الْأَعْمَالُ إِلَى رَبِّ الْعَالَمِينَ، فَأُحِبُّ أَنْ يُرْفَعَ عَمَلِي وَأَنَا صَائِمٌ

*“Saya (Usamah) bertanya: Wahai Rasulullah, saya belum pernah melihat engkau berpuasa sebulan berbanding bulan-bulan yang lain selain dari bulan bulan Syaaban? Baginda bersabda: Bulan tersebut merupakan bulan di antara Rejab dan Ramadan yang sering diabaikan oleh manusia. Itulah bulan yang diangkat segala amalan manusia kepada Tuhan Sekalian Alam. Maka, saya lebih suka sekiranya amalan saya ini diangkat dalam keadaan saya sedang berpuasa”.*

Riwayat al-Nasa’i (2357)

Manakala para salafus soleh pula sentiasa menghidupkan bulan Syaaban dengan memperbanyakkan amalan sunat seperti membaca al-Quran, berzikir, Qiamullail, mengeluarkan zakat harta di samping berpuasa. Mereka menamakan bulan Syaaban sebagai “*Syahr al-Qurra*” iaitu bulan membaca al-Quran.

SOALAN 50 :

**Apakah hukum berpuasa selepas dari nisfu Syaaban (15 Syaaban)?**

**JAWAPAN:** Haram bagi seseorang yang berpuasa selepas 15 Syaaban berdasarkan hadis yang berikut:

إِذَا انْتَصَفَ شَعْبَانُ فَلَا تَصُومُوا

*“Apabila sampai ke pertengahan bulan Syaaban maka janganlah kamu berpuasa.”*

Riwayat Imam Ahmad (1519)



Walau bagaimanapun, terdapat pengecualian jika sekiranya seseorang itu hendak menqada'kan puasa Ramadan yang lalu, berpuasa nazar atau telah melazimkan diri berpuasa sunat Isnin dan Khamis maka ia boleh berpuasa selepas dari 15 Syaaban. Hal ini telah dijelaskan menerusi hadis yang berikut:

لَا يَتَقَدَّمَنَّ أَحَدُكُمْ رَمَضَانَ بِصَوْمِ يَوْمٍ أَوْ يَوْمَيْنِ، إِلَّا أَنْ يَكُونَ رَجُلًا كَانَ يَصُومُ صَوْمَهُ، فَلْيُصُمْ ذَلِكَ الْيَوْمَ

*“Janganlah seseorang daripada kamu mendahulukan bulan Ramadan dengan berpuasa selama sehari atau dua hari melainkan jika ia melazimkan dirinya berpuasa maka ia boleh berpuasa dalam tempoh tersebut.”*

*Riwayat al-Bukhari dan Muslim (1914)*

SOALAN 51 :

*Dalam menjunjung titah perkenan Tuanku atas kebenaran mendirikan solat Jumaat dengan bilangan seramai 12 orang yang dihadkan kepada ahli jawatankuasa masjid dan surau, maka timbul persoalan mengenai pelaksanaan solat fardu Zohor bagi ahli jemaah yang lain sewaktu berada di rumah. Bilakah waktu atau keadaan yang diharuskan untuk menunaikan solat Zohor?*

**JAWAPAN:** Bagi mana-mana ahli kariah yang menunaikan solat Zohor di rumah pada hari Jumaat (bagi yang tidak dapat melaksanakan solat Jumaat di masjid atau surau diri Jumaat semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)), bolehlah menunaikannya sebaik sahaja selesai azan yang kedua iaitu ketika imam berada di atas mimbar. Hal ini adalah bersandarkan nas yang terkandung di dalam kitab *Raudhah al-Thalibin* pada halaman 196:

الضرب الثاني: من ليرجو زوال عذره كالمرأة، والزمن، فالولى أن يصلي الظهر في اول الوقت، لفضيلَ الولىة.... واذا اجتمع معذورون، استحب لهم الجماعة في ظهرهم على الصبح. قال الشافعي رحمه الله تعالى: واستحب لهم اخفاء الجماعة لئلا يتهموا. قال الصحاب: هذا اذا كان عذرهم خفيا، فإن كان ظاهرا، فلا تهمة.... ثم اذا صلى المعذور الظهر قبل الفوات الجمعة، صحّت ظهره.

*“Jenis Kedua: Sesiapa yang tidak diharap luput keuzurannya seperti wanita dan orang yang ditimpa penyakit yang berpanjangan. Maka adalah lebih utama bagi mereka untuk menunaikan solat Zohor di awal waktu kerana mengambil fadhilat (kelebihan) (solat) di awal waktu.... Apabila berhimpunnya orang yang keuzuran, disunatkan ke atas mereka untuk menunaikan solat Zohor secara berjemaah berdasarkan qaul (pandangan) yang Asah. Telah berkata al-Imam as-Syafie rahimahullahu taala: Disunatkan bagi mereka (orang yang keuzuran) untuk menunaikan solat Zohor berjemaah secara tersembunyi supaya mereka tidak ditohmah....*

*Berkata para ulama mazhab Syafie: “Hal ini ialah jika keuzuran mereka tersembunyi (tidak zahir kepada orang lain), tetapi jika ia zahir maka tiadalah tohmahan”... Kemudian apabila seseorang yang dalam keuzuran menunaikan solat Zohor sebelum selesai solat Jumaat maka sah solat Zohornya itu.”*

Dalam pada itu, Dar *al-Ifta’ wa al-Buhuth al-Islamiyyah* telah mengeluarkan keputusan berkenaan pelaksanaan solat Zohor bagi golongan yang tidak diwajibkan solat Jumaat sepertimana nas yang berikut:

توجه دار الافتاء المسلمين للصلاة أربع ركعات فرض الظهر مكان صلاة الجمعة في وقت صلاة الجمعة، فحينما ينتهي المؤذن للجمعة، تقام صلاة الظهر في البيوت أربع ركعات بدل الجمعة،

"Dar al-Ifta' al-Muslimin telah mengeluarkan keputusan berhubung solat empat rakaat fardu Zohor yang mengambil tempat solat Jumaat semasa solat Jumaat sedang didirikan (waktu menunaikan solat Zohor itu ialah) apabila selesai sahaja azan Jumaat (azan kedua) maka hendaklah ditunaikan solat Zohor di rumah sebagai menggantikan solat Jumaat itu,...."

SOALAN 53 :

*Mengapakah dibenarkan pelaksanaan solat Jumaat hanya masjid dan surau diri Jumaat (SDJ) sahaja sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)? Apa relevansinya bilangan jamaah hanya seramai 12 orang dan terbatas kepada Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah sahaja serta bagi ahli kariah yang lain, hendaklah solat Zohor bagi menggantikan solat Jumaat di rumah masing-masing.*

JAWAPAN : Secara asasnya bahawa solat Jumaat merupakan suatu ketetapan hukum yang hendaklah dilaksanakan secara berjemaah di dalam sesuatu kariah. Hikmahnya untuk mempertemukan segenap manusia Muslim dalam kariah tersebut sepertimana dinyatakan oleh Almarhum Dr. Wahbah al-Zuhaili bahawa :

أن الجمعة تتطلب الاجتماع

"*Sesungguhnya solat Jumaat menuntut kepada perhimpunan manusia.*"

a) Oleh yang demikian, bagi tujuan pengawalan ini, maka Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak berpandangan bahawa:

Bilangan jamaah untuk melaksanakan solat Jumaat seramai 12 orang adalah bersesuaian sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) sedang dilaksanakan dan bilangan hanya terbatas kepada Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah sahaja bertujuan membendung dan mengawal penularan secara efektif.

Dalam keadaan darurat dan terdesak ini, maka Jawatankuasa memilih bilangan ini berasaskan kepada apa yang dinyatakan oleh al Imam as-Sayuti terhadap *qaul qadim* kedua dalam mazhab Syafie bahawa bilangan minimum bagi mendirikan solat jumaat adalah seramai 12 orang.

Selain itu terdapat pandangan yang berasaskan hadis riwayat Imam Muslim daripada Jabir bin Abdullah RA yang mengatakan bahawa Nabi SAW sedang menyampaikan khutbah Jumaat dalam keadaan berdiri. Tiba-tiba datang satu rombongan dagang dari Syam, maka para jamaah telah bergegas ke arah rombongan itu sehingga tidak ada lagi yang tinggal bersamanya (mendengar khutbah tersebut) melainkan dua belas orang lelaki. Pandangan ini juga menjadi pegangan bagi mazhab Maliki terhadap bilangan ahli Jumaat.

Jawatankuasa Fatwa memberi pandangan berkenaan hal ini sementara *Ulil amri* telah memutuskan sesuatu pertimbangan bersesuaian dengan peranan bagi memelihara kemaslahatan ummah, Maqasid Syarak, Siasah Syariah serta memutuskan sebarang pertikaian dikalangan ummah. Kaedah fiqh Kitab *al Asybah wa al-Nadzair* Karangan Imam Suyuti pada halaman 497 :

حُكْمُ الْحَاكِمِ يَرْفَعُ الْخِلَافَ

“Keputusan pemerintah mengangkat khilaf (percanggahan)”.

b) Pelaksanaan solat Jumaat hanya terbatas kepada masjid dan surau diri Jumaat (SDJ) sahaja disebabkan hal yang sedemikian merujuk kepada syarat asas bahawa syariat dan syiar solat Jumaat hendaklah dilaksanakan di sesuatu kariah.

Oleh kerana hanya masjid dan surau diri Jumaat (SDJ) sahaja mempunyai persempadanan kariah. Maka, Jawatankuasa Fatwa berpandangan amatlah wajar pelaksanaan solat Jumaat dilakukan dalam sesuatu kariah sewaktu Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) sedang dilaksanakan oleh pihak kerajaan bermula 22 Mei 2021 sehingga 4 Jun 2021.

Hal ini bertujuan membantu mengawal penularan wabak COVID19 yang semakin membimbangkan.

SOALAN 54 :

*Mengapakah surau hanya dibenarkan untuk dilaksanakan solat fardu dan solat jenazah sahaja dengan bilangan jamaah seramai 12 orang serta terbatas kepada Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah sahaja sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)?*

**JAWAPAN :** Bagi memelihara Syiar Islam biarpun dalam keadaan paling minimum ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) disamping pertimbangan daripada pihak berwajib maka, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak berpandangan amatlah wajar didirikan solat fardu secara berjemaah tidak melebihi 12 orang di sesuatu kawasan atau taman yang terdapat orang Islam. Hal ini dengan meneliti kepada peranan solat sebagai ibadat yang utama disamping berjemaah merupakan syiar yang paling besar.

Di samping itu, Jawatankuasa berpandangan amat perlu mempertahankan sunnah dalam keadaan semampu mungkin dengan dilaungkan azan dan iqamah.

Di samping sebagai Syiar utama sebagai penanda aras kewujudan Islam di samping pemakluman sesuatu solat fardu. Imam al Nawawi menyatakan dalam kitab *minhaj al Tolibin* halaman 22 :

الأَذَانُ وَالْإِقَامَةُ سُنَّةٌ، وَقِيلَ فَرُضَ كِفَايَةً، وَإِنَّمَا يُشْرَعَانِ لِمَكْتَبَةٍ، وَيَقَالُ فِي الْعِيدِ وَنَحْوِهِ: الصَّلَاةُ جَامِعَةٌ

*“Azan dan iqamah adalah sunnah. Ada ulama yang mengatakan, fardu kifayah. Keduanya disyariatkan untuk solat wajib lima waktu. Ada sebahagian ulama yang mengatakan, keduanya berlaku pada solat id dan seperti solat Jumaat”*

SOALAN 55 :

***Adakah terlaksana solat Jumaat ketika khatib sedang berkhotbah bilangan para jemaah pada ketika itu tidak mencapai 12 orang?***

**JAWAPAN :** Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak dengan mengambil kira pelbagai pandangan berdasarkan hukum Syarak serta perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan selaku Ketua Agama menerusi Siaran Media Majlis Agama Islam Dan adat Melayu Perak bertarikh 19 Syawal 1442 bersamaan 31 Mei 2021 serta Pekeliling Pelaksanaan aktiviti keagamaan semasa PKP 3.0 yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak bertarikh 19 Syawal 1442H bersamaan 31 Mei 2021 maka, dengan ini menetapkan bahawa:

- a) Bilangan ahli jemaah hendaklah mencukupi bilangan 12 orang termasuk imam dan Ahli Jawatankuasa Kariah serta Pegawai Masjid / surau diri Jumaat (SDJ) ketika khatib memulakan khutbah.
- b) Sekiranya khutbah dimulakan dan bilangan ahli jemaah tidak mencukupi bilangan tersebut maka, hukum Jumaat tersebut tidak sah dan hendaklah diulangi segera dengan bilangan jemaah yang mencukupi.

- c) Sekiranya masih tidak mencukupi sehingga hampir penghujung waktu Zohor maka, hendaklah segera dilaksanakan solat Zohor. Kecuaian ahli Jawatankuasa Kariah dan Pegawai Masjid yang dengan sengaja menyebabkan bilangan tersebut tidak mencukupi dianggap berdosa.

SOALAN 56 :

*Apakah hukum bagi Ahli Jawatankuasa Kariah atau Pegawai Masjid yang sengaja tidak hadir dan mewakilkan ahli kariah atau orang lain untuk melaksanakan solat Jumaat?*

**JAWAPAN :** Sekiranya seseorang itu adalah Ahli Jawatankuasa Kariah atau Pegawai Masjid yang diamanahkan untuk melaksanakan solat Jumaat sepertimana yang dinyatakan menerusi Siaran Media Agama Islam Dan Adat Melayu Perak dan Pekeliling Pelaksanaan aktiviti keagamaan semasa PKP 3.0 yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak bertarikh 19 Syawal 1442H bersamaan 31 Mei 2021 yang telah dikeluarkan maka, haram dan berdosa ke atasnya mewakilkan atau menggantikan orang lain menghadiri solat Jumaat tersebut secara sengaja tanpa sebarang keuzuran. Hal ini disebabkan:

- a) Wajib ke atas mana-mana Ahli Jawatankuasa Kariah dan Pegawai Masjid melaksanakan Solat Jumaat sepertimana arahan *Ulil Amri*. Ketaatan terhadap perkara ini dikira wajib dan termasuk dalam firman Allah SWT dalam surah Al- Nisa' ayat 59:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ

“Wahai orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul dan para pemimpin di kalangan kamu”.

b) Berdasarkan kaedah yang dinyatakan oleh al Imam al-Sayuti dalam Kitab *al Asybah wa al-Nadzair* pada kaedah ketiga pada halaman 116:

الإِيثَارُ فِي الْقُرْبِ مَكْرُوهٌ وَفِي غَيْرِهَا مَحْبُوبٌ

Mengutamakan orang lain dalam ibadah adalah makruh, dalam hal selain ibadah adalah digalakkan. Syeikh Izzuddin Abd al Salam berkata:

*“Tidak ada ithar (mendahulukan orang lain) dalam ibadah. Tiada ithar dalam hal air untuk bersuci, tidak jua dalam hal menutup aurat, tidak jua dalam hal saf pertama. Ini kerana objektif ibadah adalah untuk membesarkan dan mengagungkan (Allah SWT). Sesiapa yang mendahulukan orang lain dalam hal tersebut, sesungguhnya dia telah meninggalkan perbuatan mengagungkan dan membesarkan Allah SWT”.*

Al ithar (mendahulukan orang lain) yang membawa kepada meninggalkan perkara yang wajib adalah haram seperti solat Jumaat dan perintah *Ulil Amri*. Oleh itu, Ahli Jawatankuasa Kariah atau Pegawai Masjid diwajibkan melaksanakan solat Jumaat berdasarkan arahan pihak *Ulil Amri* (pada asalnya solat Jumaat itu sendiri bersifat wajib) sewaktu PKP 3.0. Maka, haram dan berdosa jika ia tetap ithar (mendahulukan orang lain) terhadap kewajipan solat Jumaat itu dan di waktu yang sama mengingkari perintah *Ulil Amri*. Tiada ithar (mendahulukan orang lain) dalam peribadatan yang berstatus wajib di sisi syarak

SOALAN 57 :

*Apakah hukum menghadiri solat Jumaat di masjid dan surau diri Jumaat (SDJ) bagi mereka yang tidak ditetapkan dan dibenarkan oleh pihak Ulil Amri, seperti bersolat di anjung, serambi atau di luar pagar?*



**JAWAPAN :** Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan oleh pihak pemerintah, aktiviti dan bilangan jemaah sewaktu pelaksanaan solat Jumaat dan solat fardu berjemaah telah ditetapkan dengan bilangan tertentu seperti 12 orang atau sebaliknya. Bagi mereka yang tidak ditetapkan atau dibenarkan oleh pihak pemerintah (*Ulil Amri*) maka, pelaksanaan solat mereka mengikut imam di masjid dan surau diri Jumaat (SDJ) tersebut sah sekiranya menepati rukun solat, syarat sah solat dan syarat *qudwah* antara imam dan makmum namun, dikira berdosa kerana melanggar ketetapan pihak *Ulil Amri*. Mentaati pemerintah terhadap perkara kebaikan adalah dituntut dan terhadap perkara sebaliknya adalah dilarang. Sabda Nabi SAW:

لا طاعة (لبشر) في معصية الله إنما الطاعة في المعروف

*“Tiada kewajipan untuk taat (kepada seseorang) yang memerintahkan untuk derhaka kepada Allah. Kewajipan taat hanya pada hal yang ma’ruf.”*

Hadis Musnad Ahmad (686)

SOALAN 58 :

*Adakah terlaksana solat Jumaat sekiranya pelaksanaan solat tersebut di sesuatu premis yang tidak mendapat kebenaran Jabatan Agama Islam Perak atau Pegawai Tadbir Agama (PTA)?*

**JAWAPAN :** Dalam konteks di Negeri Perak, Perundangan Islam telah mempunyai enakmen yang tersendiri. Maka, ia menjadi suatu perundangan yang mempunyai tindakan kuat kuasa yang boleh dikenakan ke atas mana-mana entiti atau perseorangan (individu) dalam Negeri Perak yang telah melanggar peruntukan yang terdapat dalam enakmen tersebut. Sejarar dengan kedudukan Sultan sebagai Ketua Agama Islam di Negeri Perak maka, setiap titah Baginda telah terzahir dalam bentuk enakmen perundangan.

Begitu juga dengan fatwa, apabila ia telah digazetkan (warta) maka, fatwa tersebut akan menjadi satu bentuk undang-undang yang mengikat umat Islam dalam Negeri Perak. Dalam isu mendirikan solat Jumaat di sesuatu premis tanpa mendapat kebenaran daripada Jabatan Agama Islam Perak atau Pegawai Tadbir Agama (PTA) maka, solat Jumaat yang dilaksanakan adalah dikira sebagai tidak sah.

Oleh yang demikian, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak mengambil ketetapan bahawa pihak-pihak yang berhasrat untuk menganjurkan solat Jumaat di mana-mana premis hendaklah memohon kepada pihak berwajib bagi menjamin keabsahan menurut Syarak dan undang-undang. Al-Imam al-Nawawi telah berpandangan mengenai perkara ini di dalam kitab *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*, jilid keempat pada halaman 449:

والسنة أن لتقام الجمعة بغير إذن السلطان فإن فيه افتئاتا عليه،...

*“Adalah merupakan Sunnah bahawa tidak boleh dilaksanakan solat Jumaat tanpa keizinan al-Sultan (Ulil Amri) kerana ia mempunyai kuasa ke atasnya (kebenaran tersebut),”*

Dalam hal ini, *Dar al-Ifta' al-Misriyyah* telah mengemukakan pandangan seperti berikut:

فمتى كانت هناك مصلحة عامة جامعة لشرائطها، فإن تصرف ..... الإمام بناء على ذلك تصرف شرعي صحيح ينبغي إنفاذه والعمل به، ولا يجوز التحايل للتخلص منه، ويجب على الرعية السمع والطاعة حينئذ....

*“Maka apabila terdapat kemaslahatan umum yang menepati syarat-syaratnya maka pengurusan (keputusan) pemerintah yang terbina di atasnya dianggap pengurusan syarak dan benar (diiktiraf sebagai hukum syarak). Ia wajib dilaksanakan dan diamalkan. Tidak harus berhelah untuk tidak melaksanakannya. Adalah wajib atas rakyat mendengar dan mentaatinya...”*

SOALAN 59 :

*Apakah boleh dilaksanakan solat Jumaat di premis yang dibenarkan oleh Pegawai Tadbir Agama (PTA) ketika para Jemaah tidak mencukupi bilangan 40 orang?*

**JAWAPAN:** Kepatuhan terhadap pihak berkuasa atau kerajaan (Ulil Amri) adalah menjadi keutamaan dalam pelaksanaan solat Jumaat di sesuatu tempat dan premis. Berdasarkan Siaran Media yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) yang bertarikh 27 Januari 2021 pada para 2:

Had maksimum 40 orang jemaah dalam sesebuah masjid atau surau bagi solat Jumaat, solat fardu dan solat jenazah (tidak termasuk ahli jawatankuasa dan pegawai masjid atau surau). Dalam hal ini, jumlah maksimum yang dibenarkan adalah seramai 40 orang tidak termasuk ahli Jawatankuasa dan pegawai masjid atau surau. Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak setelah meneliti pelbagai pandangan telah mengambil ketetapan, bilangan yang dikehendaki untuk melaksanakan solat Jumaat di sesuatu premis yang dibenarkan hendaklah tidak kurang daripada bilangan 40 orang jemaah.

SOALAN 60:

*Apakah terlaksana solat Jumaat apabila para Jemaah terdiri daripada mereka yang berstatus muqimin dan bukan mastautinin ?*

**JAWAPAN:** Al-Imam al-Nawawi telah melontarkan persoalan ini di dalam kitabnya yang berjudul *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*, jilid keempat pada halaman 368:

هل تنعقد بمقيمين غير مستوطنين؟ فيه وجهان، قال أبو علي ابن أبي هريرة:  
تنعقد بهم لأنه تلزمهم الجمعة فانعقدت بهم كالمستوطنين،..

"Adakah sah solat Jumaat sekiranya didirikan oleh golongan yang bermukim tanpa turut disertai oleh golongan yang bermastautin? Dalam hal ini terdapat dua pandangan: Berkata Abu 'Ali bin Abu Hurairah: Sah solat Jumaat bagi golongan yang bermukim kerana mereka turut diwajibkan menunaikan solat Jumaat maka kesahan tersebut samalah hal keadaannya seperti golongan yang bermastautin,...".

Oleh yang demikian, bagi meraikan situasi ketika penularan wabak COVID 19 ini maka, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak bahawa sah solat Jumaat dengan bilangan 40 orang termasuk para jemaah yang berstatus muqimin.

SOALAN 61 :

*Apakah yang perlu dilakukan oleh para jemaah yang lain apabila bilangan ahli Jumaat tidak mencukupi bilangan seramai 40 orang?*

**JAWAPAN :** Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak dengan mengambil kira pelbagai pandangan dalam hukum Syarak serta perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan menerusi Siaran Media Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak bertarikh 27 Januari 2021 maka, dengan ini menetapkan bahawa bilangan jemaah untuk melaksanakan solat Jumaat di sesuatu premis yang dibenarkan yang kurang daripada 40 orang jemaah adalah tidak sah.

SOALAN 62 :

*Adakah terlaksana solat Jumaat sekiranya pelaksanaannya di sesuatu premis tidak mendapat kebenaran Pegawai Tadbir Agama (PTA) ?*

**JAWAPAN** : Dalam konteks di Negeri Perak, Perundangan Islam telah mempunyai enakmen yang tersendiri. Maka, ia menjadi satu perundangan yang mempunyai tindakan kuat kuasa yang boleh dikenakan ke atas mana-mana individu dalam Negeri Perak yang telah melanggar peruntukan yang terdapat dalam enakmen tersebut. Ia adalah sejajar dengan kedudukan Sultan sebagai Ketua Agama Islam di Negeri Perak maka, setiap titah Baginda telah terzhahir dalam bentuk enakmen perundangan. Begitu juga dengan fatwa, apabila ia telah di gazetkan maka, fatwa tersebut akan menjadi satu bentuk undang-undang yang mengikat umat Islam dalam Negeri Perak. Dalam isu mendirikan solat Jumaat di sesuatu premis tanpa mendapat kebenaran daripada Pegawai Tadbir Agama (PTA). Maka, solat Jumaat yang dilaksanakan adalah dikira sebagai tidak sah.

Oleh yang demikian, jawatankuasa Fatwa Negeri Perak mengambil ketetapan bahawa pihak-pihak yang berhasrat untuk menganjurkan solat Jumaat di mana-mana premis hendaklah memohon kepada pihak berwajib bagi menjamin keabsahan menurut Syarak dan undang-undang. Al-Imam al-Nawawi telah berpandangan mengenai perkara ini di dalam kitab *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*, jilid keempat pada halaman 449:

والسنة أن لا تقام الجمعة بغير إذن السلطان فإن فيه افتتاتا عليه،

*“Adalah merupakan Sunnah bahawa tidak boleh dilaksanakan solat Jumaat tanpa keizinan al-Sultan (Ulil Amri) kerana ia mempunyai kuasa ke atasnya (kebenaran tersebut),...”*

Dalam hal ini, *Dar al-Ifta' al-Misriyyah* telah mengemukakan pandangan seperti berikut:

فمتى كانت هناك مصلحة عامة لجامعة لشرائطها، فإن تصرف ..... الإمام بناء على ذلك تصرف شرعي صحيح ينبغي انفاذه والعمل به، ولا يجوز التحايل للتخلص منه، ويجب على الرعية السمع والطاعة حينئذ.....

*“Maka apabila terdapat kemaslahatan umum yang menepati syarat-syaratnya maka pengurusan (keputusan) pemerintah yang terbina di atasnya dianggap pengurusan syarak dan benar (diiktiraf sebagai hukum syarak). Ia wajib dilaksanakan dan diamalkan. Tidak harus berhelah untuk tidak melaksanakannya. Adalah wajib atas rakyat mendengar dan mentaatinya...”*

SOALAN 63 :

*Apakah sesuatu premis yang dibenarkan solat Jumaat akan dikira sebagai premis tetap atau sementara untuk dilaksanakan solat Jumaat?*

**JAWAPAN :** Berdasarkan ketetapan yang diambil pada masa ini menerusi Siaran Media Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak bertarikh 27 Januari 2021 maka, sesuatu premis hanya dibenarkan untuk dilaksanakan solat Jumaat sehingga ke suatu tempoh yang akan dimaklumkan kelak. Hal ini bermakna pelaksanaan solat Jumaat di sesuatu premis adalah bersifat sementara. Pihak-pihak yang berhasrat untuk menjadikan premis mereka sebagai masjid atau surau diri Jumaat boleh mengemukakan permohonan mendirikan Jumaat kepada Pegawai Tadbir Agama (PTA) di daerah terhampir.

SOALAN 64 :

*Apakah pelaksanaan solat Jumaat di pelbagai premis selain daripada masjid kariah dikira sebagai ta'addud Jumaat dalam satu kariah*

**JAWAPAN** : Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak telah mengambil ketetapan hukum terhadap permasalahan berbilang Jumaat dalam satu kariah dengan mengambil kira situasi semasa COVID 19 yang sedang melanda.

Perkara yang dikenal pasti wujud ketika pandemik ini adalah wujudnya kesulitan (masyaqqah) kepada masyarakat untuk menunaikan kefarduan solat Jumaat di masjid / Surau Diri Jumaat khususnya dalam menampung bilangan jemaah yang ramai.

Oleh yang demikian, Jawatankuasa mengambil ketetapan bahawa harus berbilang Jumaat (*ta'addud jumu'ah*) di sesuatu kariah di tempat yang telah ditetapkan sepertimana yang dinyatakan oleh al-Imam al-Nawawi telah berpandangan dalam kitab *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*, jilid keempat pada halaman 452:

قال أصحابنا: فعلى هذا تجوز الزيادة على جمعة في جميع البلاد التي تكثر الناس فيها، ويعسر اجتماعهم في موضع. وهذا الوجه هو الصحيح.

*“Telah berkata Ashab (Ulama Mazhab al-Syafie) kami: Untuk itu, harus hukumnya berbilang-bilang Jumaat di keseluruhan negeri (tempat) yang terdapat ramai penduduknya malah sukar untuk menghimpunkan mereka dalam satu tempat. Maka, pandangan ini adalah sah.”*

SOALAN 65 :

*Apakah boleh berniat iktikaf dan dilaksana tahiyatul masjid di premis selain daripada masjid?*

**JAWAPAN:** Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak mengambil ketetapan perbuatan iktikaf hanya boleh dilaksanakan di masjid berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 187:

وَأَنْتُمْ عَلَيْكُمْ فِي الْمَسْجِدِ

“Ketika kamu sedang beriktikaf di masjid.”

Manakala pelaksanaan solat sunat Tahiyatul Masjid tidak sah apabila dilakukan di premis selain daripada masjid.



# MUAMALAT

SOALAN 1 :

*Saya ingin penjelasan mengenai hukum atau fatwa bagi skim ASN dan ASB?*

**JAWAPAN :** ASN dan ASB adalah dua skim yang disediakan oleh Kerajaan bagi memudahkan orang-orang Melayu menyertai pasaran pelaburan saham untuk tujuan meningkatkan ekonomi orang-orang Melayu.

Jawatankuasa Syariah Negeri Perak berpendapat bahawa kedua-dua skim ini boleh diceburi, bahkan hukumnya adalah harus berdasarkan kepada keharusan bermua'amalah dengan orang-orang atau firma-firma yang kebanyakan hartanya adalah haram.

SOALAN 2 :

*Saya kurang faham mengenai keharusan melabur di dalam skim ASN dan ASB seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa Syariah Negeri Perak sebagaimana jawapan YBhg. Dato' di ruangan ini bulan lalu?*

**JAWAPAN :** Keharusan melabur di dalam skim ASN dan ASB sebagaimana yang diputuskan adalah berdasarkan kepada hukum muamalah yang apabila didapati pelaburannya kepada yang halal lebih banyak daripada yang haram, maka hukumnya adalah harus.

Hukum harus ini bersandarkan kepada nas-nas yang terdapat di dalam kitab-kitab "*al-Fawaidul Jinayah*", "*Ihya' Ulumuddin*", dan "*al-Isybah Wal-Nadzair*". Malahan ianya bukan sahaja dilihat dan dinilai dari segi dharurat tetapi dari segi maruah dan taraf hidup umat Islam itu sendiri.

SOALAN 3 :

*Jika anak saya meninggal dunia kerana kemalangan jalan raya, dan saya menuntut insuran keretanya sebanyak RM60,000.00 dan tuntutan itu berhasil. Apakah hukumnya wang itu? Halal atau Haram?*

**JAWAPAN :** Bayaran insuran kerana kemalangan hukumnya harus digunakan. Ianya sama seperti juga “diat” dalam hukum Qisas.

SOALAN 4 :

*Seorang Cina yang kaya raya dan jutawan mengumpulkan harta dengan banyaknya termasuk wang judi, toto dan hasil ternakan babi di masa ia belum Islam, kemudian ia memeluk Islam. Masalahnya, bolehkah segala wangnya itu dibelanjakan untuk kepentingan Islam seperti membina masjid dan seumpamanya.*

**JAWAPAN :** Segala harta yang diperolehinya sebelum Islam adalah menjadi hartanya yang halal apabila ia memeluk agama Islam, kecuali harta yang dirampas dari orang atau harta yang dicuri, mesti dikembalikan kepada orang yang dizalimi atau kepada tuannya.

SOALAN 5 :

*Majlis ini telah dihubungi oleh Kementerian Kewangan untuk mendapatkan pandangan/ulasan bagi permohonan Lesen Agensi Nombor Ramalan (3D) (Agensi Baru) yang telah diterima oleh Kementerian itu. Pengeluaran Lesen Agensi seumpama ini yang terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan biasanya di buat sekiranya Pihak Berkuasa Tempatan tiada halangan mengeluarkan Lesen Premis bagi bangunan di mana penjualan tiket itu akan di buat.*

*Oleh itu, Majlis ini ingin memohon Fatwa dari YBhg. Dato' samada Majlis ini tidak melanggar apa-apa hukum sekiranya Majlis ini mengeluarkan Lesen Premis dengan mengenakan syarat "Tidak dibenarkan menjual tiket dan mengguna pekerja orang-orang Islam".*

**JAWAPAN :**

- a) Hukum Islam mengenai judi adalah jelas haram, demikian pula dengan hukum meramalkan sesuatu yang akan terjadi tanpa disiplin ilmu, sebab dan akibat seperti ramalan kaji cuaca.  
Sesuatu yang telah diharamkan bukan saja haram dilakukan, tetapi juga bersyubhah pada melakukannya seperti menonton, membenarkan dan menunjukkan tempat.
- b) Adapun pada membenarkan orang-orang kafir tertakluk kepada beberapa kaedah. Jika makanan dan barang yang diharamkan itu adalah makanan orang kafir, maka tidak harus dilarang mereka berbuat demikian, seperti haram bagi orang Islam makan babi, sedang ianya makanan bagi orang-orang kafir, maka tidak harus dilarang mereka dari memakannya tetapi tidak harus orang-orang Islam berjual-beli babi. Demikian pula mengenai adat kebiasaan atau cara hidup yang perlu bagi agama dan kepercayaan mereka, maka tidak ada larangan, tidaklah seharusnya disekat.
- c) Dalam perkara yang dibangkitkan, sekiranya perkara itu suatu yang terpaksa di laku dan tidak dapat dielakkan, maka hendaklah di buat dengan syarat yang memastikan orang-orang Islam tidak terlibat, maka mengelakkan dari syubhah lebih utama didahulukan.

**SOALAN 6 :**

*Lembaga Tadbir sekolah kami bercadang hendak memagar kawasan sekolah dan tandas dengan wang faedah (bunga) bank. Adakah dibolehkan mengikut hukum syarak?*

**JAWAPAN** : Wang Faedah dari bank boleh digunakan untuk tujuan pembinaan pagar dan tandas sekolah atas dasar masalah ammah.

SOALAN 7:

*Pihak Pertubuhan Peladang Kawasan ini bercadang untuk menternak rusa bagi tujuan menjual tanduk, baka dan dagingnya. Untuk makluman Dato' tanduk lembu (velvet) rusa mendapat pasaran yang baik di dalam dan luar negara untuk tujuan perubatan. Bagi mendapatkan tanduk lembut itu, perlulah dipotong dalam tempoh 80 hari dari mula ianya tumbuh. Bekas potongan itu akan sembuh semula dalam tempoh seminggu setelah diubat dan tanduk akan tumbuh semula selepas satu tahun. Dalam hal tersebut, PPK inginkan pandangan dari segi hukum syara' mengenainya.*

**JAWAPAN :**

- a) Memotong anggota binatang sewaktu ia hidup adalah merupakan penyiksaan terhadap binatang itu dan ianya adalah dilarang oleh syara'.
- b) Anggota binatang yang diceraikan sewaktu ia masih hidup hukumnya adalah najis dan haram dimu'amalahkan.

SOALAN 8 :

*Suatu perjanjian penyewaan di buat antara pemilik dan penyewa dengan syarat-syarat tertentu dan dikehendaki membayar sebulan atau tiga bulan sewa sebagai deposit. Sekiranya syarat-syarat perjanjian dilanggar, penyewa boleh dikeluarkan tanpa sebarang imbuhan dan deposit dikira hangus. Bagaimana kedudukannya menurut pandangan Islam?*

**JAWAPAN :** Islam tidak mengharuskan mana-mana perjanjian dalam urusan jual-beli, sewa-menyewa dan sebagainya yang di buat terdapat unsur-unsur penipuan, penindasan, penganiayaan, zalim dan sebagainya. Pelanggaran syarat-syarat yang ditetapkan hendaklah dinilai sejauh mana kerugian dan kerosakannya. Sekiranya sewa dibayar tiap-tiap bulan maka wang deposit hendaklah dikembalikan.

SOALAN 9 :

*Adakah menjadi suatu kesalahan menurut pandangan Islam, jika seseorang itu mengumpulkan dan menyimpan barang-barang mahal yang dianggapkannya antik di dalam rumahnya. Adakah itu suatu pekerjaan yang membazir dan tahap yang bagaimanakah dikatakan membazir itu?*

**JAWAPAN :** Mengumpul dan menyimpan barang-barang yang mahal yang bukan diwarisi tetapi dengan mengeluarkan wang yang banyak bagi membelinya adalah membelanjakan harta yang tidak memberi manfaat samada kepada diri sekeluarga atau masyarakat, selain daripada memuaskan perasaan.

SOALAN 10 :

*Terdapat beberapa pendapat berkenaan dengan hukum wang faedah. Ada yang mengatakan bahawa wang tersebut boleh dibelanjakan untuk kegunaan am. Saya berpendapat bahawa Riba Adalah Haram, setiap yang haram adalah umpama najis, maka hukum menggunakannya adalah haram. Minta penjelasan daripada Dato' Mufti terhadap persoalan tersebut.*

**JAWAPAN :** Wang faedah dari bank adalah riba yang hendaklah diserahkan kepada Baitul-Mal. Mengikut satu pendapat lain wang faedah bank itu boleh digunakan untuk masalah ummah yang rendah seperti membuat tandas, masjid, titi atau pagar masjid.

SOALAN 11 :

*Kemusykilan saya seperti berikut:*

*Saya ada wang RM1,000.00. Datang kawan saya meminjamnya untuk dijadikan modal pemborong. Beliau berjanji 1/3 dari untungnya akan dibahagikan kepada saya. Apakah hukumnya dalam Islam terhadap untung yang dibahagikan kepada saya itu? Adakah ianya riba?*

**JAWAPAN:** Memberi pinjaman dengan janji akan dibayar lebih hukumnya adalah riba. Jalan yang sah untuk dilakukan ialah dengan cara Mudharabah iaitu tuan memberi modal kepada rakan tuan untuk berniaga dengan syarat seperti berikut:

- a) Perniagaan itu mestilah halal.
- b) Pembahagian keuntungan modal mestilah ditetapkan.
- c) Kerugian ditanggung oleh empunya modal.
- d) Mesti di buat akad mudharabah dengan syarat-syarat tersebut.

SOALAN 12 :

*Saya inginkan kepastian mengenai hukum melabur dalam Amanah Saham Nasional (ASN) yang telah pun disenaraikan dalam Bursa Saham yang harganya boleh naik dan turun pada bila-bila masa mengikut pasaran saham.*

**JAWAPAN :** Bermuamalah dengan ASN, hukumnya harus sekali pun berurusan dengan Bursa Saham kerana memang saham bersifat naik-turun mengikut pasaran.

SOALAN 13 :

*Saya inginkan pandangan mengenai pinjaman perumahan kerajaan, adakah ia termasuk riba dan apakah hukum bagi orang yang meminjamnya?*

**JAWAPAN :** Harus membuat pinjaman kerajaan kerana ia merupakan skim bantuan dan faedah yang dikenakan adalah bantuan bagi kos pengurusan.

SOALAN 14 :

- a) Benarkah punca modal yang berbunga "berriba" itu adalah haram dan hasil pendapatan daripada perniagaannya juga haram?*
- b) Bagaimana dengan gaji pekerja yang bekerja dengan badan atau syarikat perniagaan yang menggunakan modal tersebut, adakah haram, halal, atau harus?*
- c) Adakah elaun yang dibayar kepada sesuatu perkhidmatan kepada syarikat berkenaan haram, halal, atau harus?*

**JAWAPAN:**

- a) Memang benar setiap sumber yang haram menghasilkan benda yang haram juga. Tetapi dalam keadaan sekarang, kemudahan pinjaman hanya diperolehi melalui pinjaman bank dan ini tidak dapat dielakkan, maka keadaan itu bolehlah dikira sebagai dharurat.
- b) Pekerja yang bekerja di syarikat berkenaan yang menguruskan soal riba semata-mata adalah haram kecuali jika tiada pekerjaan lain yang boleh diperolehi. Bekerja dalam bank-bank hukumnya harus kerana bank pada umumnya menjalankan perniagaan sedang urusan riba itu kecil.
- c) Elaun yang dibayar untuk sesuatu perkhidmatan adalah merupakan upahan, maka upahan itu harus dibayar.



SOALAN 15 :

*Adalah menjadi kemusykilan ramai mengenai wang faedah simpanan di Bank Simpanan Nasional (BSN) samada ianya boleh digunakan oleh penyimpan (perseorangan) untuk membiayai kehidupan hariannya dan hukum-hukum yang bersabit dengan hal yang tersebut.*

**JAWAPAN :** Bank Simpanan Nasional telah beroperasi sama seperti bank-bank yang lain. Maka kerana itu faedah yang diberinya sama juga dengan faedah yang diberikan oleh bank-bank lain. Hukumnya riba dan haram digunakan oleh orang perseorangan. Wang itu hendaklah diserahkan kepada Baitul Mal untuk masalah ummah.

SOALAN 16 :

*Wang Faedah bank adalah riba dan hukumnya haram. Setiap yang haram boleh kita umpamakan seperti najis. Kalau kita gunakan adalah haram. Bagaimana pandangan YBhg. Dato' mengenai masalah ini, bagi menyelesaikan kemusykilan kewangan masjid kami.*

**JAWAPAN :** Wang Faedah dari bank adalah riba yang hendaklah diserahkan kepada Baitul Mal. Mengikut satu pendapat lain wang faedah bank ini boleh digunakan untuk masalah ummah yang rendah seperti membuat tandas, titi atau pagar masjid.

SOALAN 17 :

- a) Saya ada menyimpan wang di Malayan Banking. Pihak bank ada memberi faedahnya. Adakah halal wang faedah tersebut? Kalau haram, apa patut saya buat supaya ianya tidak membazir?*
- b) Bagaimana pula dengan faedah yang diberikan oleh koperasi? Adakah serupa hukumnya?*

- c) *Apabila saya pencen nanti, adakah halal saya menggunakan semua wang KWSP saya bersama-sama faedahnya sekali? Kalau haram, apa yang patut saya buat? Adakah perlu saya asingkan wang caruman dengan faedah yang diterima?*
- d) *Bagaimana tentang zakat wang KWSP. Adakah patut saya membayar zakatnya semasa memperolehi wang tersebut ketika pencen nanti?*

**JAWAPAN :**

- a) Faedah dari bank adalah riba dan haram hukumnya. Wang faedahnya boleh digunakan untuk masalah am seperti membuat jalan, titi, pagar masjid, tandas dan sebagainya. Yang lebih elok lagi, diserahkan kepada Baitul Mal.
- b) Faedah koperasi hukumnya harus, kerana koperasi adalah kepunyaan bersama.
- c) KWSP adalah pemberian kerajaan dan faedahnya adalah dari kerajaan, maka tidak perlu diasingkan.
- d) Zakat KWSP hendaklah dikeluarkan ketika menerimanya, kerana waktu itu ia menjadi milik sempurna.

**SOALAN 18 :**

*Apakah pandangan mengenai penggunaan kad kredit seperti Maybank Exec Card dan lain-lain yang membolehkan pemegangnya mengeluarkan wang gajinya bagi 3 bulan akan datang. Kemudahan disediakan dengan membayar RM30.00 setiap tahun sebagai yuran dan faedah bulanan yang rendah.*

**JAWAPAN :** Kad Kredit yang tidak melibatkan muamalah riba tidaklah menjadi kesalahan bahkan harus hukumnya.

SOALAN 19 :

*Apakah hukumnya membeli rumah melalui pinjaman bank? Bagaimana pula dengan amal ibadah di dalamnya?*

**JAWAPAN :** Membeli rumah melalui pinjaman bank adalah harus serta wajib menggunakan perbankan secara Islam. Selain dari kaedah ini, pinjaman daripada bank konvensional adalah diharamkan kerana berasaskan unsur riba

SOALAN 20 :

*Saya telah berhutang wang RM 1,500.00 daripada abang saya dengan menyandarkan geran tanah kebun getah saya kepadanya. Ditakdirkan Allah, abang meninggal dunia sebelum hutangnya saya selesaikan. Anak-anak arwah mendesak saya menjelaskan hutang tersebut dengan segera. Saya tidak dapat menjelaskannya. Saya bercadang untuk menjualkan saja tanah yang disandarkan tersebut dengan harga RM7,000.00 Anak arwah bersetuju membelinya dengan harga RM5,000.00, iaitu ditolak jumlah hutang saya kepada abang.*

*Apa yang mendukacitakan, mereka tidak menjelaskan harga berkenaan, sedangkan Geran Tanah telah dipegang dan enggan memulangkannya semula kepada saya. Mengenai hal di atas, saya inginkan Fatwa YBhg. Dato' tentang hukum perkara-perkara yang berkaitan.*

**JAWAPAN :** Menurut hukum, si pemberi pinjam boleh dengan persetujuan peminjam menjual tanah yang digadaikan mengikut harga semasa dan memulangkan harga jualan setelah ditolak hutang. Tuan juga boleh menjualkan tanah itu dengan persetujuan waris-waris si mati yang mana dengan harga tanah itu tuan boleh melunaskan hutang tuan. Si pemberi hutang tidak berhak mengambil lebih dari haknya. Jika ia mengambil juga, itu termasuk mengambil harta secara batil.

SOALAN 21 :

*Pihak AJK Masjid kami telah membeli hamparan (permaidani) untuk kegunaan ahli jemaah dengan harga RM 10,000.00 secara ansuran selama 3 tahun. Perkara ini telah dipertikaikan oleh beberapa orang ahli jemaah mengenai halal-haramnya. Pohon penjelasan?*

**JAWAPAN :** Jual-beli harus di buat dengan harga tunai dan secara jual-beli bertanggung (al-Bai'u bi thamanil-ajil). Pembelian hamparan (permaidani) oleh AJK Masjid dengan bayaran ansuran bulanan, jika dipersetujui oleh kedua pihak (pembeli dan penjual) dengan harga yang ditetapkan, harus hukumnya tidaklah haram.

SOALAN 22 :

*Pohon penjelasan mengenai persoalan berikut:*

- a) Bagaimana caranya hendak membayar hutang kepada orang yang tidak kita ketahui hidup atau mati (ghaib)?*
- b) Mengikut agama kita, bukan makan yang menghidupkan kita, tetapi saya tengok orang yang tidak makan semuanya mati seperti rakyat di Somalia. Apa pandangan ?*

**JAWAPAN :**

- a) Hutang jika tidak dapat dikesan pemberinya, hendaklah dibayar kepada waris-warisnya. Jika waris juga tidak ada, hendaklah diserahkan kepada BaitulMal.
- b) Saya tidak pernah jumpa istilah yang mengatakan “Bukan Makan Yang Menghidupkan Kita”. Islam berpendapat bahawa makan minum merupakan suatu keperluan kepada manusia dan manusia memerlukan makan dan minum untuk dapat hidup dan melaksanakan tuntutan Allah terhadapnya sebagai hamba. Saudara jangan hairan, soal mati bukan sahaja kerana tidak makan, tetapi juga ramai yang mati kerana makan.

SOALAN 23 :

*Bolehkah wang tabung kutipan anak-anak yatim dari kariah masjid ini diberikan kepada anak-anak yatim yang tinggal di luar kariah, sedangkan pihak masjid tidak memberitahu kepada penderma-penderma atau ditulis di peti-peti tabung itu tentang wangnya akan diagihkan sama ke kariah lain.*

**JAWAPAN :** Sesuatu khairat yang dinamakan khas tujuannya tidak boleh digunakan kepada tujuan yang lain, melainkan atas persetujuan orang yang membuat khairat. Demikian juga dengan tabung kebajikan anak-anak yatim yang dikhususkan untuk sesuatu kariah atau tempat tidaklah boleh dipindahkan kepada tempat lain kecuali semua penderma bersetuju dipindahkan kepada anak-anak yatim di tempat lain.

SOALAN 24 :

*Persatuan Bantuan Kematian Kampung membuka akaun di Bank Simpanan Nasional. Persoalannya, apakah hukum menggunakan wang faedah bank tersebut untuk tujuan membina bangsal basikal Sekolah Agama Rakyat?*

**JAWAPAN :** Wang Faedah bank boleh juga digunakan untuk masalah ammah seperti membina jalan, tandas dan pagar masjid atau sekolah.

SOALAN 25 :

*Perkembangan yang sedang rancak diragui kita sekarang ialah urusanniaga saham. Bagaimanakah pendapat Islam dalam hal ini dan apakah hukumnya wang keuntungan dari saham yang kita tidak ketahui di mana ia dilaburkan?*

**JAWAPAN :** Membeli saham atas syarikat perniagaan yang urusniaga halal, hukumnya harus dan halal kerana harus bersyariat dalam muamalah Islam. Tetapi jika tidak diketahui dan diragui pelaburannya, maka tidak harus hukumnya.

SOALAN 26:

*Apakah pandangan agama mengenai persoalan syarikat-syarikat Insuran Nyawa yang membuat perjanjian kepada pelanggannya untuk membayar wang dalam kadar tertentu atas sebab-sebab tertentu atau suatu kematian?*

**JAWAPAN :** Untuk makluman Insuran Nyawa telah disepakati oleh para ulama menyatakan haram bermuamalah dengannya.

SOALAN 27 :

*Beberapa keraguan timbul mengenai hadiah cabutan Sijil Simpanan Premium BSN yang ada hari ini. Apakah hukum yang sebenarnya mengenai perkara berkenaan?*

**JAWAPAN :** Hadiah yang diberikan oleh Bank Simpanan Nasional bukanlah berupa judi kerana tidak mengurangkan wang penyimpan dan tidak pula merugikan mana-mana pihak. Maka kerana itu, ia boleh diterima.

SOALAN 28 :

- a) Adakah boleh atau tidak menjual kulit lembu korban kepada orang kafir (Cina) atau orang-orang Melayu Islam?*
- b) Adakah boleh mengadakan korban untuk orang yang sudah mati tetapi tiada wasiat ketika masih hidupnya?*

**JAWAPAN :**

- a) Haram bagi tuan punya korban menjual kulit binatang korbannya sebagaimana sabda Nabi SAW yang bermaksud:

مَنْ بَاعَ جِلْدَ أُضْحِيَّةٍ فَلَا أُضْحِيَّةَ لَهُ

*“Sesiapa menjual kulit binatang korbannya maka tiadalah korban baginya”.*

*Hadis Riwayat Baihaqi (1839)*

Walaubagaimanapun golongan fafir miskin yang menerima kulit itu boleh menjualnya tetapi hanya kepada orang-orang Islam tidak kepada orang-orang kafir.

- b) Tiada memadai korban untuk orang yang telah mati tanpa wasiat dari si mati.

**SOALAN 29 :**

*Apakah hukum waris simati menerima bayaran premium Syarikat Insurans Nyawa?*

**JAWAPAN :** Insuran Nyawa hukumnya haram kerana urusannya tidak menepati syarak. Ganjaran yang dibayar kepada waris simati tidak boleh diambil dan difaraidhkan manakala ganjaran yang tersebut hendaklah diserahkan kepada Baitul Mal untuk kegunaan masalah am.

**SOALAN 30 :**

*Pihak Kewangan Usaha Bersatu Berhad (KUBB) menyediakan kemudahan pinjaman untuk Skim Pembiayaan Pakej Umrah. Pembiayaan ini berlandaskan konsep Al Bai Bithaman Ajil berdasarkan lunas Syariah Islam.*

- a) *Adakah skim di atas boleh dilaksanakan berdasarkan lunas Syariah Islam?*
- b) *Jika tidak boleh, apakah cara lain yang perlu dibuat bagi membolehkan skim di atas dilaksanakan.*

**JAWAPAN**

- a) Berhutang untuk mengerjakan haji fardhu dilarang oleh Rasulullah SAW. Demikian pula berhutang untuk mengerjakan Umrah wajib ataupun sunat.
- b) Harus dilakukan pakej melancong keluar negara atau ke tempat-tempat lain.

**SOALAN 31 :**

*Saya ingin memohon penjelasan tentang kedudukan Sijil Simpanan Nasional. Ada setengah pendapat Sijil ini bukan perjudian dan hadiahnya harus.*

**JAWAPAN :** Sijil simpanan premium bukanlah judi kerana tidak ada terlibat kerugian bagi pihak pencarum. Hadiah-hadiah yang disediakan adalah merupakan galakan semata.

**SOALAN 32 :**

*Saya mewakili AJK Masjid di kariah ini meminta penjelasan berhubung dengan masjid kariah saya mewakili sejumlah wang tabung yang difikirkan mungkin sebahagian daripadanya boleh berkembang sama ada cara membeli harta atau membeli saham. Justeru itu, apakah dari segi syarak wang keuntungan Pelaburan Saham ASB\ASN boleh digunakan bagi maksud seperti tersebut di atas.*



**JAWAPAN:** Tabung Khairat Masjid adalah tabung kebajikan orang ramai sedangkan saham merupakan perniagaan yang belum tentu untung ruginya. Oleh yang demikian, adalah dinasihatkan supaya tidak dilaburkan ke dalam saham berisiko tinggi tetapi dibolehkan untuk melabur dalam simpanan tetap dan seumpamanya

SOALAN 33 :

*Mohon pandangan dan penjelasan menggunakan nama syarikat dan produk-produk keluaran yang terdapat dalam bahasa Arab.*

**JAWAPAN :** Jabatan Mufti Negeri Perak berpandangan bahawa tidak mengapa sekiranya apa-apa produk yang dikeluarkan oleh pihak syarikat diberi nama berdasarkan nama-nama dalam bahasa arab. Namun begitu, adalah lebih baik sekiranya nama-nama tersebut disertakan dalam ejaan jawi atau arab yang betul.

SOALAN 34 :

*Apakah hukum seseorang muslim menjual dan membeli siput babi?*

**JAWAPAN :** Adalah tidak sah sebarang bentuk jual beli yang melibatkan kategori haiwan “*al-hasharat*” iaitu haiwan melata kecuali yang hukumnya harus dimakan sahaja. al-Imam Ramli telah menyatakan hukum ini menerusi kitabnya yang bertajuk *Nihayatul Muhtaj ila syarhil Manhaj*, jilid 3, pada halaman 395:

(فلا يصح بيع الحشرات) وهي صغار دواب الأرض... بما يذكر من منافعها  
في الحواص ويستثنى.. مما يؤكل..

*“(maka tidak sah jual beli haiwan melata) iaitu haiwan kecil yang merayap di bumi.. dengan apa dinyatakan berkenaan manfaatnya dan dikecualikan dari apa yang boleh di makan..*

SOALAN 35:

*Apakah hukum bagi orang Islam yang masih berurusan dengan kedai pajak gadai konvensional?*

**JAWAPAN:** Secara umumnya, hukum gadaian adalah harus bagi memenuhi keperluan manusia apabila berada dalam keadaan yang disifatkan terdesak atas sebab-sebab yang tertentu. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 283:

وَإِنْ كُنْتُمْ عَلَىٰ سَفَرٍ وَلَمْ تَجِدُوا كَاتِبًا فَرِهَانٌ مَّقْبُوضَةٌ

*“Jika kamu berada dalam musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang yang bertempoh), sedangkan kamu tidak mendapati jurutulis maka hendaklah diserahkan barang-barang gadaian yang akan dipegang (oleh orang yang memberi hutang).”*

Kontrak gadaian yang ada pada masa ini ada dua kategori iaitu kontrak gadaian konvensional dan kontrak gadaian Islam. Sebagai umat Islam, adalah menjadi kewajiban ke atas mereka untuk menyelesaikan segala urusan gadaian di kedai pajak gadai Islam atau kini lebih dikenali sebagai al-Rahnu.

Manakala kontrak gadaian konvensional dilihat tidak memenuhi keperluan Syariah kerana dalam masa yang sama turut mengenakan faedah yang berlebihan serta berlaku penyelewengan dalam transaksi gadaian. Sebagai contoh, terdapat segelintir dalam kalangan pemegang pajak gadai yang tidak amanah dengan mengambil barang gadaian menjadi hak miliknya sekiranya ia tidak ditebus oleh pihak pengadai.

Begitu juga misalnya jika barang gadaian tersebut dilelongkan, kerap kali pemegang pajak gadai tidak memulangkan wang lebih kepada pihak penggadai selepas ia dilelongkan. Begitu juga dengan tuntutan wang pendahuluan oleh pemegang pajak gadai yang dilihat mempunyai unsur penindasan ke atas pihak penggadai.

Oleh itu, setiap kontrak yang dibenarkan oleh syarak mempunyai perkaitan dengan hukum hakam tertentu. Justeru, kontrak gadaian Islam merupakan alternatif utama bagi umat Islam kerana ia bebas dari sebarang unsur gharar (tidak jelas) dan riba. Di samping itu, nilai gadaian juga tidak merosot serta barang gadaian dijamin selamat dalam simpanan pihak al-Rahnu.

Tempoh pembayaran balik wang pinjaman ke atas pihak penggadai adalah munasabah dan boleh diterima pakai oleh semua pihak. Selain itu, kadar caj perkhidmatan yang dikenakan oleh pihak al-Rahnu adalah rendah dan berpatutan.

# MUNAKAHAT

SOALAN 1 :

- a) *Isteri telah mengaku berzina dan minta ampun kepada suaminya kerana telah melakukan zina. Apakah yang patut dilakukan oleh suami kepada isterinya?*
- b) *Adakah dihukum dayus kepada suami yang memaafkan kesalahan isterinya itu jika tidak diceraikan.*

JAWAPAN :

- a) Terpulanglah kepada suami sama ada hendak mengekalkan perkahwinan mereka atau tidak.
- b) suami tidak dihukum dayus

SOALAN 2 :

*Oleh kerana perasaan marah dan terlalu cemburu kepada isteri, maka si suami telah melafazkan kata-kata yang dianggap menghina Tuhan dengan kata sial, celaka dan "lebih baik menjadi padri". Beberapa jam kemudian ia menyedari bahawa perbuatannya itu salah, lantas ia bertaubat dengan melafazkan Dua Kalimah Syahadah dan terus insaf. Persoalannya, apakah kedudukan dirinya dan bagaimana harus di buat olehnya?*

JAWAPAN :

- a) Sekiranya ia telah melafazkan sesuatu kalimah yang boleh menyebabkan terkeluar dari Agama Islam, maka ia hendaklah bertaubat dan mengucap syahadah dengan serta-merta.
- b) Apabila murtad salah seorang suami atau isteri, maka dilihat dari keadaan apakah berlaku murtad itu, sebelum atau selepas dukhul (bersetubuh). Sekiranya berlaku kejadian itu sebelum dukhul, maka berlakulah perpisahan dengan serta-merta. Jika sekiranya murtad itu berlaku selepas dukhul, maka ianya tergantung sehingga berakhir iddah perempuan iaitu 3 kali suci daripada haid.

Jika sekiranya ia kembali semula kepada Islam dalam masa iddah itu, maka perkahwinan itu adalah berterusan dengan tidak perlu kepada rujuk.

### SOALAN 3

*Saya inginkan jawapan mengenai kemusykilan-kemusykilan berikut:*

- a) Adakah wajib seorang suami menceraikan isterinya yang telah dinodai oleh bapanya sendiri (bapa suami)?*
- b) Seorang suami yang mendziharkan isterinya, kemudian diikutinya dengan talaq; Adakah boleh si suami itu rujuk atau akad nikah baru baru? Sekiranya boleh, adakah gugur kifarah dzihar itu?*
- c) Jika si suami yang mendziharkan "isteri" itu tidak membayar kifarah, adakah wajib ia menceraikan isterinya itu? Dan kalau bersekedudukan, adakah dihukumkan berzina?*
- d) Adakah sah, seorang bapa mewalikan anaknya bernikah, sedangkan anaknya itu telah disetubuhinya?*
- e) Adakah batal nikah antara suami-isteri yang bernikah dengan Wali Hakim, manakala walinya yang ghaib itu muncul selepas akad dijalankan, sedangkan wali yang ghaib itu telah disiasat nyawa ghaibnya.*
- f) Apa hukum di dalam Islam, seseorang berubat dengan cara yang dilarang oleh syarak seperti menurun, dan adakah dikira syirik? Sedangkan mereka telah berikhtiar dengan cara yang diharuskan oleh syarak seperti berjumpa pakar perubatan, doktor dan menggunakan ayat-ayat al-Quran, tetapi tidak juga sembuh.*

### JAWAPAN :

- a) Yang paling aula (utama) bagi seorang suami menceraikan isterinya yang telah melakukan zina, bukannya isteri yang disetubuhi secara paksa (rogol) atau isteri yang disetubuhi secara syubhah.

- b) Seorang suami yang mendziharkan isterinya, kemudian menceraikannya dengan talak raj'ie dan kemudiannya merujuk isterinya itu atau bernikah semula dengan isterinya itu selepas iddah tidak menggugurkan kaffarah bahkan tetap ia wajib menunaikannya. Dan ia tidak boleh melakukan persetubuhan hingga ditunaikan kaffarah.
- c) Ia tidak wajib menceraikan isteri tetapi wajib baginya menunaikan kaffarah. Jika ia tidak menunaikan juga, dosa tertanggung atasnya dan isterinya boleh memohon cerai.
- d) Sah dengan syarat bapa sebagai wali bertaubat dan menyesali dan barulah boleh mewalikan anaknya. Sekiranya bapa masih mengekalkan perbuatan fasik yang zahir, maka bapa telah gugur hak sebagai wali.
- e) Sekiranya waktu akad nikah dilakukan, wali itu ghaib lebih dari dua marhalah, maka nikah yang dilakukan secara Wali Hakim itu sah.
- f) Berubat harus dilakukan dengan cara apa sekalipun selama mana tidak ada unsur-unsur penyekutuan terhadap Allah.

SOALAN 4 :

*Suatu peminangan dan penetapan berkaitan dengan urusan perkahwinan dipersetujui antara kedua-dua belah pihak. Dengan tidak disangka, pihak perempuan membatalkan ikatan pertunangan dan pihak lelaki menuntut supaya dibayar dua kali ganda wang hantaran dan lain-lain perbelanjaan yang bersangkutan termasuk saman malu contohnya. Apakah pandangan syarak mengenai hal berkaitan ini?*

**JAWAPAN :** Islam mengharuskan perjanjian di buat di majlis pertunangan antara pihak lelaki dan pihak perempuan dan hendaklah dilaksanakan segala keputusan yang telah disepakati dengan syarat di dalam perjanjian tersebut tidak ada unsur-unsur keji seperti penipuan, penekanan (memberati mana-mana pihak) dan mengaibkan memalukan.

SOALAN 5 :

*Saya telah berkahwin dan mempunyai seorang anak lelaki berumur 2 tahun. Saya dan isteri saya telah berpisah sejak setahun lalu. Isteri saya itu mahu supaya saya menyerahkan anak lelaki kami itu kepadanya tetapi saya enggan menyerahkan kepadanya kerana saya kkuatir didikan agamanya terabai memandangkan isteri saya sangat cetek pengetahuan agamanya dan kurang amal ibadatnya. Saya mohon pandangan mengenai perkara ini.*

JAWAPAN :

Hal jagaan anak mengikut syarak adalah keutamaan bagi ibu kanak-kanak itu jika ia menepati syarat-syarat berikut:

- a) Sempurna akal
- b) Merdeka
- c) Beragama Islam
- d) Amanah
- e) Lemah lembut
- f) Tinggal di negeri yang sama
- g) Tidak bersuami lain

Jika salah satu syarat-syarat tersebut tiada, maka gugurlah hak hadhanah (jagaan terhadap anak).

SOALAN 6 :

*Masalah yang ingin saya tanyakan adalah seperti berikut: Ada 2 orang adik-beradik. Abang bernama Ahmad, adik bernama Ali. Ali meninggal dunia semasa berumur 6 tahun. Abangnya si Ahmad pada masa masuk sekolah memakai nama adiknya Ali dengan tujuan memudahkan umurnya atas sebab-sebab tertentu. Semenjak itu, ia adalah Ali dan bukan lagi Ahmad. Semua dokumen peribadinya seperti sijil dan sebagainya bernama Ali.*



*Beliau sekarang sudah dewasa. Persoalannya, sekiranya si Ahmad tadi yang sekarang dikenali sebagai Ali melangsungkan perkahwinan dengan berijab-kabul atas nama Ali, adakah sah nikahnya?*

**JAWAPAN :** Jika nama Ali itu menjadi nama rasminya atau jika disebut nama Ali orang akan mengenalinya, maka akad nikah yang dijalankan atas nama itu tidak terjejas bahkan adalah sah.

SOALAN 7 :

*Saya ingin mendapat penjelasan berhubung perkara berikut:-*

- a) Sepasang suami-isteri berkahwin (duda dan janda). Mereka masing-masing ada membawa anak. Dalam masa perkongsian hidup, mereka telah dapat membeli harta (tanah). Tiba-tiba dengan takdir Allah, si isteri meninggal dunia terlebih dahulu. Adakah si isteri itu boleh menerima hak atas harta yang dihasilkan bersama suaminya semasa hidupnya dahulu?*
- b) Sekiranya si isteri itu ada mempunyai haknya atas harta tersebut, bolehkah dituntut pula mengikut hukum syarak oleh anak-anak si isteri itu sebagai tuntutan pusaka ibunya.*

JAWAPAN :

- a) Pada hukum syarak bahawa harta yang diperolehi semasa hidup suami isteri merupakan hak bagi orang yang memperolehinya. Jika harta itu atas nama suami, maka suamilah yang empunya. Jika harta itu atas nama isteri, maka isterilah yang empunya. Atau jika harta itu lazimnya dimiliki oleh suami, maka suamilah yang berhak dan jika jenis harta itu pada lazimnya kepunyaan isteri, maka isterilah yang berhak seperti barang-barang kemas dan sebagainya.
- b) Amalan dalam sebahagian masyarakat bergantung kepada adat yang dikenali sebagai “harta sepercarian”. Lazimnya dibahagi mengikut kebiasaan setengah-setengah atau pertiga dan dua pertiga.

SOALAN 8 :

*Boleh atau tidak seorang anak lelaki susuan berkahwin dengan anak ibu susuannya setelah ia dewasa?*

**JAWAPAN :**

Haram bagi seseorang berkahwin dengan saudara susuannya. Ini bermakna haram dan tidak sah bagi seorang yang menyusui kepada seorang perempuan berkahwin dengan anak kepada ibu susuannya samada yang lebih tua padanya atau yang lebih muda. Begitu juga dengan anak-anak saudara susuannya. Ini tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. Waktu menyusui belum berumur dua tahun.
- ii. Hendaklah menyusui sebanyak tidak kurang dari lima kali.
- iii. Hendaklah susu itu masuk ke dalam perutnya. Jika kurang dari lima atau tidak sampai ke dalam perut kanak-kanak itu, maka tidak sabit susuan.

SOALAN 9 :

Saya ingin mendapat penjelasan berhubung dengan talak. Adakah talak tiga sekali gus jatuh talak tiga atau jatuh talak satu sahaja. Persoalan ini saya kemukakan kerana saya ada terbaca sepotong hadis yang mengatakan hanya jatuh talak satu sahaja.

**JAWAPAN :** Talak tiga sekali gus jatuh tiga mengikut mazhab Syafie, Hambali, Maliki, Hanafi dan Daud Dzabiri berdasarkan kepada hadis Rukanah dengan versi yang lain diriwayatkan oleh Syafie, Abu Daud, Tarmizi, Ibnu Hibban dan Al Hakim:

يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنِّي طَلَّقْتُ سُهَيْبَةَ أَلْبَتَّةَ وَاللَّهِ مَا أَرَدْتُ إِلَّا وَاحِدَةً قَالَ: اللَّهُ مَا أَرَدْتُ إِلَّا وَاحِدَةً؟ قُلْتُ: اللَّهُ مَا أَرَدْتُ إِلَّا وَاحِدَةً قَالَ: اللَّهُ مَا أَرَدْتُ إِلَّا وَاحِدَةً؟ قُلْتُ: اللَّهُ مَا أَرَدْتُ إِلَّا وَاحِدَةً فَرَدَّهَا عَلَيَّ عَلَى وَاحِدَةٍ

*"Bahawa Rukanah telah menceraikan isterinya Suhaimah dengan talak tiga maka telah diberitahu akan hal itu kepada Nabi Muhammad SAW. maka berkata Rukanah, demi Allah tidak ku maksudkan melainkan satu jua".*

*Hadis Riwayat Abu Daud (1284)*

Maka Rasulullah SAW. meminta sumpah dari Rukanah bahawa yang dimaksudkan hanya satu bererti jika tidak tetapi jatuh tiga.

# JINAYAT

SOALAN 1 :

*1. Adakah orang yang melakukan zina akan terlepas dosanya di akhirat dengan dikenakan denda sahaja?*

*2. Apakah hukumnya wang denda zina itu dari segi hukum Islam?*

**JAWAPAN :**

Hukuman bagi kesalahan zina ialah:

1. Zina Muhsan
2. Zina Ghair Muhsan

Bagi kesalahan Zina Muhsan, hukumnya ialah direjam sehingga mati manakala Ghair Muhsan ialah disebat sebanyak 100 sebatan. Adapun hukuman-hukuman selain dari ini adalah dikategorikan sebagai hukuman ta'zir termasuklah bayaran denda. Begitu juga pesabitan hukuman zina yang tidak dapat disabitkan kerana wujudnya keraguan yang munasabah maka ia akan dikenakan hukuman ta'zir sahaja.

Harus hukumnya bagi pihak kerajaan mengambil apa-apa jua denda yang dikenakan kepada para pesalah bagi tujuan pengajaran dan pencegahan. Pesalah zina yang dikenakan denda tidak berdosa kerana tanggungjawab melaksanakan hukuman hudud adalah terbeban di atas tanggungjawab pemerintah.

SOALAN 2 :

*Apakah hukum bagi seseorang yang melakukan dosa zina yang tidak dihukum dengan hukum Islam, kemudian ia bertaubat; Adakah taubatnya diterima dan adakah ia terlepas daripada hukuman akhirat?*

**JAWAPAN :** Allah SWT Maha Pengasih lagi Maha Penyayang dan Allah SWT telah berjanji di dalam al-Quran, ayat 116 surah an-Nisa':

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ

*“Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni dosa orang yang menyengutukan-Nya dan sesiapa yang dikehendaki-Nya”.*

Ayat ini secara umum menjelaskan bahawa Allah SWT berjanji akan mengampunkan sebarang dosa selain dosa menyengutukan Allah SWT. Bagi orang yang berzina, sekiranya mereka bertaubat sebelum membuat pengakuan dihadapan hakim, maka mereka akan terlepas dari hukuman hudud. Akan tetapi, sekiranya mereka telah membuat pengakuan dihadapan hakim setelah aduan dibuat ke atas mereka atau pengakuan secara sukarela maka hukuman ini adalah penebus bagi dosa-dosa mereka.

SOALAN 3 :

*Saya ingin penjelasan mengenai perkara berikut:*

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan Taubat Nasuha dan apakah syarat-syaratnya?*
- b) Apakah hukumnya seseorang Islam yang mencuri barang kepunyaan orang kafir. Adakah ia wajib mengembalikan barang-barang tersebut setelah bertaubat?*

JAWAPAN :

- a) Taubat nasuha ialah taubat yang dilakukan secara bersungguh-sungguh dengan tidak mengulangi lagi perbuatan yang kerananya ia bertaubat. Syarat-syaratnya:-
  - i. Meninggalkan perbuatan maksiat
  - ii. Menyesali atas perbuatannya yang lalu.
  - iii. Berazam tidak akan mengulanginya lagi.

- b) Adalah haram hukumnya mencuri barang-barang kepunyaan orang kafir. Ia wajib memulangkan barang-barang yang dicuri dari orang kafir tanpa pengetahuannya demi menjaga masalah.

SOALAN 4 :

*Seorang isteri telah mengaku di hadapan suaminya bahawa dia pernah melakukan zina secara paksa dengan jirannya ketika ketiadaan suaminya. Sebelum itu, hal ini dirahsiakannya. Soalnya, apakah hukum isteri tersebut merahsiakannya dan apa yang seharusnya mereka lakukan?*

**JAWAPAN :** Yang perlu di buat ialah si isteri bertaubat kepada Allah dan memohon maaf kepada suaminya. Yang buruk itu disembunyikan mudah-mudahan Allah mengampuninya.

SOALAN 5 :

*Sebagaimana difahamkan, kalau seseorang itu mencuri barang orang lain, maka hendaklah kita meminta ampun kepada tuan yang empunya barang itu, barulah dosa si pencuri diampunkan Tuhan. Bagaimana pula dengan orang yang merosakkan barang-barang kerajaan seperti telefon awam, papan-papan tanda dan seumpamanya. Adakah sudah memadai dengan bertaubat tidak akan berbuat lagi, atau bagaimana?*

**JAWAPAN :** Seseorang yang merosakkan barang-barang kerajaan samalah dengan hukumnya merosakkan barang-barang orang lain. Wajib digantikan semula segala barang yang dirosakkan. Tidak memadai hanya dengan bertaubat semata-mata.

SOALAN 6 :

*Saya telah menasihatkan seorang teman supaya menghentikan tabiat meminum minuman keras atau arak. Malangnya beliau menjawab, jika dia tidak meminumnya dia tidak boleh bekerja; kalau tak bekerja apa yang nak dimakan. Apa pandangan mengenai hal ini?*

**JAWAPAN :**

Tahniah kerana telah memberikan nasihat yang baik kepada rakan anda. Perlu dijelaskan bahawa minuman keras yang memabukkan adalah haram bagi tujuan apa sekalipun, samada banyak atau sedikit. Dalam hal ini, Nabi SAW ada bersabda dengan maksudnya:

إِنَّهَا لَيْسَتْ بِدَوَاءٍ وَلَكِنَّهَا دَاءٌ

*“Bahawa arak itu bukan merupakan ubat, tetapi penyakit.”*

*Riwayat al-Tarmizi (2046)*

Alasan tidak boleh bekerja kalau tidak meminumnya tidak boleh dipakai.

SOALAN 7 :

*Saya ingin penjelasan mengenai pengertian sebenar istilah Bala’?*

**JAWAPAN :** *Bala’* ialah sesuatu musibah (bencana) seperti kesakitan, penderitaan, kemudharatan jiwa atau harta-harta dan sebagainya ke atas seseorang atau kumpulan atau kaum dan umat yang datangnya daripada Allah SWT.



# **FARAIID DAN WAKAF**

SOALAN 1 :

*Ibu tiri saya telah meninggal dunia tanpa meninggalkan anak (tidak mendapat anak dari perkahwinannya dengan ayah saya). Allahyarhamah mempunyai dua orang adik kandung, seorang lelaki dan seorang perempuan dan suami yang masih hidup. Suaminya (ayah saya sekarang) tinggal dengan saya. Semasa hayatnya, ibu tiri saya difahamkan telah berwasiat kepada adik lelakinya: dengan berkata;*

- i. Jika aku mati, semua harta yang ada nama aku dipulangkan kepada kamu.*
- ii. Semua emas-berlian aku hendaklah dijual dan duitnya diwakilkan untuk aku dan suamiku.*

*Bagi wasiat pertama:*

- a) Wajibkah dijalankan wasiat tersebut? Adakah dengan wasiat itu, terbatal hukum faraid dalam pemberian harta pusaka?*
- b) Dalam keadaan suami si mati masih hidup, bagaimana kedudukan harta mereka berdua seperti kebun getah yang mana sebahagiannya atas nama bekas isterinya (si mati) yang diwasiatkan untuk adiknya? Siapakah yang layak menguruskan dan mengambil hasilnya? Begitu juga dengan rumah dan perkakas di dalamnya dan sebagainya.*

*Bagi wasiat kedua:*

- c) Sekiranya wasiat mengatasi hukum faraid, bagaimana emas-berlian si mati diurus mengikut kemahuannya? Bolehkah diuruskan oleh waris yang diamanahkan tanpa persetujuan lain-lain waris. Jika tidak, bagaimana?*

**JAWAPAN :** Wasiat kepada waris tidak sah kecuali dipersetujui, oleh semua waris; itu pun hanya lulus  $\frac{1}{3}$  dari semua harta si mati yang terdiri dari hartanah, rumah dan barang-barang kemas. Waris-waris si mati seperti yang saya fahami dari maklumat tuan ialah:

- a) Suami mendapat  $\frac{3}{6}$ .
- b) Adik lelaki mendapat  $\frac{2}{6}$
- c) Adik perempuan mendapat  $\frac{1}{6}$

SOALAN 2 :

*Saya ingin penjelasan mengenai bayaran Faedah Kematian Polisi Insuran Nyawa. Adakah ianya dikira sebagai harta pusaka?*

**JAWAPAN:** Wang pampasan Insuran Nyawa tidak termasuk dalam harta pusaka yang mesti difaraidkan. Hanya premium yang telah dibayar sahaja yang merupakan hak milik si mati dan menjadi harta peninggalan yang wajib dibahagikan kepada waris-waris mengikut hukum Faraid.

SOALAN 3 :

*Pihak masjid kami memiliki 5 ekar tanah kebun getah yang diwakafkan untuk Tanah Perkuburan. Tanah tersebut belum lagi digunakan dan telah menjadi belukar. Oleh itu, saya memohon pendapat, adakah boleh tanah tersebut dipajak kepada orang yang ingin bertanam ubi kayu, iaitu tanaman sementara. Untuk makluman, orang itu juga sanggup menanam pokok-pokok kekal seperti durian dan getah (tanam semula) mengikut yang dipersetujui oleh pihak masjid.*

**JAWAPAN :** Tanah wakaf perkuburan yang belum hendak digunakan harus ditanam atasnya tanaman kontan (tanaman sementara) seperti ubi dan pisang. Tidak boleh sama sekali ditanam dengan pokok-pokok kekal seperti durian, getah dan sebagainya. Segala perolehan atau hasilnya hanya boleh digunakan untuk masalah tanah perkuburan atau untuk perbelanjaan menanam mayat sahaja.

SOALAN 4 :

*Seorang lelaki meninggal dunia dan meninggalkan harta. Si mati meninggalkan seorang balu dan beberapa orang anak dengan isteri yang akhir. Terdahulu dari itu si mati telah berkahwin dengan dua orang isteri. Isteri-isterinya telah meninggal dunia dan meninggalkan seorang anak lelaki dan seorang anak perempuan. Sepeninggalannya, segala harta si mati dikuasai oleh balu dan anak-anaknya (isteri yang akhir).*

*Anak-anak dari isteri yang terdahulu tidak diberi peluang untuk mendapat hasil dari harta-harta tersebut. Oleh kerana mereka tidak suka menimbulkan perbalahan, maka perkara ini didiamkan sehingga sekarang. Oleh itu, saya ingin tahu mengenainya dari segi hukum syarak:*

- a) Apakah hukumnya balu dan anak-anak menguasai (memakan hasil) dari harta si mati tersebut?*
- b) Apakah hukumnya waris yang lain (anak-anak dari isteri yang terdahulu) yang tidak menuntut haknya, adakah mereka turut menanggung dosa atas perbuatan balu si mati dan anak-anaknya itu?*

**JAWAPAN :**

- a) Anak-anak dari isteri-isteri yang terdahulu berhak mendapat bahagian dari harta peninggalan si mati. Pembolotan harta oleh sebahagian waris adalah salah dan haram kerana memakan harta orang, kecuali jika di izin dan di redhai oleh yang berhak.
- b) Waris-waris wajiblih berunding dan menasihati orang yang berkenaan supaya kesalahan itu tidak berterusan.

**SOALAN 5 :**

*Saya telah berkahwin selama 7 tahun tanpa dikurniakan anak. Sekarang ini saya menjaga dan menyara seorang anak perempuan (anak luar nikah) sejak dari lahir dan kini berumur 7 bulan, ibunya telah memberi kebenaran secara mahkamah supaya anaknya menjadi anak angkat kami. Soalan saya adalah:*

- a) Bolehkah saya membintikannya kepada nama saya?*
- b) Sekiranya tidak, bolehkah saya mengubah binti Abdullah kepada nama lain seperti Abdul Rahim, Abdul Ahad atau seumpamanya untuk mengelakkan kekeliruan, fitnah dan disyaki oleh jiran-jiran kerana lazimnya anak luar nikah dibintikan dengan Abdullah.*

- c) *Menurut sumber Jabatan Pendaftaran Negara, saya dibolehkan menggantikan binti kepada perkataan "Maula". Misalnya anak itu, bernama Nurliyana Maula Rahmat. Adakah ini dibolehkan dalam Islam?*
- d) *Bagaimanakah pula tentang zakat fitrah untuknya. Adakah di bawah tanggungan saya atau ibu kandungannya?*
- e) *Saya bercadang satu hari nanti akan memindah-milikkan nama harta (tanah dan lain-lain) kepada nama anak angkat saya ini. Adakah ianya dibenarkan oleh Islam? Bagaimana pula ketentuan nasab (keturunan) nya?*
- f) *Benarkah berdosa memindah-milikkan kesemua harta kepada orang lain, tanpa meninggalkan sedikit pun kepada waris yang berhak?*

**JAWAPAN :**

- a) Tuan tidak boleh memberi bin atau binti seorang yang bukan anak tuan kepada tuan. Perbuatan ini dilarang oleh syarak dan haram hukumnya.
- b) Tuan boleh membintikan anak angkat tuan dengan Abdul Rahmat dan sebagainya selama mana ia tidak dimaksudkan kepada orang tertentu.
- c) "Maula" bermakna hamba. Ia boleh dipakai tetapi pada pendapat saya ia akan membangkitkan masalah kemudian hari nanti.
- d) Tuan wajib membayar zakat fitrah bagi anak itu kerana tuan telah mengambilnya di bawah jagaan tuan.
- e) Sekiranya ia berniat hibah atas cadangan tersebut, ia boleh berbuat demikian tetapi jika ia berniat sebagai wasiat maka wasiat tersebut tidak boleh lebih dari hartanya.
- f) Terdapat larangan dari Rasulullah SAW membiarkan waris berada dalam keadaan kemiskinan dan meminta-minta kepada orang lain selepas kematiannya.

SOALAN 6 :

*Jawatankuasa Masjid Kariah kami juga adalah pentadbir tanah-tanah wakaf yang ada. Salah satu lot tanah wakaf, pada asalnya diwakafkan oleh pemiliknya sebagai tempat pengajian, iaitu sekolah rakyat yang mengajar al-Quran dan Fardu A'in. Kemudiannya wakaf ini telah dibangunkan dengan sebuah bangunan, 4 bilik darjah atas bantuan kerajaan. Malangnya, beberapa tahun kebelakangan ini, bangunan yang ada tidak dapat digunakan sepenuhnya kerana bilangan murid yang tidak cukup. Masalah yang timbul yang ingin kami pohon pandangan mengenai permohonan sebuah institusi pengajian yang ingin menyewa bangunan tersebut sebagai tempat persekolahan swasta:-*

- a) Bolehkah bangunan wakaf ini disewakan kepada pihak/pusat institut yang sukatan pelajarannya bukan total pelajaran agama?*
- b) Penuntut institut itu pula, sebahagian kecilnya bukan Islam.*

JAWAPAN :

Sesuatu tanah wakaf itu hendaklah dihidupkan atas tujuan ia diwakafkan. Tidaklah boleh diubah tujuan itu selagi ia boleh dimanfaatkan atas tujuan itu:

- a) Mengenai tanah wakaf yang dimaksudkan adalah jelas tujuannya untuk pembelajaran agama, kerana ia hendaklah diteruskan. Walau bagaimanapun, oleh kerana bangunan itu besar dan tidak digunakan semuanya, ia boleh disewakan selebihnya untuk tujuan pelajaran lain dan pendapatan dari itu hendaklah digunakan sepenuhnya bagi memajukan pelajar agama.
- b) Orang-orang bukan Islam tidak dilarang belajar di sekolah-sekolah kepunyaan wakaf kerana tidak disyaratkan hanya kepada pelajar-pelajar Islam sahaja.

SOALAN 7 :

*Suami saya telah meninggal dunia 3 bulan yang lalu, musykillah yang ingin saya ketahui ialah:*

- a) *Adakah wang ganjaran yang akan saya terima dikira sebagai harta pusaka dan harus difaraidkan seperti harta yang lain?*
- b) *Bagaimana dengan pencen Allahyarham, adakah harus saya menyerahkan kepada ibu bapanya?*

**JAWAPAN :**

a) Mesyuarat Jawatankuasa Syariah yang bersidang pada 16 Rabi'ulawwal 1420H bersamaan 29 Julai 1999 buat kali ke 146 telah memutuskan seperti berikut:

1. Wang pencen si mati adalah bukan harta pusaka.
2. Wang Premium Insuran si mati adalah harta pusaka manakala wang ganjaran adalah bukan harta pusaka.
3. Wang pampasan si mati bukan harta pusaka.
4. KWSP adalah harta pusaka.
5. Wang simpanan bank si mati adalah harta pusaka selain wang faedah.
6. Kutipan sewa dari harta si mati adalah termasuk harta pusaka.
7. Hutang si mati yang telah dibayar termasuk dalam harta pusaka.
8. Dividen ASN/ASB termasuk dalam harta pusaka.

b) Ganjaran pencen tidak termasuk dalam kategori harta pusaka, kerana ia bukanlah harta simpanan simati. Maka, tidaklah tertakluk kepada hukum Faraid.

**SOALAN 8 :**

*Saya berharap dapatlah diberi penjelasan berhubung dengan wasiat sebagaimana berikut:*

- a) *Bolehkah orang Islam membuat wasiat melalui peguam dengan memberikan semua hartanya kepada orang tertentu (bukan ahli waris). Wasiat itu hanya akan diberitahu oleh peguam berkenaan kepada ahli waris setelah orang yang berwasiat itu meninggal dunia.*

- b) *Bagaimana kalau ia memanggil semua ahli waris terbabit dan di buat wasiat atas hartanya mengikut kehendaknya (tanpa mengikut faraidh) dan harta-harta itu ditentukan kepada semua ahli waris.*
- c) *Apakah dalam Islam dibolehkan membuat wasiat?*

**JAWAPAN :**

- a) Seseorang itu boleh membuat wasiat melalui peguam dengan syarat ada dua orang saksi.  
Seseorang itu tidak boleh mewasiatkan hartanya melebihi daripada satu pertiga. Wasiat tidak boleh di buat kepada waris kecuali dengan persetujuan semua waris selepas matinya orang yang berwasiat dan tidak melebihi 1/3 dari hartanya.
- b) Penentuan harta kepada anak-anak atau keluarga semasa hidup bukan wasiat tetapi dipanggil "**Hibah**". Jika harta itu tidak diserahkan semasa hidupnya, maka harta itu jadi harta pusaka yang wajib dibahagi dengan secara hukum faraidh.
- c) Membuat wasiat sebelum meninggal dunia hukumnya sunat muakkad.

**SOALAN 9 :**

*Tanah yang diterokai oleh si "A" diusahakan tanpa mendapat hak milik sah. Tanpa pengetahuan si "A" atau disengajakan, tanah tersebut diwakafkan dan mendapat hak milik sah atas harus wakaf. Bagaimanakah kedudukan hal tersebut dan siapa yang berhak mengikut syariat Islam?*

**JAWAPAN :** Peneroka dan pemilik harus berbincang berkenaan hasil yang diperolehi. Apabila tanah tersebut telah diwakafkan ataupun telah dimiliki oleh pemilik yang sah, maka peneroka tidak lagi mempunyai hak ke atas tanah tersebut



SOALAN 10 :

*Sekumpulan wanita di kampung ini ingin mengusahakan projek tanaman kontan seperti jagung, sayur-sayuran dan pisang di atas tanah Wakaf Perkuburan yang tidak digunakan. Kemusykilannya, apakah hukum mengusahakan tanah tersebut?*

**JAWAPAN:** Harus tanah wakaf perkuburan yang belum digunakan untuk menanam mayat, ditanam dengan tanaman kontan dan sewanya hendaklah digunakan untuk kepentingan tanah perkuburan yang berkenaan.

SOALAN 11 :

*Mohon penjelasan mengenai kemusykilan berikut:*

*Saya memiliki sebidang tanah peninggalan ayah angkat semasa beliau masih hidup. Tanah itu tidak diwariskan kepada anak-anaknya kerana ketika itu mereka masih kecil. Apabila beliau meninggal dunia, saya telah menukarkan nama pada geran tanah tersebut kepada nama saya, tanpa diketahui oleh anak-anaknya yang sebenar. Baru-baru ini tanah tersebut telah diambil oleh kerajaan untuk di buat lebuhraya dengan menerima wang pampasan RM 51,000.00.*

- a) Adakah saya berhak ke atas peninggalan ayah angkat saya itu?*
- b) Adakah saya berhak menerima pampasan itu?*
- c) Apakah hukumnya di sisi Islam, kalau saya tidak memberikan wang pampasan itu kepada anak-anaknya yang sebenar?*

**JAWAPAN :**

Alhamdulillah atas petunjuk yang diberikan oleh Allah. Bagi menjelaskan kemusykilan berkaitan adalah seperti berikut:

- a) Tanah peninggalan bapa angkat tuan hendaklah dibahagikan kepada waris-warisnya yang sah, iaitu anak-anaknya yang sebenar. Tuan tidak mendapat hak kerana bukan waris bagi bapa angkat.

- b) Pampasan yang diperolehi hendaklah diserahkan kepada waris-warisnya dan tuan boleh menolak kos upah menjaga dan mengurus tanah itu mengikut kadar yang berpatutan.
- c) Tuan tidak boleh memakan hasil tanah itu ataupun pampasan yang diperolehi, hukumnya adalah haram.

SOALAN 12 :

*Adik perempuan saya telah meninggal dunia. Beliau meninggalkan 3 orang anak; seorang lelaki dan 2 orang perempuan, dan juga seorang suami dan juga 5 adik beradik; 3 lelaki dan 2 orang perempuan.*

- a) *Berapa bahagiankah mengikut hukum Faraid yang didapati oleh anak-anaknya, ibu, suaminya dan kami adik-beradik?*
- b) *Berapakah bahagian suaminya, wang dari simpanan KWSP, Tabung Haji, ASN, Insuran Nyawa? Atau berhakkah suaminya mendapat bahagian dari segi Faraid?*
- c) *Bagaimana pula dengan wang sedekah orang ramai, adakah suaminya berhak mengambilnya? Adakah pemberian orang ramai itu termasuk dalam pusaka?*
- d) *Adakah suaminya berhak memiliki rumah yang dibeli oleh arwah adik saya itu melalui pinjaman Perumahan Kerajaannya?*

JAWAPAN :

- a) Bahagian pusaka mengikut hukum Faraidh adalah seperti berikut:

Suami	4/16
2 Anak Perempuan	6/16
1 Anak Lelaki	6/16

Semua harta, baik berupa wang, rumah dan sebagainya hendaklah dibahagi mengikut hukum Faraid seperti di atas.

- b) Pemberian yang diperolehi sewaktu kematian tidak termasuk harta pusaka, bahkan waktu kegunaan bagi mengurus jenazah.

- c) Rumah yang dibeli oleh si mati termasuk dalam harta pusaka dan hendaklah dibahagikan mengikut hukum Faraid.

SOALAN 13 :

*Bolehkah wang yang telah diniatkan sebagai wakaf hamparan permaidani masjid digunakan sebanyak 5% untuk membayar saguhati kepada pemungut-pemungut wakaf tersebut? Jika hukumnya harus, berapa peratuskah yang paling tinggi boleh digunakan untuk saguhati tersebut?*

**JAWAPAN**

- a) Sebarang harta yang diniatkan wakaf dan barang itu sah menjadi wakaf, maka tidak boleh dihadiahkan kepada orang lain atau dijual-beli.
- b) Wang yang dikutip untuk tujuan wakaf tidak boleh dikeluarkan komisyen kerana niat orang yang memberi ialah untuk wakaf kecuali diberitahu kepada orang yang hendak berwakaf dan ia mengizinkannya.

SOALAN 14:

*Suami saya telah meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya. Dari hal itu, saya telah menerima pampasan insuran arwah suami saya. Selain dari itu, suami saya juga mempunyai caruman dalam KWSP, tetapi nama pewarisnya adalah nama mertua saya. Persoalannya, bagaimana kedudukan harta tersebut?*

**JAWAPAN :** Untuk makluman puan, wang pampasan insuran bukanlah harta-pusaka yang mesti dibahagikan mengikut hukum Faraidh. Bahkan ia adalah pampasan untuk keluarga dan tanggungan si mati. Sebaliknya, wang KWSP adalah harta-pusaka yang wajib dibahagikan mengikut hukum Faraidh.

SOALAN 15 :

*Sukacita dimaklumkan bahawa arwah anak saya telah menyertai skim insuran dan syarikat berkenaan akan membayar pampasan RM 50,000.00. Kemusykilan saya dalam hal ini adalah berikut:*

- a) Adakah boleh saya mengambil wang tersebut.*
- b) Sekiranya boleh diambil wang tersebut adakah ia wajib dibahagi mengikut hukum Faraid?*
- c) Sekiranya tidak boleh diambil wang tersebut, apakah yang harus saya lakukan?*

**JAWAPAN :** Untuk makluman tuan, pampasan insuran kerana kemalangan jalan raya harus diterima. Ini samalah dengan pembunuhan dengan tidak sengaja dikenakan diat kerananya. Pampasan bukanlah harta pusaka dan tidak terikat dengan hukum Faraid.

SOALAN 16 :

*Masalah yang saya hadapi ialah mengenai wang insuran nyawa adik saya yang telah meninggal dunia dalam satu kemalangan jalan raya. Pihak insuran telah membayar kepada saya sebagai wakil yang dilantik oleh keluarga. Semasa hidupnya, arwah tidak menetapkan siapa yang berhak menerima wang tersebut.*

*Persoalannya:*

- a) Apakah hukumnya wang tersebut dari segi hukum Islam, haram atau tidak. Bolehkah digunakan oleh penerimanya dan cara mana dibenarkan membelanjakannya?*
- b) Siapakah waris sebenar yang patut menerima wang tersebut dari segi hukum Islam dan bagaimana cara pembahagiannya?*

**JAWAPAN:**

- a) Insuran nyawa telah sepakat ulama' seluruh dunia mengatakannya haram. Oleh yang demikian hasil darinya adalah haram. Premium yang telah dibayar adalah hak kepunyaan pencarum. Jika pencarum meninggal dunia, maka ia menjadi harta pusaka yang hendaklah dibahagikan kepada waris mengikut hukum Faraid.
- b) Waris-waris yang berhak ialah orang yang terdekat dengannya iaitu anak-anaknya, isteri, ibu, bapa dan saudara-saudaranya mengikut keutamaan. Wang yang selebihnya hendaklah diserahkan kepada Baitul Mal Majlis Agama Islam bagi tujuan masalah ammah.

**SOALAN 17 :**

*Mohon pandangan mengenai dengan permohonan penjualan tanah wakaf.*

**JAWAPAN :** Jabatan Mufti Negeri Perak berpandangan bahawa harus untuk tanah berikut dijual oleh ahli waris dan digantikan dengan seberapa segera harta yang lain yang lebih baik atau sekurang-kurang nilai tersebut tidak kurang dari nilai harta yang asal. Hal ini demikian adalah berdasarkan pandangan yang dikemukakan di dalam *kitab al-Mughni* oleh Al-Imam Ibnu Qadamah al-Maqdisi, jilid kelima pada halaman 368:

إذا كان في المسجد خشبتان لهما قيمة جاز بيعهما و صرف ثمنهما عليه

*“Apabila terdapat di masjid itu dua batang kayu yang mempunyai nilai maka harus untuk dijual dan menukarkannya dengan nilai yang setara dengannya”*

SOALAN 18 :

*Mohon pencerahan cadangan mengambil manfaat lelong atap buruk masjid dan duitnya digunakan wakaf am lain. Masjid menerima atap baharu daripada duit peruntukan.*

**JAWAPAN :** Kami berpandangan bahawa wang hasil dari lelong atap lama masjid tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam tabung masjid untuk tujuan pembangunan masjid dan perkara-perkara yang bersifat kekal bagi tujuan penyambungan manfaat pewakaf. Hal ini adalah selari dengan keputusan Mesyuarat Jawatan Kuasa Fatwa Negeri Perak kali ke-149 yang bersidang pada 23 Rabiul Akhir 1418h bersamaan 27 Ogos 1997 yang berpendapat bahawa bahan-bahan binaan bangunan yang telah tidak dipakai selepas pembaikan bahagian bangunan masjid yang rosak boleh dilupuskan dengan cara yang paling menguntungkan masjid sama ada:

- a. Peralatan yang masih boleh digunakan hendaklah digunakan
- b. Jika peralatan tersebut tidak diperlukan hendaklah diberi kepada masjid yang berdekatan.
- c. Apabila masjid yang lain tidak memerlukan, hendaklah dijual dan hasil itu hendaklah dimasukkan ke dalam tabung pembangunan masjid.

SOALAN 19 :

*Memohon penjelasan mengenai permohonan harta pusaka oleh waris bukan Islam.*

**JAWAPAN :** Kami bersetuju bahawa wang tersebut hendaklah disalurkan kepada baitul mal.

SOALAN 20 :

*Mohon penjelasan tentang penukaran karpet yang di wakafkan dengan karpet baru di dewan solat utama. Penukaran karpet tersebut adalah kerana karpet tersebut sudah terkoyak di beberapa bahagian dan keadaan karpet sudah lusuh. Selain itu, mohon pencerahan mengenai langkah istibdal yang perlu dilaksanakan semasa proses pemindahan karpet tersebut.*

**JAWAPAN :** Kami bersetuju dengan tindakan yang telah dinyatakan oleh pihak tuan. Hal demikian dapat menyambung niat pewakaf untuk manfaat umat Islam.

# ZAKAT



SOALAN 1 :

*Pertubuhan Khairat Kematian dan Koperasi daerah ini ada menyimpan wang tunai di pejabat pos dan di bank daripada wang ahli-ahli. Wang tersebut ada yang disimpan lebih daripada setahun dan ada juga wang keluar masuk untuk kegunaan pertubuhan kami itu. Saya memohon pandangan dan hukum mengenai wang simpanan tersebut yang lebih daripada setahun tersimpan. Adakah wajib dikeluarkan zakat, dan berapakah kadar peratusnya? Berapakah kadar nisab wang ringgit yang diwajibkan zakat sekarang ini (Oktober 1992)?*

JAWAPAN :

- a) Wang atau harta khairat kematian atau apa juga khairat tidak dikenakan zakat kerana ianya adalah bertujuan kebajikan dan bukan milik orang yang tertentu.
- b) Wang dan harta koperasi adalah milik perkongsian dengan penentuan hak bagi tiap-tiap ahli. Maka termasuk dalam istilah miliki sempurna, oleh itu wajiblah dikeluarkan zakat apabila cukup nisab dan haulnya.
- c) Nisab wang sekarang ialah sebanyak RM2,371.36 dan zakat yang wajib dikeluarkan ialah sebanyak 2.5%.

SOALAN 2 :

*Apakah hukum memberikan zakat wang kepada orang yang hendak membeli harta untuk dijadikan wakaf umpamanya membeli tanah; padahal ia bukannya amil. Adakah sah zakatnya?*

**JAWAPAN:** Zakat adalah hak Allah yang ditentukan untuk lapan asnaf yang telah ditentukan oleh Allah. Memberi zakat kepada yang bukan dari asnaf yang lapan adalah menyalahi hukum syarak dan tidak sah.

SOALAN 3 :

*Saya ingin mendapat penjelasan berhubung perkara berikut, harta pusaka si Mati seperti tanah telah dijual, wangnya sebelum dibahagi-bahagikan kepada warisnya; adakah wajib dikeluarkan zakat daripada wang jualan tanah itu, padahal tempoh (haul)nya belum cukup setahun.*

**JAWAPAN:** Tidak wajib dikeluarkan zakat atas wang penjualan tanah jika tidak tersimpan hingga cukup haul.

SOALAN 4 :

Dimaklumkan bahawa Persatuan Khairat Kematian Mukim ini mempunyai wang simpanan sebanyak lebih daripada RM 125, 000.00. Oleh itu saya berharap agar Dato' menjelaskan adakah wang tersebut diwajibkan zakat?

**JAWAPAN:** Wang khairat kematian adalah satu kumpulan wang yang disumbangkan oleh masyarakat setempat untuk tujuan kebajikan khusus apabila ada kematian dalam kumpulan masyarakat tersebut. Ia tidak dimiliki oleh orang perseorangan dan tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya. Selain dari tujuan khairat tersebut, ia sepertilah juga wakaf am dan lain-lain khairat. Hukum tidak wajib dikeluarkan zakat padanya.

SOALAN 5 :

Mohon penjelasan mengenai kemusykilan berikut:

- a) Perlukah dikeluarkan zakat bagi barang kemas yang selalu dipakai dan bukannya sentiasa dipakai walaupun sudah sampai nisab dan cukup tempohnya?
- b) Kadang-kadang kita bersedekah dengan tiada berniat seperti "Sahaja aku bersedekah kerana Allah Ta'ala".
- c) Adakah dapat pahala jika kita tidak berniat seperti itu ataupun dengan terlupa untuk berniat dan seumpamanya?

**JAWAPAN:**

- a) Tidak dikenakan zakat barang kemas (perhiasan) kecuali ia melebihi 500 gram.
- b) Sah sedekah walaupun tidak disebutkan lafaz niat.

**SOALAN 6 :**

*Saya mohon kerjasama mengenai hukum wang pinjaman dari mana-mana institusi kewangan untuk memasuki skim ASN atau ASB. Adakah diwajibkan zakat? Kerana ada yang berpendapat bahawa bukan Milik Sempurna.*

**JAWAPAN :** Untuk makluman tuan, wang yang dipinjam dari mana-mana sumber jika disimpan atau dilaburkan, maka wajib dikeluarkan zakat. Wang yang telah diberi pinjaman dan dilaburkan di atas nama peminjam bererti telah menjadi Milik Sempurna.

**SOALAN 7 :**

**Saya ingin penjelasan, berapakah nilai sebenar segantang Baghdad bagi fitrah itu?**

**JAWAPAN:** Untuk makluman puan, satu gantang Baghdad itu, nilainya bersamaan 3 kati 12 tahlil atau nilai harga beras RM2.50.

**SOALAN 8 :**

**Seseorang itu mempunyai emas beranggaran RM10,000.00 Sebahagian emas itu dipakainya bergilir-gilir mengikut keadaan masa, adakah perlu dikenakan zakat?**

**JAWAPAN:** Sekiranya barang perhiasan yang dimiliki oleh seseorang itu melebihi 500 gram, maka hendaklah dibayar zakat sekalipun ianya dipakai.

SOALAN 9:

**Mohon pandangan serta pencerahan berkaitan dengan pengagihan semula wang zakat.**

**JAWAPAN:** Mufti secara dasarnya menyarankan agar pengagihan wang zakat hendaklah dilaksanakan pada tahun semasa kepada asnaf yang berkecukupan. Namun, sekiranya ketiadaan asnaf yang berkecukupan. Maka, hendaklah dibawa kepada tahun yang berikutnya. Bahkan, boleh dipindahkan ke negeri yang lain sekiranya ketiadaan asnaf yang berhak. Mufti tidak menyarankan menggunakan kaedah “lump sum advance 4 year” yang di cadang untuk dilaksanakan disebabkan oleh beberapa perkara iaitu:

- a) Wang zakat tidak boleh dijadikan sebagai wang pendahuluan bagi sebarang tujuan.
- b) Asnaf yang disasarkan itu tidak diketahui sama ada ia masih lagi dalam kategori asnaf pada masa akan datang.
- c) Wang zakat hendaklah dibelanjakan pada tahun yang sama.

SOALAN 10:

**Permohonan mendapatkan pandangan dan cadangan penggunaan wang zakat untuk penerima bukan Islam.**

**JAWAPAN :** Pendirian Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak bahawa wang zakat hanyalah dikhususkan kepada umat Islam sahaja sepertimana yang telah ditetapkan oleh Allah swt menerusi al-quran di dalam surah *at-taubah* ayat 60:

إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ  
قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ  
السَّبِيلِ ۗ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

*“Sesungguhnya sedekah-sedekah(zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin dan amil-amil yang menguruskan zakat, orang-orang mu'allaf yang dijinakkan hatinya dan hamba-hamba yang ingin merdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah dan orang-orang musafir( yang keputusan) dalam perjalanan.(Ketetapan hukum yang demikian itu ialah sebagai satu ketetapan(yang datangnya) dari Allah swt. Dan (ingatlah) Allah swt Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana”.*

Adapun langkah yang bersesuaian untuk membantu golongan yang bukan Islam adalah dengan mewujudkan alternatif yang bersesuaian seperti tabung kebajikan untuk golongan yang bukan Islam dan sebagainya.

# **SAMBUTAN DAN PERAYAAN**

SOALAN 1 :

*Adakah boleh diadakan Majlis Istiadat meletakkan kalungan bunga di Tugu Peringatan sempena sambutan hari-hari tertentu?*

**JAWAPAN:** Tradisi meletakkan kalungan bunga di Tugu Peringatan pada hari-hari tertentu seperti Hari Pahlawan, Hari Angkatan Tentera dan seumpamanya telah lama ditiadakan hasil dari nasihat Majlis Muzakarah Mufti-Mufti seluruh Malaysia. Memperingati pahlawan-pahlawan yang gugur dengan cara berdiri di tugu adalah perbuatan orang-orang kafir bukan cara yang diharuskan oleh syarak. Meniru perbuatan orang kafir atas perkara yang tidak diharuskan oleh syarak adalah haram hukumnya.

SOALAN 2 :

*Boleh atau tidak membaca doa selamat di Majlis Perhimpunan seperti pada majlis sambutan Hari Belia yang akan diadakan.*

**JAWAPAN:** Jika perhimpunan tidak diisikan dengan acara-acara yang berunsur maksiat, maka bolehlah diadakan acara membaca doa.

SOALAN 3 :

*Bagaimana pendapat mengenai amalan Takbir Hari Raya Aidilfitri dari rumah ke rumah yang dilakukan selepas sembahyang Hari Raya?*

**JAWAPAN:** Takbir bagi Hari Raya Aidilfitri, sunat dilakukan dari masuk matahari akhir Ramadhan hingga didirikan sembahyang sunat Hari Raya. Selepas sembahyang tidak boleh bertakbir. Takbir bagi Hari Raya Aidilfitri dipanggil Takbir Mursal, iaitu dengan tidak berwaktu bahkan disunatkan sepanjang malam raya di mana jua berada, samada di perjalanan atau di rumah dan sebagainya, tetapi selepas sembahyang tidak disunatkan lagi takbir dengan kaifiat itu, bahkan hukumnya makruh yang boleh membawa kepada haram.

Manakala bagi Hari Raya Qurban takbirnya dua jenis iaitu Takbir Mursal dan Takbir Mukaiyad. Yang Mursal sama dengan Hari Raya Aidilfitri. Selepas hari raya hanya disunatkan takbir selepas sembahyang. Takbir ini dipanggil Takbir Mukaiyad yakni terikat dengan sembahyang.

SOALAN 4 :

*Saya ingin mendapat penjelasan mengenai beberapa masalah berikut:*

- a) Apakah hukumnya saya menghadiri majlis jamuan makan tengah hari, dalam surat jemputannya dinyatakan akan dihiburkan dengan tarian dan nyanyian?*
- b) Apakah hukumnya jika majlis yang sempurna itu dimulakan dengan bacaan doa? Tidakkah perbuatan ini mempersendakan agama?*
- c) Apakah hukumnya jika saya sendiri yang membaca doa pada majlis tersebut?*
- d) Bolehkah saya niatkan atau saya anggapkan doa yang saya bacakan itu sebagai satu kesempatan untuk berdakwah?*

JAWAPAN :

- a) Menghadiri majlis yang dicampur-adukkan dengan perkara haram adalah haram.
- b) Perbuatan dan bacaan doa itu sia-sia.
- c) Membaca doa supaya semua yang hadir diberi petunjuk tidaklah salah, tetapi jika meminta supaya majlis itu diberkati hukumnya syubhah.
- d) Boleh diniatkan demikian.



# **MASJID DAN KUBUR**

SOALAN 1 :

*Jawatankuasa Masjid kami menghadapi masalah menguruskan barang-barang berikut yang tersimpan di masjid:-*

- a) Barang-barang daripada bangunan masjid lama seperti kayu, atap, pagar dan sebagainya.*
- b) Barang-barang yang telah digantikan seperti lampu dan jam yang telah buruk.*
- c) Barang-barang hilang atau tertinggal oleh orang-orang yang singgah bersembahyang di masjid seperti jam dan barang kemas, walaupun telah di buat pengumuman tetapi masih tidak dituntut.*

*Oleh itu, saya mohon Fatwa tentang bagaimana cara menguruskan barang-barang tersebut. Adakah ia boleh dijual atau dimusnahkan ataupun dipindahkan ke tempat lain seperti kayu digunakan untuk rumah sewa wakaf masjid.*

**JAWAPAN :**

Sukacita dimaklumkan bahawa jawapannya adalah seperti berikut:

- a) Barang-barang bangunan masjid lama seperti kayu, atap, pagar dan sebagainya jika tidak digunakan lagi hendaklah diberikan kepada mana-mana masjid yang memerlukannya.  
Sekiranya tidak ada masjid yang memerlukan bolehlah dijual dan wangnya hendaklah dipulangkan kepada masjid yang baru.
- b) Barang-barang seperti lampu, jam yang sudah buruk hendaklah dijual dan wangnya dikembalikan ke masjid, kiranya tidak laku dijual hendaklah dimusnahkan.
- c) Barang-barang yang hilang dan tidak dapat dikesan pemiliknya hendaklah diserahkan kepada Baitulmal.

SOALAN 2 :

*Saya ingin mendapat penjelasan bagi pihak Jema'ah penduduk di kampung ini, iaitu:*

- a) Menggunakan peralatan Madrasah seperti kayu, papan dan lain-lain untuk membina rumah. Rumah tersebut untuk disewakan dan wang sewanya diserahkan ke Madrasah (Madrasah Diri Jumaat) sekarang.*
- b) Pembayaran bil api-air untuk Madrasah berkenaan oleh bangsa asing (Cina).*

JAWAPAN :

Mengenai perkara berikut:

- a) Harus menggunakan peralatan Madrasah untuk membina rumah dan disewakan bagi pembiayaan Madrasah yang ada.
- b) Pembiayaan bil api-air harus jika di buat oleh orang bukan Islam.

SOALAN 3 :

*Saya bagi pihak AJK Surau di tempat kami ingin mendapatkan penjelasan mengenai samada boleh atau tidak dari segi syarak kami menggunakan wang Faedah bank untuk aktiviti seperti di bawah:*

- a) Untuk membeli kerusi-meja bagi kegunaan kelas agama di dewan yang kami jadikan surau sementara.*
- b) Untuk membeli pinggan-mangkuk bagi kegunaan kami di dewan dan surau itu.*
- c) Untuk upah mencuci longkang dewan dan surau.*
- d) Untuk belanja membuat titi yang menghubungkan jalan dengan dewan dan surau tersebut.*

*Semua pembelian atau penggunaan wang faedah tersebut untuk faedah penduduk di sini.*

JAWAPAN : Wang Faedah daripada bank hasil dari simpanan yang di buat adalah riba dan haram untuk digunakan bagi apa-apa tujuan. Adapun faedah simpanan daripada institusi perbankan islam adalah diharuskan.

Oleh yang demikian, yang utama dilakukan ialah menyerahkan wang itu kepada kumpulan wang Baitulmal yang akan digunakan untuk masalah ammah atas perintah raja. Jika tidak ada Baitulmal, ulama'-ulama' berpendapat wang itu boleh digunakan untuk masalah ammah yang bertaraf rendah seperti membuat tandas awam, jalanraya, longkang dan pagar masjid. Tetapi sekarang ini, telah wujud Baitulmal yang teratur, maka perkara ini tidak timbul lagi. Sekiranya pihak surau tidak mempunyai wang yang cukup untuk membeli kerusi-meja bagi kegunaan kelas agama, bolehlah pihak jawatankuasa memohon bantuan kepada Baitulmal.

SOALAN 4 :

*Pentadbiran ini telah menerima permohonan dari Felcra untuk menggunakan kawasan tanah kosong kerajaan yang telah di tanda sebagai tapak Masjid bagi tujuan tapak semaian benih sementara kelapa sawit secara "polybag" sebelum bangunan masjid dibina. Oleh yang demikian, saya mohon pandangan mengenai perkara ini.*

**JAWAPAN :** Sesuatu tanah yang diwakafkan untuk sesuatu tujuan tidak boleh digunakan untuk tujuan lain, kecuali untuk kegunaan sementara dan tidak menjejaskan kedudukan tanah wakaf tersebut. Jika jaminan ini boleh diperolehi, maka bolehlah diberi kebenaran sementara masjid itu belum didirikan.

SOALAN 5 :

*Adakah dibolehkan oleh syara' membuat atau membina sebuah pondok di atas tanah perkuburan Islam bagi tujuan tempat perteduhan ketika hujan atau seumpamanya?*

**JAWAPAN :** Tidak boleh dibina sebarang bangunan untuk tempat tinggal atas tanah perkuburan, sekalipun tanah perkuburan itu masih kosong.

Harus di buat bangsal tempat berteduh yang tidak kekal untuk berlindung dari hujan atau panas. Bangsal hendaklah boleh diubah-ubah, dipindah atau dirobohkan sekiranya tanah itu diperlukan untuk menanam mayat.

SOALAN 6 :

*Pihak kami ingin mendapatkan pandangan mengenai Projek Lebuhraya Ipoh-Tanjung Malim yang melibatkan sebahagian dari Lot 17071, Mukim Sungai Raya berdekatan Kampung Tanjung. Lot tersebut terlibat dengan pengambilan balik tanah bagi tujuan pembinaan lebuhraya. Apa yang menjadi kemusykilan pihak kami ialah mengenai terdapatnya beberapa, buah kubur lama di dalam kawasan tersebut. Jumlah kubur tidak dapat dipastikan memandangkan ada yang bertanda dan ada yang tidak. Bagaimana harus kami lakukan untuk mengatasi masalah berkenan?*

JAWAPAN :

Mengikut pandangan syara' mengenai kemusykilan tersebut adalah:

- a) Sekiranya pengambilan tanah wakaf perkuburan tersebut benar-benar perlu (dharurah) di buat oleh kerajaan bagi masalah am, adalah dibolehkan dengan syarat kerajaan hendaklah menggantikan kawasan yang diambil itu dengan kawasan lain yang sama luasnya.
- b) Kubur-kubur yang terdapat di atas Lot 17071 itu hendaklah dipindahkan dengan sempurna dengan digali sedalam 6 kaki dan tanah-tanah yang terdapat dua kaki terke bawah diambil dan dipindahkan ke tanah perkuburan yang lain.

SOALAN 7 :

*Saya ingin jawapan bagi persoalan-persoalan berikut:*

- a) *Adakah boleh dibuatkan madrasah madrasah perkakas masjid yang telah dirobohkan? Atau dibuatkan tempat memasak untuk masjid tersebut? Ataupun dijual dan wangnya dijadikan wang tabung masjid itu?*
- b) *Adakah boleh dijual pagar besi masjid yang tidak digunakan lagi?*

**JAWAPAN :**

- a) Perkakas masjid tidak boleh di buat selain dari masjid. Tidak harus di buat madrasah dari perkakas masjid yang telah dirobuhkan. Sekiranya tidak ada masjid lain yang hendak menggunakannya setelah ditawarkan dan masjid yang berkenaan tidak bercadang lagi untuk menggunakan bagi bangunan masjid, maka bolehlah digunakan untuk membina balai lintang atau bangsal basikal atau sebagainya bagi kegunaan masjid.
- b) Boleh dijual pagar besi masjid yang tidak digunakan dan wangnya dikembalikan ke masjid.

**SOALAN 8 :**

*Jawatankuasa Masjid Daerah Kinta mempunyai sedikit wang lebih daripada kutipan pembinaan masjid pada tahun yang lalu. Pihak Jawatankuasa masjid bercadang membelanjakan wang tersebut bagi mendirikan beberapa buah rumah di atas tanah wakaf masjid. Rumah itu akan disewakan dan wang sewanya akan digunakan untuk pengurusan masjid. Bolehkah perkara ini dilaksanakan?*

**JAWAPAN :**

- a) Asal hukum mengenai wang lebih untuk membina sesuatu masjid wajib disimpan untuk tujuan pembaikan atau tambahan kepada bangunan masjid tersebut.
- b) Jika dikhuatiri dengan menyimpan wang tersebut akan berlaku pada suatu ketika nanti ia digunakan kepada perkara lain dari tujuan asalnya atau tersalah guna, maka dibolehkan setelah disetujui oleh jawatankuasa masjid, seperti digunakan untuk membina rumah yang kepentingannya kembali kepada masjid itu.

SOALAN 9 :

*Sebagai makluman, satu projek jejambat "Autoport" melintasi landasan keretapi sedang dalam pembinaan oleh JKR Daerah Batu Gajah. Semasa pembersihan laluan di buat telah dijumpai satu kawasan perkuburan orang Islam di mana terdapat 2 batu nesan yang agak lama usianya dan dipercayai masih ada lagi kubur-kubur yang lain. Pihak pejabat telah memaklumkan kepada masjid-masjid bagi mendapatkan waris-waris si mati, tetapi tiada siapa yang menuntutnya. Saya memohon kebenaran untuk memindahkan kubur-kubur tersebut.*

**JAWAPAN :** Boleh dipindahkan kubur-kubur yang ada ke tanah perkuburan lain mengikut syarat-syaratnya apabila dipastikan tanah itu bukan tanah wakaf perkuburan.

SOALAN 10 :

*Apakah hukumnya, jika kami (AJK masjid) mengumumkan kepada orang ramai khususnya pada hari Jumaat mengenai maklumat dari kerajaan seperti Cukai Tanah, Lesen TV dan lain-lain serta jemputan kahwin (permintaan dari tuan rumah). Hal ini ada setengah pendapat bahawa masjid adalah khas untuk perkara agama Islam sahaja dan tidak boleh di campur dengan perkara-perkara dunia.*

**JAWAPAN:**

- a) Harus membuat pengumuman yang menyangkut kepentingan umum di dalam masjid seperti arahan-arahan kerajaan atau jemputan perkahwinan dengan syarat tidak ada perkara yang mendorong kepada maksiat.
- b) Yang dilarang ialah berbual-bual dalam masjid atau kandungan khutbah yang tidak berkaitan dengan agama.

SOALAN 11 :

*Pihak masjid kami bercadang untuk mengubahsuai mimbar membaca khutbah yang ada sekarang. Oleh itu, dipohon fatwa mengenai hal ini?*

**JAWAPAN :** Harus mengubahsuai mimbar masjid dengan syarat tidak mengabaikan atau mensia-siakan wakaf mimbar yang ada.

SOALAN 12 :

*Apakah hukumnya dari segi syarak mendirikan tandas di atas tanah perkuburan Islam?*

**JAWAPAN :** Membina tandas di atas tanah wakaf perkuburan adalah haram hukumnya, bahkan bukan saja membina tandas, malah apa-apa juga jenis binaan kekal tidak boleh dibina di atas tanah wakaf perkuburan.

SOALAN 13 :

*Kami memohon Fatwa mengenai cadangan Jawatankuasa masjid untuk menggunakan segala kayu-kayu dan barang-barang lama masjid bagi membuat tempat letak kereta dan yang lainnya dijual bagi mengisi tabung simpanan wakaf masjid.*

**JAWAPAN :**

- a) Barang-barang lama masjid seboleh-bolelah hendaklah digunakan semula pada pembinaan masjid.  
Jika masjid itu tidak menggunakannya lagi hendaklah diberikan kepada masjid yang berhampiran yang memerlukannya.
- b) Jika tiada masjid yang lain yang memerlukannya maka bolehlah digunakan untuk kepentingan masjid itu seperti membina balai lintang, bangsal kereta, basikal dan sebagainya.



- c) Barang-barang lama masjid tidak boleh dijual kerana ia adalah wakaf kecuali yang tidak boleh digunakan lagi, bolehlah dijual dan harganya digunakan untuk kepentingan masjid.

SOALAN 14 :

*Apakah boleh mengagihkan wang Tabung Masjid dari pungutan hari Jumaat ke surau-sarau dalam kariah masjid kami?*

**JAWAPAN :** Mengagihkan wang kutipan hari Jumaat ke surau-sarau dalam kariah masjid itu tidaklah menjadi kesalahan kerana wang kutipan tidak menjadi wakaf khas, bahkan ianya merupakan khairat. Namun begitu eloklah dimaklumkan kepada para Jemaah.

SOALAN 15 :

*Dipohon penjelasan mengenai beberapa buah kubur lama yang ditemui ketika kerja-kerja pembinaan jejambat "Autoport" di bandar Batu Gajah dilakukan: Bolehkah ianya dipindahkan ke tempat lain dan bagaimana caranya?*

**JAWAPAN:** Sukacita dimaklumkan bahawa boleh dipindah kubur-kubur yang ada ke tanah perkuburan mengikut syarat-syaratnya apabila dipastikan tanah itu bukan wakaf perkuburan. Kubur-kubur yang hendak dipindahkan itu hendaklah dipindahkan dengan sempurna, digali sedalam 4 kaki dan tanah-tanah yang terdapat dua kaki terke bawah diambil dan dipindahkan ke tanah perkuburan lain.

SOALAN 16 :

*Apakah yang patut pihak kariah masjid kami lakukan kepada bahan-bahan masjid lama seperti bumbung zink dan kayu-kayunya. Sebenarnya masjid ini telah mendapat peruntukan dari P.L.B. Batu Gajah untuk pembaikan dan pengubahsuaianya.*

**JAWAPAN :**

- a) Sekiranya bumbung zink dan kayu-kayunya masih boleh dipakai, maka hendaklah diberikan kepada masjid yang berhampiran yang memerlukannya.
- b) Jika tidak ada masjid yang memerlukan bahan-bahan itu, bolehlah digunakan untuk membina bangsal basikal dan sebagainya yang berkepentingan kepada masjid.
- c) Jika tidak boleh digunakan lagi, dibolehkan dijual dan harganya digunakan untuk masjid.

SOALAN 17 :

*Bagaimana pandangan mengenai kedudukan mimbar masjid di kariah kami? Tangga naiknya di sebelah belakang dan seterusnya khatib menghadap makmum ketika berkhotbah. Persoalannya, ada pendapat yang mengatakan adalah lebih baik khatib naik dari hadapan mimbar. Jika pendapat ini benar, maka pihak kami akan mengubahsuainya segera.*

**JAWAPAN :** Mimbar merupakan sebahagian daripada infrastruktur binaan dalaman masjid. Tujuan mimbar di dalam masjid, adalah untuk khatib berkhotbah. Boleh juga objek lain digunakan untuk menggantikan mimbar. Kerana itu asalkan sesuatu yang tinggi di mana khatib dapat dilihat oleh makmum sudah memadai.

Namun begitu kelazimannya di buat mimbar itu berhampiran dengan dinding di sebelah kanan mihrab, maka tangganya di buat di bahagian hadapan mimbar. Perkara ini dilakukan sejak zaman Rasulullah sehingga ke hari ini. Namun begitu, boleh juga tangga dibuat di sebelah kiri atau kanan mimbar untuk memberi ruang saf di hadapan.

SOALAN 18 :

*Masjid ini telah mendapat peruntukan RM10,000.00 untuk pembinaan bangunan tambahan dan pengubahsuaian bangunan lama. Persoalannya, bolehkah digunakan wang yang terkumpul itu untuk membuat projek masjid seperti memasang grill besi, membuat mimbar dan lain-lain keperluan masjid. Satu persoalan lagi, adakah saf kapet di hadapan sekali di masjid merupakan saf pertama?*

JAWAPAN :

- a) Boleh digunakan wang tersebut untuk kesempurnaan masjid seperti yang disebutkan tetapi tidak boleh digunakan selain dari tujuan masjid.
- b) Saf pertama ialah saf yang di belakang imam, tidak semestinya di atas hamparan atau lainnya.

Perhatian juga, perkakas-perkakas lama masjid masih boleh digunakan tidak boleh dijual tetapi hendaklah diberikan kepada masjid yang berhampiran. Jika tidak boleh digunakan lagi bolehlah dijual dan wang yang diperolehi hendaklah digunakan untuk masjid itu.

SOALAN 19 :

*Saya ingin tahu, mengikut hukum boleh atau tidak menjual atap madrasah yang masih boleh digunakan kerana telah mendapat peruntukan kerajaan bagi menggantikannya. Wang jualannya akan dimasukkan ke tabung madrasah.*

**JAWAPAN :** Bumbung atau atap madrasah yang bukan diwakafkan boleh dijual dan hasilnya di masukkan ke Tabung Madrasah.

SOALAN 20 :

*Apakah hukumnya meruntuhkan masjid yang ada untuk dibina baru?*

**JAWAPAN :** Harus diruntuhkan masjid yang telah uzur untuk dibina masjid baru di tempat yang sama jika boleh; dan inilah yang lebih afdhal untuk memelihara kesinambungan wakaf.

SOALAN 21 :

*Saya dan keluarga bermuafakat untuk membina benteng simen sekeliling atas kubur arwah bapa saya. Saya telah bertanya kepada beberapa orang ulama' tempatan mengenainya dan mereka sependapat mengatakannya haram. Malangnya, tiada penjelasan terperinci mengenainya. Oleh itu saya ajukan persoalan ini kepada YBhg. Dato';*

- a) Dari sumber manakah hukum ini didapati samada dari Hadis Nabi atau Firman Allah?*
- b) Bila disebut haram ertinya berdosa, siapakah yang menanggung dosa tersebut? Apakah hukuman dari dosa yang dilakukan itu?*

**JAWAPAN :**

- a) Hukum membina tembok atau benteng simen di keliling kuburan di tanah wakaf adalah haram hukumnya berdasarkan kepada beberapa buah hadis sahih yang diriwayatkan oleh ahli-ahli hadis yang besar seperti Muslim, Abu Daud, An Nasai dan lain-lainnya. Adapun jika kuburan itu, di atas tanah persendirian, maka hukumnya makruh mengikut Mazhab Syafie (lihat Kitab al-Haj, juzuk 1, muka surat 336).
- b) Sesuatu yang hukumnya haram, maka berdosalah orang yang melakukannya dan orang yang menolong melaksanakannya.

Sekiranya pihak kerajaan menetapkan hukuman ta'zir terhadap kesalahan tersebut maka pelaku hendaklah membayar denda ta'zir tersebut

SOALAN 22 :

*Sukacitanya kiranya mendapat fatwa daripada YBhg. Dato' mengenai masalah menguruskan barang-barang berikut yang tersimpan di masjid ini:*

- a) Barang-barang daripada bangunan masjid lama seperti kayu, atap, pagar dan sebagainya.*
- b) Barang-barang yang telah digantikan seperti lampu dan jam yang telah buruk.*
- c) Barang-barang hilang atau tertinggal oleh orang-orang yang singgah bersembahyang di masjid ini seperti jam dan barang kemas, walaupun telah dibuat pengumuman tetapi masih tidak dituntut.*

**JAWAPAN**

- a) Barang-barang dari masjid lama seperti kayu dan atap hendaklah disimpan dan digunakan untuk bangunan masjid lain yang memerlukannya. Jika tidak boleh dipakai lagi bolehlah dijual dan hasilnya hendaklah digunakan untuk masjid yang sedia ada. Jika boleh digunakan dan tidak ada masjid lain yang memerlukannya bolehlah di buat bangunan balai lintang masjid atau sebagainya.
- b) Barang-barang yang telah digantikan seperti lampu, kipas dan sebagainya bolehlah dijual dan hasilnya dikembalikan kepada masjid yang berkenaan.
- c) Harta atau barang-barang yang dijumpai tetapi tidak ada orang yang menuntutnya walaupun telah diisytiharkan hendaklah diserahkan kepada Baitul Mal.

SOALAN 23 :

*Perkumpulan pemuda di kampung ini telah menubuhkan pasukan kompang (Hadrach) dan bercadang untuk membuat latihan di tingkat bawah surau (Kelas Tadika Islam) antara jam 9.00 malam hingga 10.30 malam. Bagaimana pandangan Dato' dan apakah hukumnya?*

**JAWAPAN :** Bermain kompang dengan Rasulullah saw. di bawah surau hukumnya harus, selama mana tidak mengganggu orang yang bersembahyang atau membaca al-Quran atau orang di sekitar madrasah itu.

SOALAN 24 :

*Jawatankuasa masjid ini bercadang untuk mengalihkan kubur yang ada bahagian surau di tepi kolah masjid ini ke kawasan yang lebih sesuai. Bagaimana peraturan dan tatacara yang harus kami lakukan untuk perkara tersebut?*

**JAWAPAN :** Berikut adalah jawapan kepada masalah yang dikemukakan:

- a) Kubur-kubur itu hendaklah dipindahkan ke tanah perkuburan orang-orang Islam.
- b) Hendaklah dikorek sedalam 4 kaki dari permukaan dan 2 kaki selepasnya dipindahkan ke kawasan baru.

SOALAN 25 :

*Untuk makluman YBhg. Dato', Masjid di kariah kami telah dibina pada tahun 1960. Dalam mesyuarat Jawatankuasa yang lalu, telah bersetuju supaya mimbar batu yang ada diganti dengan mimbar kayu yang lebih cantik. Oleh itu, dipohon pandangan dari YBhg. Dato'*

**JAWAPAN :** Sukacita dimaklumkan bahawa mimbar batu yang ada merupakan sebahagian daripada bangunan Masjid. Memecahkan mimbar itu tidak mencatkan bangunan dan tiada menyebabkan terhenti Fungsi Masjid. Oleh kerana itu, merobohkannya dan menggantikannya dengan yang lain tidaklah mencatkan wakaf yang sedia ada dan tidak bertentangan dengan hukum syarak dengan syarat perkakas seperti batu-batunya yang masih boleh digunakan hendaklah digunakan bagi kepentingan masjid.

SOALAN 26 :

- a) *Adakah papan kayu, tingkap dan pintu yang tidak digunakan oleh masjid boleh dijual dan wangnya dikembalikan kepada pembinaan masjid?*
- b) *Apakah tindakan yang harus dilakukan terhadap barang-barang tersebut?*

**JAWAPAN**

- a) Barang-barang wakaf khususnya bangunan masjid tidak boleh dijual bahkan hendaklah digunakan untuk tujuan masjid juga, iaitu dengan memberikannya kepada mana-mana masjid yang memerlukannya.
- b) Jika tidak ada yang memerlukannya, bolehlah kayu-kayu itu dibuat balai lintang atau tempat meletak basikal atau sebagainya bagi kegunaan masjid.

SOALAN 27 :

*Saya ingin memohon penjelasan sama ada wang masjid yang dipungut melalui Derma Am pada tiap-tiap Jumaat untuk tujuan-tujuan berikut:*

- a) *Melaksanakan urusan-urusan am bagi kebajikan atau kepentingan Masyarakat Kariah seperti Pengurusan Jenazah yang tidak ada waris.*
- b) *Memberi bantu kepada musafir-musafir yang keputusan wang belanja.*

*c) Memberi bantuan-bantuan kerana musibah, seperti kemalangan, kebakaran di kalangan ahli-ahli kariah.*

**JAWAPAN**

- a) Kutipan yang dilakukan pada setiap hari Jumaat atau melalui tabung yang disediakan khas jika tidak dijelaskan tujuannya, maka ia kembali kepada masjid untuk penyelenggaraannya, tidak boleh digunakan untuk tujuan lain.
- b) Jika kutipan yang di buat itu dengan diberitahu kepada penderma-penderma bahawa ia bertujuan khairat am maka bolehlah untuk digunakan kepada perkara-perkara yang telah dikemukakan.

SOALAN 28 :

*Masjid di tempat saya akan menggantikan karpet lama dengan karpet baru. Bolehkah karpet lama itu diletakkan di luar masjid iaitu dari balai lintang masjid bagi kemudahan jemaah berehat.*

**JAWAPAN :** Karpet lama masjid adalah merupakan kelengkapan masjid yang menjadi milik masjid. Ianya boleh digunakan di mana-mana bahagian masjid atau balai lintang, bahkan boleh juga dihadiahkan kepada surau atau madrasah.

SOALAN 29 :

*Saya ingin memohon penjelasan daripada Dato' tentang masalah pembinaan surau baru di kariah saya. Kariah saya akan mendirikan sebuah surau baru di tapak surau yang sedia ada (surau lama). Surau yang lama akan dirobohkan dan dicadangkan surau lama tersebut didirikan semula di kawasan yang sama untuk dijadikan rumah sewa. Hasil sewa tersebut boleh dimanfaatkan, contohnya membayar bil air, elektrik dan sebagainya untuk surau tersebut.*



**JAWAPAN :** Dimaklumkan bahawa bangunan lama surau tidak khusus diwakafkan boleh diubah dan dijadikan rumah sewa seperti yang dimaksudkan.

SOALAN 30 :

*Mohon penjelasan mengenai penggunaan kutipan tabung pembelian van jenazah untuk tujuan kerja-kerja pembangunan dan penyelenggaraan, kerja naik taraf masjid serta kuliah-kuliah pengajian di masjid. Hal ini berikutan kerana pihak masjid telah dihadaikkan sebuah van oleh seseorang individu dan ingin menggunakan duit kutipan kepada tujuan penyelenggaraan masjid.*

**JAWAPAN :** Kami telah mengeluarkan pandangan mengenai dengan isu ini. Jabatan meminta ahli jawatan kuasa masjid membuat pengumuman pada hari Jumaat berhubung dengan tabung kutipan pembelian van jenazah tersebut untuk ditukarkan tujuannya kepada kerja-kerja pembangunan dan penyelenggaraan, kerja naik taraf masjid serta kuliah-kuliah pengajian masjid. Jabatan juga menyarankan agar pengumuman tersebut di buat selama 3 minggu.

SOALAN 31 :

*Memohon pandangan mengenai tapak lama masjid dan memohon pandangan serta langkah-langkah yang perlu di ambil oleh pihak masjid untuk menjaga kesucian tapak masjid tersebut.*

**JAWAPAN :** Jabatan Mufti Negeri Perak berpandangan bahawa apa-apa langkah yang dilakukan dalam membangunkan tapak masjid lama berkenaan hendaklah dipastikan agar tidak menjerumuskan ke arah menurun taraf tapak tersebut kepada tidak selayaknya terhadap kemuliaan masjid seperti pembinaan tandas, tempat pembuangan sarap dan sebagainya.

Oleh yang demikian, jabatan ini berpandangan bahawa membina ruang mengambil wudhu adalah harus dengan syarat hendaklah dijaga kesuciannya sebagai status masjid pada ruang berkenaan. Berdasarkan firman Allah SWT dalam surah *al-a'raf* ayat 31:

يَبْنَىْ ءَادَمَ خُذُوْا زِيْنَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ

*“wahai anak-anak Adam, pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadah(atau mengerjakan sembahyang)”*

Berdasarkan ayat di atas, masjid merupakan tempat ibadah yang suci lagi mulia. Maka, ia perlu dihormati dan jaga kebersihannya. Oleh itu, status masjid juga perlu dipelihara seperti mana hukum masjid.

SOALAN 32 :

*Mohon pandangan mengenai jajaran saf ruang solat utama aras satu yang tidak sebaris dengan ruang solat baru kiri dan kanan aras satu.*

**JAWAPAN :** Jabatan Mufti Negeri Perak berpandangan bahawa wajar pembinaan saf-saf ini disamakan dan disejajarkan seperti satu garisan yang lurus sepertimana saranan Baginda Nabi SAW:

كَانَ رَسُوْلُ اللّٰهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَمْسَحُ مَنَاكِبَنَا فِي الصَّلَاةِ وَيَقُوْلُ  
"اسْتَوُوا وَلَا تَخْتَلَفُوا فَتَخْتَلَفَ قُلُوْبُكُمْ لِيَلِيْنِي مِنْكُمْ اَوْلُوْا الْاَحْلَامَ وَالنُّهْيَ ثُمَّ الَّذِيْنَ  
يَلُوْنَهُمْ ثُمَّ الَّذِيْنَ يَلُوْنَهُمْ"

*“Rasulullah SAW (pernah) menyapu bahu-bahu kami semasa(hendak) solat lalu Nabi SAW bersabda: “Samakanlah oleh kamu semua akan barisan-barisan dan jangan asa yang berselisih bahu, (iaitu tidak sama di antara kamu semua), kerana perbuatan itu (menyebabkan) hati kamu semua tidak bersependapat (berselisih). Orang dewasa dan berakal di antara kamu hendaklah berada di belakangku, kemudian di barisan berikutnya hendaklah kanak-kanak yang cerdik, kemudian diikuti orang-orang khunsa dan yang terakhir ialah orang-orang perempuan”.*

*Riwayat Muslim (432)*

Oleh yang demikian, pihak yang bertanggungjawab perlu memastikan jemaah mengikuti sunnah dan ketetapan syarak bagi menjamin kesempurnaan solat dan ibadah.

SOALAN 33 :

***Mohon pandangan dan ketetapan hukum syarak berkenaan bayaran ex-gratia/sagu hati bagi pengambilan tapak perkuburan Islam.***

**JAWAPAN :** Kami berpandangan bahawa tanah tersebut masih berstatus *irshod* berasaskan keputusan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak menerusi warta kerajaan No.164 yang bertarikh 26 Februari 2004 dan telah sempurna pemindahan hak milik kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk). Manakala cadangan pengambilan semula tanah perlu dibuktikan sama ada keperluan untuk berbuat demikian adalah di peringkat mendesak dan tiada alternatif yang lain untuk meneruskan cadangan tersebut. Jika pengambilan tanah tersebut terpaksa dilakukan. Maka, kaedah *istibdal* (pergantian) hendaklah dilakukan dengan menggunakan tanah yang lain yang sama dan tidak kurang nilai dengan tanah yang di ambil. Untuk menepati maksud *istibdal*,

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) hanya boleh menerima sejumlah bayaran Ex-gratia jika sekiranya jumlah berkenaan mampu dan bersesuaian untuk pembelian tanah *istibdal* wakaf yang telah di ambil setelah di nilai dengan kadar yang sama atau lebih nilainya.

SOALAN 34 :

*Mohon pencerahan mengenai apakah yang dimaksudkan dengan bangunan masjid atau surau dan ruang solat utama masjid?*

**JAWAPAN :** Bangunan masjid yang ditakrifkan sebagai apa-apa struktur binaan sama ada yang diperbuat daripada kayu, buluh, konkrit atau yang seumpamanya yang digunakan oleh umat Islam untuk menunaikan solat fardu secara berjemaah di dalamnya. Oleh itu, hanya golongan tertentu yang terhalang dari memasukinya seperti wanita haid, nifas serta orang yang berhadass besar. Dalam takrif yang lain, sekiranya solat jemaah didirikan di dalam bangunan tersebut maka ia dikenali sebagai masjid Jamek.

Adapun berkenaan dengan surau, ia merupakan istilah semata-mata yang merujuk kepada bangunan yang struktur binaannya lebih kecil daripada masjid yang menjadi tempat ibadat bagi orang-orang Islam termasuk pengisian ilmu melalui kelas-kelas pengajian. Manakala ruang solat utama ialah tempat berkumpulnya imam dan makmum semasa mendirikan solat yang kebiasaannya di tanda menerusi garisan saf atau hamparan yang mempunyai saf.

SOALAN 35 : *Mohon pencerahan mengenai apakah hukum dan galakan tarhim dan bacaan al-Quran menggunakan pembesar suara masjid dan surau di negeri Perak?*

**JAWAPAN** : Jabatan Mufti Negeri Perak telah mengeluarkan garis panduan berkenaan penggunaan pembesar suara di masjid dan surau serta bacaan Al-Quran. Di dalam garis panduan tersebut, telah dinyatakan secara jelas bahawa hukum penggunaan pembesar suara bagi sebarang tujuan melainkan azan adalah haram berdasarkan keterangan melalui hadis Abi Said berkata :

اعْتَكَفَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ فِي الْمَسْجِدِ فَسَمِعَهُمْ يَجْهَرُونَ بِالْقِرَاءَةِ، فَكَشَفَ السِّتْرَ وَقَالَ: "أَلَا إِنَّ كَلِمَ مَنْجِ رَبِّهِ فَلَا يُؤْذِينَ بَعْضُكُمْ بَعْضًا، وَلَا يَرْفَعُ بَعْضُكُمْ عَلَى بَعْضٍ فِي الْقِرَاءَةِ". أَوْ قَالَ: "فِي الصَّلَاةِ".

*"Rasulullah SAW telah beriktikaf di masjid lalu Baginda mendengar para sahabat menguatkan suara bacaan mereka(al-Quran). Maka baginda bersabda:"Ingatlah, sesungguhnya setiap kamu sedang bermunajat kepada Tuhannya maka janganlah mengganggu sebahagian yang lain dan janganlah sebahagian pula mengangkat suara atas yang lain ketika membaca al-Quran" atau sabdanya yang lain: ketika sedang solat.*

*Riwayat Abu Daud (1332)*

SOALAN 36 :

**Mohon pandangan pembinaan kekal seperti rumah sewa di atas tapak masjid.**

**JAWAPAN** : Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak berpandangan bahawa segala urusan yang berkaitan dengan masjid adalah di bawah kuasa Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk). Ia adalah berdasarkan perutusan yang terdapat di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak (Maipk) 2004 bahagian VII- Masjid sepertimana yang termaktub dalam seksyen 79:

*“Semua harta yang tertakluk kepada seksyen 78 hendaklah tanpa apa-apa pemindahan, penyerahan, atau pemindahan hak milik, dan, dalam hal harta tak alih, sebaik sahaja didaftarkan undang-undang bertulis yang berhubung dengan tanah, terletak hak pada majlis, bagi maksud wakaf, nazar am atau amanah yang menyentuh harta itu”.*

Jabatan Mufti Negeri Perak hanya akan mengeluarkan pandangan selepas mendapat ulasan dari pihak Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk).

SOALAN 37 :

***Memohon pencerahan mengenai pembinaan tandas di tanah perkuburan Islam.***

**JAWAPAN :** Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke-169 yang telah bersidang pada 18 Mac 2006 telah mengeluarkan keputusan bahawa haram membina bangunan sama ada berbentuk rumah, qubah atau masjid di atas tanah perkuburan am(musbalah) dan wajib dirobohkan segala binaan tersebut. Petikan nas dari Kitab *al-Mughni Muhtaj*, jilid 1 pada halaman 364:

(ولو بني) عليه (في مقبرة مسبلة) وهي التي جرت عادة أهل البلد بالدفن فيها (هدم) البناء لأنه يضيق على الناس، ولا فرق بين أن يبنى عليه قبة أو بيتا أو غير ذلك.

*“Jika seseorang membina binaan di atas kubur am dan ia merupakan kebiasaan penduduk negeri tersebut hendaklah(diruntuhkan) binaan tersebut kerana ia menyusahkan orang lain. Dan tiada perbezaan sama ada binaan itu berbentuk kubah, rumah atau lain-lain binaan”.*

Petikan nas dari *Kitab Majmuk Syarah Muhazzab*, Jilid 5 pada halaman 298:

قال أصحابنا رحمهم الله: ولا فرق في البناء بين أن يبني قبة أو بيتا أو غيرها، ثم ينظر- فإن كانت مقبرة مسبلة حرم عليه ذلك: قال أصبنا ويهدم هذا البناء بلا خلاف. قال الشافعي في الأم: ورأيت من الولاة من يهدم ما بني فيها، ولم أر الفقهاء يعيبون عليه ذلك، ولأن في ذلك تضييقا على الناس، قال أصحابنا: وإن كان القبر في ملكه جاز بناء ما شاء مع الكراهة، ولا يهدم عليه، قال أصحابنا: وسواء كان المكتوب على القبر في لوح عند رأسه كما جرت عادة بعض الناس أم في غيره، فكله مكروه لعموم الحديث، قال أصحابنا: وسواء في كراهة التجصيص للقبر في ملكه أو المقبرة المسبلة، وأما تطيين القبر، فقال إمام الحرمين والغزالي: يكره ونقل أبو عيسى الترمذي في جامعة أن الشافعي قال: لا بأس بتطيين القبر، ولم يتعرض جمهور الأصحاب له؛ فالصحيح أنه لا كراهة فيه، كما نص عليه. ولم يرد فيه نهى.

*“Telah berkata ulama Mazhab Syafie rahimahullah: Dan tiada beza pada binaan sama ada is berbentuk qubah atau rumah atau lain-lainnya, hendaklah diselidik dahulu jika ia kubur. Maka, Haram dibuat binaan di atasnya. Ulama berkata hendaklah diselidik dahulu jika ia kubur. Maka, haram dibuat binaan atasnya. Ulama berkata hendaklah dirobuhkan binaannya itu tanpa khilaf. Berkata al- Imam as-Syafie dalam Kitab Al-Um: Dan aku lihat daripada pemerintah yang mana mereka merobuhkan sebarang bentuk binaan dan aku tidak melihat ulama fiqh membantahnya kerana bahawasanya ia menyusahkan manusia yang lain. Berkata lagi ulama sama ada ia ditulis di atas satu papan kenyataan di tepi kubur seperti mana kebiasaan adat setengah orang. Maka, semuanya adalah makruh hukumnya kerana keumuman hadis. Berkata lagi ulama: dan begitu juga makruh sama ada meletak KAPUR pada kubur yang di miliki atau kubur yang am”.*

*Adapun meletakkan tanah kubur di perkuburan maka Imam al-Haramain dan Imam al-Ghazali telah berkata ia adalah makruh. Dan telah menaqqal oleh Abu Isa al-Tirmizi dalam kitab Jamaknya yang masyhur bahawasanya al-Imam Syafie berkata tidak mengapa meletakkan tanah pada kubur dan tiada satu tegahan dari jumhur ulama. Maka, pendapat yang sahih bahawa tidak makruh sepertimana nas dan tiada satu tegahan pun padanya.*

SOALAN 38 :

*Mohon pencerahan mengenai permasalahan kedudukan ruang solat muslimat:*

**JAWAPAN :** Kami memperakui dan bersetuju kedudukan ruang solat muslimat untuk dikekalkan di bahagian belakang sebelah kanan muslimin.



# **KEMASYARAKATAN**

SOALAN 1 :

*Apakah hukumnya orang yang mengikat peranaknya untuk mengelakkan daripada melahirkan anak?*

**JAWAPAN :** Mengikat tempat peranakan dengan tujuan menjarangkan anak atas dasar kesihatan ibu atau anak yang sedang disusukan adalah harus hukumnya. Adapun jika tujuannya hanya semata-mata mengelakkan dari beranak kerana takut kemiskinan dan sebagainya adalah dilarang oleh syarak. Ini jelas disebutkan di dalam al-Quran dan kitab-kitab Fiqh.

SOALAN 2 :

*Saya mengharapkan penjelasan Dato' mengenai kenduri arwah. Di mana setelah segala urusan terhadap mayat sempurna diadakan pula majlis tahlil dengan sedikit jamuan terutama di malam pertama hingga ke tiga.*

- a) Apakah hukumnya mengadakan majlis tersebut?*
- b) Benarkah haram memakan jamuan yang dihidangkan itu?*
- c) Apakah hukum bagi mana-mana waris yang menggunakan wangnya untuk membuat kenduri arwah bagi ibu dan bapanya?*

**JAWAPAN :**

- a) Tidak disyariatkan supaya diadakan kenduri arwah pada malam pertama atau mana-mana malam untuk arwah si mati. Yang disuruh ialah supaya keluarga si mati beribadah dan berdoa supaya roh si mati dirahmati Allah SWT.
- b) Haram membuat jamuan untuk orang ramai sewaktu mayat masih berada di rumah.
- c) Tidaklah salah bagi anak atau mana-mana orang membuat kenduri dengan wangnya sendiri.

SOALAN 3 :

*Majlis Daerah bercadang untuk mewujudkan suatu identiti pekan-pekan di sini dengan tanaman pokok-pokok bunga berbentuk ikan. Oleh itu, majlis ingin memohon Fatwa dari YBhg. Dato' mengenai cadangan tersebut, samada pokok-pokok tanaman boleh diubahsuai menjadi bentuk-bentuk binatang?*

**JAWAPAN :**

- a) Hadis-hadis Rasul SAW yang melarang membentuk, mengukir atau mengolah sesuatu kepada bentuk makhluk yang bernyawa seperti manusia dan binatang banyak sekali. Maka kerana itu, telah ijma' ulama' haram membuat sebarang ukiran benda-benda hidup yang berbayang samada ianya manusia, binatang, burung dan ikan-ikan.
- b) Membentuk pokok-pokok bunga dengan bentuk ikan seperti yang dirancang adalah termasuk dalam ukiran yang dilarang oleh syarak. Oleh yang demikian saya berpendapat supaya projek itu dan yang seumpamanya hendaklah diberhentikan.

SOALAN 4 :

*Seperti mana yang tuan sedia maklum, acara senamrobik amat popular di kalangan masyarakat kita sekarang. Oleh itu, saya ingin mendapat pandangan dari YBhg. Dato' mengenai senamrobik yang melibatkan percampuran di antara lelaki dan wanita yang banyak dijalankan hari ini?*

**JAWAPAN :** Senaman apa pun jenisnya adalah merupakan aktiviti riadah dan harus dilakukan. Walau bagaimanapun senaman atau apa pun juga kelakuan yang di buat di hadapan khalayak ramai dengan mendedahkan aurat hukumnya adalah haram. Percampuran antara lelaki dan wanita yang bukan muhrim dalam melakukan senaman samalah juga dengan menari lelaki dan wanita. Oleh itu ianya adalah dilarang oleh syarak dan haram hukumnya.

SOALAN 5 :

*Dalam satu kawasan pilihanraya ada tiga calon parti bertanding. Bilangan pengundi lebih kurang sama banyak, Cina, India dan Melayu. Calon-calon itu terdiri dari DAP, BN dan PAS. Calon DAP orang Cina, BN orang India dan PAS orang Melayu. Dalam kempen pilihanraya itu BN merayu orang Melayu mengundi calonnya, sedangkan calon PAS orang Melayu Islam, bagaimanakah hukumnya dari sudut pandangan Islam.*

**JAWAPAN :** Islam menganjurkan supaya mengangkat orang Islam menjadi Ketua. Tetapi jika dalam keadaan yang dikemukakan di mana diyakini bahawa jika semua orang Islam mengundi orang Islam tidak akan berjaya dan kemungkinan pula akan terpilih orang yang lebih memusuhi Islam dan bangsa Melayu maka mengelakkan dari mafsadah adalah lebih diutamakan.

SOALAN 6 :

*Saya memohon penjelasan Dato' mengenai hukum penyertaan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dari segi hukum syarak.*

**JAWAPAN :** KWSP adalah satu skim yang di buat oleh kerajaan bagi kepentingan kakitangannya dan juga rakyatnya. Memang kerajaan berkewajipan mencari jalan untuk kesejahteraan rakyat yang dipimpinya. Membuat perancangan bagi kesejahteraan hidup adalah diwajibkan oleh syarak, tetapi kebanyakan orang melupai kehendak ini apabila berhadapan nikmat yang dikecapinya. Kerana itulah pemerintah wajib mengadakan cara-cara yang difikirkan boleh mengelakkan berlakunya banyak permasalahan di kalangan pekerja, ia menyediakan skim ini.

Jadi skim KWSP ini di buat adalah untuk kepentingan am yang tidak mengandungi unsur-unsur gharar (tipu) dan pencaruman itu merupakan suatu yang dipersetujui sebagai syarat pekerjaan, hukumnya adalah harus, berdasarkan kaedah usul menolak kemudharatan didahulukan dari mengambil manfaat, dan hadis:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

*Tidak ada sebarang mudarat dan tidak ada juga mendatangkan kemudharatan.*

*Hadis Riwayat Malik (31)*

Demikian jugalah dengan kaedah urusan pentadbiran kerajaan meliputi kepentingan umum.

SOALAN 7 :

*Diharapkan YBhg. Dato' dapat memberikan penjelasan dan jawapan bagi situasi berikut. Tanah yang diterokai secara haram oleh kafir atau Islam (mengikut Undang-Undang Pentadbiran Tanah yang ada), kemudian si "B" dengan merujuk kepada peraturan yang ada memohon tanah tersebut dan diluluskan. Apakah pandangan Islam mengenai hal ini dan siapa lebih berhak?*

**JAWAPAN :** Tiap-tiap sesuatu ada aturan dan undang-undang. Perbuatan meneroka tanah secara haram adalah salah mengikut undang-undang tanah. Islam menganggap baik sesuatu peraturan yang baik. Oleh itu, bagi orang yang mengikut peraturan adalah yang berhak memilikinya.

SOALAN 8 :

*Apakah pandangan atau pendapat yang mengatakan bahawa politik atau siasah tiada kaitan dengan agama (Islam) dengan kata lain agama suku, politik suku. Sekiranya seseorang yang berfahaman dan beranggapan demikian, dan keluar rumah dengan niat menjalankan urusan berkaitan hal-hal politik dan ditakdirkan mati dalam menguruskan urusan demikian. Bagaimana kedudukan orang tersebut di sisi hukum syarak?*

**JAWAPAN :** Hukum orang yang mati semasa menjalankan urusan politik adalah serupa dengan orang-orang yang menjalankan amal-amal soleh seperti mencari rezeki yang halal, menuntut dan menyebarkan ilmu pengetahuan, berdakwah dan lain-lainnya, asalkan politiknya benar-benar bersih, ikhlas bermatlamat membela agama, bangsa dan tanah air.

SOALAN 9 :

*Saya bercadang menukarkan nama anak saya kepada nama yang lebih baik makna atau ertinya. Nama anak saya sekarang ini ialah Azlin Azira, dan cadangan nama baru ialah Adlin. Oleh itu, saya mohon pengertian nama-nama tersebut?*

**JAWAPAN :** Makna atau erti bagi perkataan Azlin ialah sempit dan susah, manakala Ariza ialah sejuk. Adlin pula bererti saksama atau adil.

SOALAN 10 :

Bolehkah nasyid diiringi dengan alat-alat muzik seperti berikut:

- a) Gambus
- b) Violin
- c) Rebana
- d) Accordion
- e) Harmonium
- f) Bonggo
- g) Gendang
- h) Flute
- i) Tamborin
- j) Marakus

JAWAPAN :

Nasyid boleh diiringi dengan bunyi-bunyian yang diluluskan oleh syarak seperti yang disenaraikan kecuali violin dan flute.

SOALAN 11 :

*Salahkah pada hukum syarak memasang kaset bacaan ayat suci al-Quran pada waktu sebelum sembahyang Jumaat di masjid?*

JAWAPAN : Memasang kaset bacaan al-Quran dengan menghalakan pembesar suara keluar masjid, yang kira-kira tidak mengganggu orang yang sedang sembahyang, zikir dan beriktikaf dalam masjid, hukumnya adalah harus. Tetapi jika mendatangkan gangguan bagi orang-orang yang sedang beribadat dalam masjid, hukumnya haram.

SOALAN 12 :

*Saya inginkan penjelasan YBhg. Dato' mengenai hukum meletakkan bin atau binti kepada anak angkat?*

**JAWAPAN :** Perbuatan meletakkan bin atau binti kepada nama orang yang bukan bapanya yang sebenar adalah bertentangan dengan perintah al-Quran dan Hadith dan haram hukumnya. Perbuatan itu hendaklah dihentikan segera serta anak itu hendaklah dikenalkan kepada bapa dan ibunya sebenar. Memutuskan hubungan anak dengan keluarga sebenarnya adalah dilarang oleh syarak.

SOALAN 13 :

- a) Apakah hukumnya menderma darah oleh orang Islam dan darah berkenaan digunakan oleh orang bukan Islam?
- b) Bagaimanakah pandangan Islam mengenai darah orang Islam yang digunakan oleh orang bukan Islam dan meninggal dunia dalam keadaan kafir. Adakah penderma itu akan dituntut oleh darah yang didermakannya di akhirat kelak?

**JAWAPAN :**

- a) Menderma darah hukumnya harus, walaupun diketahui ia akan digunakan untuk orang kafir, kerana menyelamatkan nyawa adalah wajib.
- b) Seseorang yang mendermakan darah kepada orang kafir tidak akan diseksa di akhirat, bahkan ia akan diberi ganjaran kerana menyelamatkan nyawa.

SOALAN 14 :

*Seseorang mengambil anak angkat dari keturunan China kafir dan membintikannya kepada namanya. Apakah hukumnya? Sekiranya ia merupakan satu kesalahan atau berdosa, apakah yang perlu dilakukan oleh bapa angkatnya itu?*



**JAWAPAN :** Hukum membin atau membintikan anak angkat kepada nama bapa angkat adalah haram dan berdosa. Oleh itu, adalah menjadi kewajipan baginya menukarkannya kepada bapanya yang asal atau Abdullah. Bapa angkatnya juga wajib bertaubat untuk menghapuskan dosanya.

SOALAN 15 :

*Untuk makluman bahawa Pusat Islam, Jabatan Perdana Menteri telah mengenal pasti dan memberi pengakuan halal ke atas makanan keluaran KFC Holdings (M) Bhd. Oleh kerana restoran-restoran KFC ada dibuka di negeri di bawah jagaan Dato', maka saya mempelawa pihak YBhg. Dato' membuat pemastian tentang hal berkenaan.*

**JAWAPAN :** Saya berpuas hati dengan hasil pemeriksaan yang telah di buat oleh Pusat Islam.

SOALAN 16 :

*Sukacita dimaklumkan bahawa suatu cadangan untuk mewujudkan Pusat Ternakan Khinzir oleh jabatan ini. Pusat ini akan dilengkapi dengan kolam-kolam penapis yang berfungsi menapis dan memproses semula sisa buangan supaya menjadi bersih semula. Dikhuatiri, air yang telah diproses itu kelak akan masuk (dibuang) ke sungai-sungai berhampiran yang didiami oleh penduduk muslim. Sisa air yang dibuang itu ditapis beberapa kali sehingga bersih melalui kolam-kolam penapisan. Masalahnya ialah tentang kesangsian penduduk tempatan terhadap penggunaan air sungai tersebut dari segi hukum syarak.*

**JAWAPAN :**

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah Perak Darul Ridzuan kali ke 129 telah membuat keputusan mengenai hal berkaitan sebagai berikut:

- a) Najis yang dicurahkan dengan air, jadilah air itu air Mutannajis. Air Mutannajis apabila dicampur dengan air mutlak yang lebih daripada dua kolah dan air itu kembali kepada sifat asalnya (tidak berubah rasa, bau dan warna) dengan tidak bercampur dengan benda lain, maka hukumnya bersih lagi membersihkan. Jika perubahan itu berlaku disebabkan oleh unsur-unsur yang lain dicampurkan atau diletakkan padanya, maka hukumnya tetap Mutannajis.
- b) Air Mutannajis apabila ia bercampur dengan air Mutlak yang lebih daripada dua kolah tidak mencatikan air Mutlak dari segi rasa, bau dan warnanya, maka air itu menjadi air Mutlak, boleh digunakan untuk tujuan apa pun.
- c) Masalah najis khinzir yang diproses dengan air melalui beberapa kolam penapis, walaupun dari segi kebersihannya didapati bersih dan dari segi sifatnya telah berubah kepada air Mutlak, ia tetapi juga dianggap air Mutannajis dan air Mutannajis ini apabila dilepaskan ke dalam sungai yang airnya banyak dan tidak menjejaskan sifat air Mutlak, maka dengan sendirinya menjadi air Mutlak.
- d) Sifat orang-orang Melayu mengenai khinzir ini amatlah jijik. Pelepasan air najis yang telah diproses ke dalam sungai, walaupun dari segi hukumnya tidak menjejaskan Mutlaknya air itu, namun perasaan jijik itu tetap ada.

Oleh itu Jawatankuasa Syariah Perak Darul Ridzuan mengesyorkan supaya:

- I. Air yang telah diproses dari pusat pemusatan khinzir itu tidak dilepaskan ke sungai, tetapi digunakan semula untuk mencuci najis baru, atau
- II. Dibina sebuah kolam besar atau kolam-kolam bekas lombong yang tidak digunakan lagi dan dilepaskan air tersebut ke dalamnya.

SOALAN 17 :

*Saya ingin meminta penjelasan daripada YBhg Dato' tentang perkara membin dan membintikan kepada bapa angkat. Begitu juga saya ingin mendapat penjelasan tentang penggunaan 'Maulad' sebagai ganti Bin atau Binti kepada bapa angkat yang berkenaan.*

**JAWAPAN :** Untuk makluman tuan, larangan membin dan membintikan kepada bapa angkat adalah jelas dengan ayat Al-Quran dan Hadis Nabi SAW. tidak ada alasan yang membolehkannya. Oleh yang demikian hendaklah dilarang seseorang membin atau membintikan anak angkat kepada bapa angkat kerana bertentangan dengan hukum syarak. Orang yang membenarkan adalah bersyubahah. Perkataan Maula dan Maulat membawa makna tuan, hamba, anak, anak angkat dan anak saudara. Kegunaan kalimah telah dicadangkan dalam Mesyuarat Mufti suatu masa dahulu untuk mereka yang tidak diketahui bapanya.

SOALAN 18 :

**Saya ingin memohon fatwa daripada Dato' tentang perlunya dibedah siasat kepada mayat seseorang Islam setelah meninggal dunia akibat kemalangan. Adakah bedah siasat yang dilakukan itu tidak akan menyeksakan mayat tersebut?**

**JAWAPAN :** Ulama Besar telah mengeluarkan fatwa mereka mengenai pembedahan mayat antaranya Fatwa Lujnah Al Azhar dan Darul Ifta Almisriah. Saya berpendapat berdasarkan kaedah-kaedah yang bersandar kepada fatwa-fatwa terdahulu adalah harus dilakukan pembedahan ke atas mayat-mayat jika masalah menghendaki demikian.

SOALAN 19 :

***Bagaimana kaedah syarak untuk membintikan anak zina?***

**JAWAPAN :** Untuk makluman tuan, seorang anak yang dilahirkan selepas enam bulan dari tarikh perkahwinan ibunya bolehlah dibinkan kepada suami ibunya itu. Jika bayi itu lahir sebelum enam bulan dari tarikh perkahwinan ibunya, maka hendaklah bayi itu dibinkan kepada ibunya.

SOALAN 20 :

*Memohon pandangan berhubung bahan ramuan daripada sumber fermentasi bakteria untuk penghasilan produk kosmetik? Untuk pengetahuan Tuan, bahan yang terkandung di dalam bahan kosmetik tersebut adalah uterus (rahim) kuda betina.*

**JAWAPAN :** Jabatan Mufti menegaskan bahawa kuda merupakan haiwan yang halal di makan berdasarkan hadis:

اطعمنا رسول الله عليه وسلم لحوم الخيل ونهانا عن لحوم الحمر

*“Kami diberi makan daging kuda oleh Rasulullah saw dan baginda melarang kami daripada memakan daging keldai”.*

*Riwayat Tirmizi (1715)*

Secara umumnya, hukum organ dalaman haiwan adalah mengikut hukum daging haiwan tersebut. Jika halal dimakan setelah sembelih mengikut kaedah yang ditetapkan oleh syarak. Maka, organ dalaman bagi haiwan berkenaan adalah halal untuk dimakan. Hal ini bersesuaian dengan kaedah fiqh dalam kitab *al-Asybah wa al-Nadzair* Karangan Imam Suyuti pada kaedah ketujuh pada halaman 117:

التابع تابع

*“sesuatu yang mengikuti akan dilihat sebagai cabangnya”.*

SOALAN 21 :

*Apakah hukum seseorang menternak siput babi?*

**JAWAPAN :** Penternakan siput babi perlulah dilihat akan tujuannya. Jika sekiranya tujuan penternakan ia adalah semata-mata untuk mengambil manfaat seperti dijadikan bahan makanan kepada haiwan lain atau sebagai bahan pengawet maka itu ia diharuskan. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal agama Malaysia kali ke-20 bersidang pada 2 April 1988 telah membincangkan pembiakan siput babi (*fulica Achatina*). Muzakarah telah memutuskan bahawa perusahaan menternak sibuk babi untuk dieksport keluar negara sebagai bahan makanan adalah harus

SOALAN 22 :

*Adakah seseorang muslim dibenarkan untuk makan siput babi?*

**JAWAPAN :** Siput babi dikategorikan sebagai haiwan “*al-hasharat*” yakni haiwan yang melata. Dalam mazhab Syafie, semua kategori haiwan “*al-hasharat*” ini adalah haram. Al-Imam al-Nawawi telah menyatakan hal ini di dalam kitabnya yang berjudul *Majmu’ Syarah Muhazzab*, jilid 9 pada halaman 16:

في مذاهب العلماء في حشرات الأرض .... مذهبنا أنها حرام، وبه قال أبو حنيفة وأحمد وداود، ...

*“pandangan ulama berhubung melata di bumi.. mazhab kita(mazhab as-Syafie) bahawa ia adalah haram, begitu juga pandangan di sini al-Imam Abu Hanifah, al-Imam Ahmad dan al-Imam Daud al-Zhahiri,”*

SOALAN 23 :

*Apakah hukum seorang muslim menggunakan produk kosmetik yang mempunyai sumber ramuan dari siput babi?*

**JAWAPAN :** Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke-74 yang bersidang pada 25 hingga 27 Julai 2006 telah membincangkan hukum penggunaan anggota atau unsur haiwan yang di haram dimakan selain daripada anjing dan babi untuk tujuan kosmetik. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

a) Islam amat menitik beratkan kebersihan. Namun, produk-produk yang dihasilkan atau diambil daripada anggota atau unsur haiwan yang halal dimakan tetapi sekiranya ia mendatangkan mudharat, penggunaannya adalah dilarang oleh Islam.

b) Oleh itu, sebarang produk kosmetik atau sebagainya yang mengandungi bahan najis seperti anggota atau unsur haiwan yang haram dimakan atau memberi kemudaratan kepada manusia adalah haram digunakan.

SOALAN 24:

*Berlaku percampuran antara lelaki dan perempuan di luar wad atas faktor ruang yang terhad serta terdapat di kalangan pelawat yang memakai pakaian berlengan pendek. Adakah hal yang demikian dimaafkan?*

**JAWAPAN:** Secara umumnya, sebarang bentuk pergaulan yang melibatkan percampuran antara lelaki dan perempuan adalah tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun, dalam ruang yang terhad maka pihak hospital berhak menghadkan bilangan pelawat dan langkah tersebut perlu dilakukan. Mana-mana pelawat yang memakai pakaian berlengan pendek adalah dinasihatkan untuk memakai sarung lengan atau mengenakan baju berlengan panjang.

Dalam hal ini, perkara utama yang perlu diberi perhatian adalah pelawat sedang berhadapan dengan situasi untuk menyelamatkan pesakit yang kesan dari penyakit tersebut boleh mengakibatkan ancaman kepada nyawa. Kaedah fiqh dalam kitab al-Wajiz fi Usul al-fiqh Islamiah jilid 1 halaman 125:

### الضرورات تبيح المحظورات

“Darurat itu mengharuskan perkara yang merbahaya.”

Sebagai saranan, hand sanitizer hendaklah dibekalkan kepada para pelawat khususnya yang berada di kawasan menunggu sebelum diberi keizinan masuk untuk melawat. Sekiranya difikirkan perlu maka pihak hospital boleh menyediakan baju khas seperti yang dipakai oleh pelawat di wad ICU sebagai langkah pencegahan.

SOALAN 25 :

*Adakah boleh disalurkan sumbangan yang berpunca dari sumber yang haram?*

**JAWAPAN :** Antara bentuk penyucian bagi harta pemilikan dari sumber yang haram adalah melalui kaedah bersedekah. Hal ini bersesuaian dengan saranan yang dikemukakan oleh al-Imam al-Ghazali yang telah dinaqalkan oleh al-Imam al-Nawawi di dalam kitab beliau yang berjudul *al-Majmu'* jilid sembilan pada halaman 428:

إذا كان معه مال حرام و أراد التوبة والبراءة منه – فإن كان له مالٌ معين –  
وجب صرفه إليه أو إلى وكيله، فإن كان ميتاً وجب دفعه إلى وارثه، وإن  
كان للمالٍ ليعرفه ويؤس من معرفته فينبغي أن يصرفه في مصالح المسلمين  
العامّة، كالتقاطر والربط والمساجد ومصالح طريق مكة،

ونحز ذلك مما يشترك المسلمون فيه، والفيتصدق به على فقير أو فقراء،  
...وإذا دفعه الى الفقير ليكون حراما على الفقير، بل يكون حلال طيبا،

*“Sekiranya seseorang itu mempunyai harta dari sumber yang haram dan berazam untuk bertaubat kepada Allah SWT (dari pekerjaan haramnya) maka jika harta tersebut mempunyai pemiliknya diwajibkan untuk memulangkan kepadanya atau menerusi wakil bagi pihaknya. Jika pemilik tersebut telah meninggal dunia maka hendaklah dikembalikan kepada warisnya. Jika pemilik berkenaan tidak diketahui akan dirinya (tempat tinggalnya) serta berputus asa setelah mencarinya maka hendaklah harta itu diserahkan untuk kepentingan umum orang Islam seperti membina jambatan, kubu-kubu di sempadan-sempadan negeri Islam, masjid, penambahbaikan jalan Mekah serta perkara yang menjurus kepada keperluan orang Islam. Jika tidak, maka disedekahkan kepada orang yang fakir atau golongan fakir, Apabila harta itu diserahkan kepada orang fakir ia tidak menjadi haram bahkan halal serta baik untuk keperluan mereka.”*

Dr. Yusuf al-Qardhawi turut menyatakan pendirian yang serupa berhubung penyaluran harta haram di dalam *Fatawa Mua’sarah*, jilid tiga pada halaman 653:

ونقول هنا : ان المال حرام على من وضعه في البنك واس تحق عليه الفوائد،  
ولكنه حلال للفقير، بل هو مصرفه الشرعي الذي لينبغي الخلاف فيه ... انما  
هو وسيط خير لتوصيل هذا المال الى فقراء المسلمين و الى الهيئات الخيرية  
التي تخدمهم، عن طريق الاستفادة من قوانين غير المسلمين في تنمية أموالهم  
ولو بالفوائد، بحكم الضرورة

*“Kami nyatakan di sini: Bahawa harta haram itu adalah kepunyaan bagi orang yang menyimpannya di bank yang menjalankan urus niaga riba. Namun, harta tersebut adalah halal bagi orang yang fakir bahkan penyaluran harta berkenaan adalah berlandaskan hukum syarak yang tidak terdapat khilaf mengenainya...”*



*Penyaluran harta tersebut adalah merupakan mekanisme terbaik bagi golongan fakir di kalangan orang Islam serta pertubuhan-pertubuhan kebajikan yang menyediakan sumbangan bakti kepada mereka melalui kaedah yang bermanfaat berdasarkan peruntukan undang-undang Barat bagi tujuan pembangunan harta fuqara' walaupun melalui faedah bank sebagai satu keperluan (darurat)."*

Oleh yang demikian, adalah disarankan bagi pihak yang berkenaan untuk menyalurkan harta atau sumber yang haram itu kepada mana-mana dari empat saluran yang berikut:

1. Kepentingan awam seperti pembinaan jalan raya, jambatan, masjid, surau, tempat letak kenderaan, tandas awam dan sebagainya
2. Golongan fakir serta gelandangan
3. Baitul Mal
4. Badan-badan kebajikan khususnya yang bersangkutan dengan kebajikan fuqara'.

Dalam suasana wabak COVID 19 yang sedang melanda sekarang ini, derma-derma yang disumbangkan oleh syarikat-syarikat yang diketahui melakukan aktiviti yang diharamkan oleh syarak seperti judi dan arak maka ia boleh digunakan seperti yang disarankan di atas namun ia tidaklah boleh dipromosikan kerana ia akan dijadikan peluang untuk mempromosi kemaksiatan dan kemungkaran.

SOALAN 26 :

***Apakah keistimewaan lain yang terdapat dalam bulan Syaaban?***

**JAWAPAN:** Antara keistimewaan yang terdapat dalam bulan Syaaban ialah adanya malam yang mulia lagi diberkati yang dikenali sebagai malam nisfu Syaaban. Kelebihan malam tersebut digambarkan menerusi hadis yang berikut:

طَلَعَ اللَّهُ إِلَى خَلْقِهِ فِي لَيْلَةِ النَّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ فَيَغْفِرُ لِجَمِيعِ خَلْقِهِ إِلَّا لِمُشْرِكٍ  
أَوْ مُشَاحِنٍ

*“Allah SWT muncul kepada hambanya pada malam nisfu Syaaban maka diampunkan semua dosa hamba-Nya melainkan orang yang musyrik dan masyahin (orang yang saling bermusuhan serta hasad dengki).”*

*Sahih Ibn Hibban (5665)*

Malah, malam nisfu Syaaban juga merupakan antara malam yang dimakbulkan segala permintaan. Hal ini telah dijelaskan oleh al-Imam al-Syafie dalam kitab *al-Umm* jilid kedua pada halaman 485:

وَبَلَّغْنَا أَنَّهُ كَانَ يُقَالُ: إِنَّ الدُّعَاءَ يُسْتَجَابُ فِي خَمْسِ لَيَالٍ فِي لَيْلَةِ الْجُمُعَةِ، وَلَيْلَةِ  
الأَضْحَى، وَلَيْلَةِ الْفِطْرِ، وَأَوَّلِ لَيْلَةٍ مِنْ رَجَبٍ، وَلَيْلَةِ النَّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ

*“Telah disampaikan kepada kami bahawa al-Imam al-Syafie telah berkata: Sesungguhnya doa yang mustajab terdapat pada lima tempat iaitu pada malam Jumaat, malam Hari Raya ‘Idul Adha, malam Hari Raya ‘Idul Fitri, malam pertama dalam bulan Rejab serta malam Nisfu Syaaban.”*

SOALAN 27 :

*Amalan-amalan serta zikir yang dianjurkan ketika di rumah bersama keluarga semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)*

**JAWAPAN:** Antara amalan-amalan serta zikir yang dianjurkan ketika di rumah bersama keluarga semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP):

### 1. Melazimkan solat berjemaah

Hubungan kekeluargaan merupakan ikatan yang terbina atas faktor pertalian darah yang sudah semestinya membentuk nilai kasih sayang serta persefahaman di antara satu sama lain. Maka, adalah lebih utama apabila ia dipupuk menerusi amalan solat secara berjemaah. Maka, sudah tentu ia akan menatijahkan disiplin serta nilai perhambaan diri seseorang kepada Allah SWT. Hal ini akan menzahirkan sifat syukur di dalam diri seorang Muslim.

### 2. Amalan tahlil

Secara umumnya, tahlil merujuk kepada kalimah لا إله إلا الله . Ia berdasarkan sabda Rasulullah SAW:

لَقِنُوا مَوْتَكُمْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

*“Ajarkan kepada orang yang sedang dalam keadaan sakaratul maut dengan ucapan la ilaha illallah.”*

*Riwayat Muslim (917)*

Adapun amalan bertahlil sepertimana yang diamalkan pada masa ini merupakan himpunan ayat-ayat suci al-Quran serta zikir yang telah disusun oleh ulama mutaakhirin (terkemudian) sejak abad ke sebelas hijrah. Ia sesuai untuk dijadikan sebagai satu amalan seisi keluarga bagi pelbagai tujuan sama ada untuk dihadiahkan pahala bacaan tahlil kepada roh sanak saudara yang telah meninggal dunia, sebagai meditasi rohani untuk ketenangan jiwa di samping mengeratkan silaturrahim menerusi amalan berzikir.

### 3. Mengamalkan doa menghindari wabak dan bala.

Pelbagai doa yang telah diajarkan oleh ulama yang amat sesuai untuk diamalkan dalam suasana masa ini. Antaranya:

اللهم بسر الفاتحة وبحق من انزلت عليه الفاتحة نسألك أنت أرزقنا صحة  
في الدين والدنيا والآخرة يا فارح الهم ويا كاشف الهم ويا من لعبده  
يعفو ويرحم يا دافع البلاء والنقم إُدفع عنا يا الله كل بلاء ووباء وهم  
وغم وضيق وشدة ونقمة وفتنة وقوم الظالمين

SOALAN 28 :

*Apakah tanggungjawab Ahli Jawatankuasa Kariah dan Pegawai Masjid terhadap masjid, surau diri Jumaat (SDJ) dan surau yang diamanahkan ke atas mereka untuk mengimarahkannya sewaktu PKP 3.0?*

**JAWAPAN :** Sewaktu pelaksanaan PKP 3.0 fasa pertama bermula 1 Jun 2021 sehingga 14 Jun 2021 pihak *Ulil Amri* telah membuat ketetapan seperti paparan Siaran Media Agama Islam Dan adat Melayu Perak dan Pekeliling Pelaksanaan aktiviti keagamaan semasa PKP 3.0 yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak bertarikh 19 Syawal 1442H bersamaan 31 Mei 2021 bahawa aktiviti Solat Fardu:

- a) Dibenarkan di masjid dan surau, maksimum 12 orang jemaah (termasuk Imam) daripada kalangan Pegawai Masjid dan Anggota Jawatankuasa Kariah.
- b) Oleh yang demikian, Ahli Jawatankuasa Kariah dan Pegawai Masjid hendaklah sedaya upaya mengimarahkan solat fardu secara berjamaah bagi meninggikan Syiar Islam di masjid, surau diri Jumaat (SDJ) dan surau serta tidak dibenarkan sama sekali mewakili orang lain bagi tujuan tersebut. Pemeliharaan syiar solat berjamaah hendaklah sedaya upaya dikekalkan walaupun dalam keadaan pandemik COVID-19. Pensyiaran solat fardu berjamaah boleh didapati menerusi firman Allah SWT dalam surah al Nisa' ayat 102:

وَإِذَا كُنْتَ فِيهِمْ فَأَقَمْتَ لَهُمُ الصَّلَاةَ فَتَقَمَّ طَائِفَةٌ  
مِّنْهُمْ مَعَكَ

*"Dan apabila engkau (wahai Muhammad) berada dalam kalangan mereka (semasa perang), lalu engkau mendirikan sembahyang dengan (menjadi imam) mereka."*

Al-Khatib Al-Syarbini menyatakan dalam kitab Mughni Al-Muhtaj Ila Ma'rifah Alfaz Al- Minhaj Jilid 1, Halaman 350:

أمر بها في الخوف ففي الأمن أولى

*"Perintah ini diturunkan ketika waktu perang, maka sudah semestinya lebih utama dilakukan ketika dalam keadaan aman."*

SOALAN 29 :

*Apakah kewajaran hanya Ahli Jawatankuasa Kariah dan Pegawai Masjid sahaja dikehendaki untuk melaksanakan solat Jumaat di masjid dan surau diri Jumaat (SDJ) dan solat fardu di masjid, surau diri Jumaat (SDJ) dan surau sewaktu PKP 3.0 ini?*

**JAWAPAN:** Berdasarkan statistik dan data yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia menunjukkan kadar kes baharu amat membimbangkan serta kadar kematian seramai 2796 orang. *Ulil Amri* boleh membuat ketetapan bagi memelihara kemaslahatan rakyat berlandaskan syariat Islam seperti pernyataan kaedah fiqhiyah dalam Kitab al *Asybah wa al-Nadzair* Karangan Imam Suyuti pada kaedah kelima pada halaman 121:

## القَاعِدَةُ الْخَامِسَةُ: تَصَرُّفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مَنْوُطٌ بِالْمَصْلَحَةِ

*“Tindakan yang dijalankan oleh pemerintah terhadap rakyat bergantung kepada masalah”.*

Arahan hanya Ahli Jawatankuasa Kariah dan Pegawai Masjid sahaja yang dikehendaki untuk mengimarahkan masjid dan surau diri Jumaat (SDJ) untuk melaksanakan solat Jumaat sewaktu PKP 3.0 serta pelaksanaan solat fardu secara berjemaah di masjid, surau diri Jumaat (SDJ) dan surau bertujuan untuk mengawal penyebaran virus COVID-19 secara terkawal dan efektif tanpa melibatkan pihak luar termasuk orang yang tidak dikenali. Pendekatan ini menepati kaedah usul seperti :

### سد الذريعة

*“Iaitu merujuk kepada perlunya menutup pintu-pintu yang boleh membawa kemudahan”*

Mengehadkan individu tertentu dengan bilangan tertentu juga merupakan salah satu cara menutup pintu yang boleh membawa kemudahan dalam jangkitan COVID-19. Juga berdasarkan kaedah fiqhiyah dalam Kitab *al-Asybah wa al-Nadzair* Karangan Imam Suyuti pada kaedah keempat pada halaman 83:

### الضرر يزال

*“Mudarat itu wajib dihilangkan”..*

Sebarang usaha pihak *Ulil amri* secara serius dan efektif melalui tindakan pencegahan bagi mengelak kemudahan kepada rakyat adalah wajib hukumnya pada syarak.

SOALAN 30 :

*Bayaran upah mengasuh anak, apakah boleh ambil bayaran penuh sedangkan anak tidak dihantar ke rumah pengasuh? Begitu juga bayaran yuran tadika / tuisyen / persekolahan, apakah tetap dikenakan bayaran penuh ?*

**JAWAPAN :** Kedua-dua pihak adalah dinasihatkan untuk berbincang khususnya berdasarkan kepada terma dan syarat perjanjian atau sebarang peraturan yang telah dipersetujui lebih awal jika ada, dengan syarat terma dan syarat serta peraturan tersebut tidak melanggar Syarak. Dalam keadaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang disebabkan oleh penularan wabak COVID-19, pengusaha sekolah / taska @ tadika / pusat tuisyen atau pengasuh tidak boleh mengenakan sebarang bayaran / yuran / upah kerana tiada perkhidmatan yang boleh diberikan lantaran pergerakan adalah dihadkan. Jika bayaran telah dibuat lebih awal, maka bayaran lebihan tersebut adalah hak milik pembayar dan ia adalah amanah di tangan pengusaha / pengasuh dan boleh dituntut pada bila-bila masa. Yuran / upah tersebut boleh disimpan atas dasar amanah oleh pihak sekolah / taska / pengusaha / pengasuh dengan izin pembayar sehingga keadaan kembali normal. Jika wang itu telah digunakan maka pihak sekolah / taska / pengusaha / pengasuh hendaklah menggantikannya. Apa yang penting, bayaran yuran atau upah hanya boleh diambil setakat perkhidmatan yang diberikan sahaja iaitu setakat sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang disebabkan oleh penularan wabak COVID-19 bermula.

Keadaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang disebabkan oleh penularan wabak COVID-19 dikira sebagai salah satu keadaan faktor mendatang atau hal mendatang yang tidak terduga “*awaridh tari’ah*” atau “*zuruf tari’ah*” yang memberikan kesan kepada kontrak yang telah dimeterai.

Ini kerana ia adalah di luar kawalan pihak-pihak berkontrak (berakad) yang menyebabkan mereka tidak dapat melaksanakan iltizam dan tanggungjawab masing-masing. Oleh itu, kontrak (akad) adalah terfasakh atau terlerai.

SOALAN 31 :

*Apakah pekerja layak mendapat gaji / upah mereka disebabkan cuti kerana menuruti Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang disebabkan oleh penularan wabak COVID-19 ? Adakah majikan boleh memotong gaji / upah mereka ? Apakah terdapat perbezaan bagi mana-mana pekerja yang bergaji harian dan bulanan?*

**JAWAPAN :** Kedua-dua pihak (pekerja dan majikan) adalah dinasihatkan untuk berbincang berdasarkan kepada terma dan syarat perjanjian atau sebarang peraturan yang telah dipersetujui lebih awal jika ada, dengan syarat terma dan syarat serta peraturan tersebut tidak melanggar Syarak. Secara prinsipnya, majikan sama sekali tidak berhak memotong gaji / upah para pekerja kerana status mereka masih sebagai pekerja yang diberikan cuti kerana keadaan tertentu seperti Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang disebabkan oleh penularan wabak COVID-19. Sekiranya cuti yang diberikan itu merupakan cuti bersyarat maka, majikan berhak memotong gaji / upah sebagai syarat cuti yang diberikan.

Begitu juga, majikan juga berhak memotong gaji / upah para pekerjanya jika majikan tidak mampu membayar gaji / upah secara penuh dan pada ketika ini, pekerja mempunyai pilihan atau perlu diberikan pilihan sama ada untuk terus bekerja dengan gaji yang telah dipotong atau berhenti kerja. Walau bagaimanapun, situasi di atas juga tertakluk kepada akta / enakmen / peraturan / arahan / pekeliling atau apa-apa terma daripada pihak kerajaan.



Hal ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan Imam al Tarmizi daripada Kathir bin 'Amr bin 'Awf Al-Muzani daripada ayahnya daripada datuknya daripada Nabi SAW telah bersabda:

المُسْلِمُونَ عَلَى شُرُوطِهِمْ إِلَّا شَرْطًا حَرَّمَ حَلَالًا أَوْ أَحَلَّ حَرَامًا

*“Dan kaum Muslimin harus memenuhi syarat-syarat yang telah mereka sepakati kecuali syarat yang mengharamkan suatu yang halal atau menghalalkan suatu yang haram ”.*

*Hadis Riwayat Tarmizi (1272)*

Keadaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang disebabkan oleh penularan wabak COVID-19 dikira sebagai salah satu keadaan faktor mendatang atau hal mendatang yang tidak terduga “*awaridh tari’ah*” atau “*zuruf tari’ah*”. Hal ini memberi kesan kepada kontrak yang telah dimeterai dan di luar kawalan pihak-pihak berkontrak (berakad) yang menyebabkan mereka tidak dapat melaksanakan iltizam dan tanggungjawab masing-masing.